



KEMENTERIAN KEWANGAN



# UCAPAN BELANJAWAN

# 20 24

REFORMASI EKONOMI, MEMPERKASA RAKYAT





# Ucapan Belanja 2024

The background of the page features a stylized mountain range. The mountains are rendered in various shades of blue and grey, with the foreground mountains being a darker grey and the background mountains being a lighter blue. The peaks are rounded and layered, creating a sense of depth. The overall aesthetic is clean and modern.

## Hakcipta Terpelihara

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan,  
Kementerian Kewangan Malaysia,  
Aras 10, Blok Tengah,  
Kompleks Kementerian Kewangan,  
No. 5, Persiaran Perdana,  
Presint 2,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62592 PUTRAJAYA  
E-mel: belanjawan2024@mof.gov.my

Ucapan Belanjawan diterbitkan setiap tahun dan dikeluarkan pada hari pembentangan Belanjawan Tahunan.

Edisi 2024 diterbitkan pada 13 Oktober 2023.

Naskhah ini telah dicetak oleh:

Institut Penilaian Negara (INSPEN)  
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta,  
Kementerian Kewangan Malaysia,  
Persiaran INSPEN, 43000 Kajang,  
Selangor, Malaysia  
Tel : 03 8911 8800 / 8911 8888  
Faks : 03 8925 8100  
E-mel : webmaster@inspen.gov.my

Naskhah ini juga boleh dimuat turun di:  
<https://belanjawan.mof.gov.my/>



## Rasional Muka Depan

Imej yang dipilih untuk muka depan ini menggambarkan keindahan gunung berlapis yang diliputi dengan pelbagai rona biru. Landskap yang damai ini melambangkan kebesaran cita-cita kita, cabaran yang kita hadapi pada setiap tahap perjalanan kita, dan puncak kejayaan serta pengetahuan yang kita inginkan. Seperti puncak gunung yang naik turun, negara kita telah menghadapi pasang surut tetapi terus bangkit, memupuk perpaduan dan berusaha untuk kemajuan.

Dengan belanjawan dan rancangan untuk tahun mendatang, Kerajaan komited untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan kestabilan serta memastikan setiap individu, seperti setiap puncak di rentang tersebut, memainkan peranan penting dalam menuju ke arah masa depan yang gemilang.

# Kandungan

**14 MUKADIMAH**

**16 PRESTASI DAN TANTANGAN EKONOMI**

**TUMPUAN 1**

TATAKELOLA TERBAIK DEMI KETANGKASAN PERKHIDMATAN

**20 Ikhtiar 1:** Komitmen Reformasi Fiskal

**32 Ikhtiar 2:** Agenda Reformasi Institusi

**35 Ikhtiar 3:** Mengutamakan Perkhidmatan & Projek Rakyat

**TUMPUAN 2**

PENSTRUKTURAN SEMULA EKONOMI BAGI MELONJAK PERTUMBUHAN

**44 Ikhtiar 4:** Merombak Struktur Ekonomi

**52 Ikhtiar 5:** Memperkasa PMKS

**61 Ikhtiar 6:** Menyokong Sektor-Sektor Utama

**71 Ikhtiar 7:** Agenda Mampan dan Peralihan Tenaga

**TUMPUAN 3**

PENINGKATAN DARJAT HIDUP RAKYAT

**84 Ikhtiar 8:** Melindungi Kebajikan Rakyat

**92 Ikhtiar 9:** Menyokong Pemeraksanaan Golongan Tumpuan

**99 Ikhtiar 10:** Menyediakan Kemudahan Asas Terbaik

**119 Ikhtiar 11:** Memperkukuh Perpaduan & Keselamatan


**128 Ikhtiar 12:** Kesejahteraan Penjawat Awam

**131 PENUTUP**

**135 Lampiran I - Ringkasan Belanjawan 2024**

**207 Lampiran II - Langkah Cukai Belanjawan 2024**







“**Malaysia punyai potensi yang hebat, kekayaan hasil mahsul dan tenaga pekerja serta profesional dan rakyatnya yang berdaya saing mampu meletakkan kita pada kedudukan strategik sebagai peneraju ekonomi Asia sebagaimana yang dicita-citakan.**”

**YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim**  
PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN




# Ekonomi Negara 2024

pada harga malar 2015  
(bahagian kepada jumlah dalam %)




# Belanjawan Kerajaan Persekutuan 2024

## DARI MANA DATANGNYA



<sup>1</sup>Terdiri daripada hasil dan pinjaman

## KE MANA DIBELANJAKAN



<sup>2</sup>Tidak termasuk simpanan luar jangka



# Ucapan Belanjawan 2024

oleh:  
YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim  
Perdana Menteri dan Menteri Kewangan

ketika membentangkan  
Rang Undang-Undang Perbekalan (2024)

Di Dewan Rakyat  
Pada Jumaat, 13 Oktober 2023

Tema:  
Reformasi Ekonomi, Memperkasa Rakyat

Tan Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2024 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu" dibaca bagi kali kedua sekarang.



## UCAPAN BELANJAWAN 2024

---

oleh:

YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim  
Perdana Menteri dan Menteri Kewangan

ketika membentangkan  
Rang Undang-Undang Perbekalan (2024)

Di Dewan Rakyat  
Pada Jumaat, 13 Oktober 2023

Tema:  
Belanjawan 2024: Reformasi Ekonomi, Memperkasa Rakyat

Tan Sri Yang di-Pertua,

**Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2024 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu" dibaca bagi kali kedua sekarang.**

## MUKADIMAH

---

*Bismillahirrahmanirrahim*

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.*

*Firman Allah SWT dalam surah al-Qasas, ayat 77:*

وَابْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ ۖ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا ۗ وَأَحْسِنَ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ ۗ  
وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ

*"Dan kejarlah ganjaran yang telah dikurniakan Allah kepadamu di akhirat kelak, akan tetapi janganlah engkau melupakan bahagianmu (yakni keperluan dan bekalan) di dunia ini; dan berbuat ihsanlah sebagaimana Allah berlaku ihsan kepadamu; dan janganlah engkau melakukan fasad di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan."*

1. Pesanan daripada Allah SWT kepada umat manusia ini amat mengesankan. Harus ada tekad merencana kaedah bagi menjamin kesejahteraan warga dalam zaman yang serba galau dan mencabar memandangkan marcapada tidak lagi seperti dahulukala.

2. Kini kita menempuh suatu fasa yang luar biasa aneh, dan fasa ini tentunya belum terjangkau dalam sejarah peradaban manusia. Sementelahan warga dunia masih belum kebal dari cengkaman wabak COVID-19 yang mengesankan tidak hanya aspek kesihatan, tetapi hampir seluruh sendi kekuatan negara dan sistem masyarakat.

3. Maka, berdepan dengan era pascanormal (*postnormal times*) yang dicirikan oleh keberantakan (*chaos*), kerumitan (*complexity*), pertentangan (*contradiction*) akan bantu kita mengemudi jalan keluar. Kemelut yang tercetus mempunyai kelajuan (*speed*), cakupan (*scope*), skala (*scale*) dan keserentakan (*simultaneity*) yang membimbangkan. Akibatnya, adalah memangsakan rakyat; merosakkan ekosistem dan menggugat rantai bekalan makanan.

4. Justeru, kita harus melakar dan menghayati dengan memperbaiki ketempangan dalam sistem ekonomi negara. Kita mulakan dengan memperbaiki tatakelola, sistem tadbir urus dan membanteras rasuah. Antara contoh ketara adalah pelaksanaan sistem subsidi pukal yang turut memanfaatkan golongan elit dan mahakaya.

5. Seharusnya kebijakan ekonomi terarah kepada pertumbuhan dan pemerataan ekonomi. Namun, apa yang berlaku adalah jumlah subsidi besar yang memberi manfaat kepada golongan kaya. Adalah diharapkan dengan memperbaiki ketirisan subsidi, hasil dapat diagihkan kepada rakyat termasuk kenaikan upah golongan pekerja.

6. Keterlanjuran lalu juga dalam pemusatan isu subsidi juga mengakibatkan hutang dan liabiliti negara menjangkau 1.5 trilion ringgit atau 82 peratus kepada KDNK. Bayaran khidmat hutang sahaja dijangka mencatat 46.1 bilion ringgit atau 15.2 peratus daripada hasil 2023. Hanya dengan mengurangkan defisit dan tanggungan, Kerajaan dapat mengembalikan kedudukan fiskal negara yang mampan.



7. Tekad perubahan harus bermula dengan iltizam setiap warga, terpancar dari keyakinan dan hati nurani. Inilah yang pernah diungkapkan oleh pemikir Algeria Malik Bennabi sebagai “*the inner struggle of conscience*,” disusuli dengan “*collective consciousness for renewal*” – kesedaran bersama pimpinan dan rakyat keseluruhannya ke arah islah dan ke arah pembaharuan.

8. Maka, Belanjawan 2024 yang saya ungkap sebagai **Belanjawan MADANI Kedua menghamparkan tekad dan kesungguhan Kerajaan Perpaduan dalam memaknai sebuah cetusan nurani bagi mengangkat darjat harakat ekonomi negara dan rakyat.**

## PRESTASI DAN TANTANGAN EKONOMI

---

9. *Alhamdulillah*, menjelang usia hampir setahun, pimpinan Kerajaan Perpaduan sedaya upaya menjelmakan semula kekuatan watan. Ekonomi domestik Malaysia terus kukuh.

- Kadar **pengangguran berjaya turun kepada kadar 3.4 peratus setakat Ogos 2023**; iaitu hampir menyamai kadar sebelum COVID-19 (3.3 peratus).
- Kendatipun kebergantungan makanan import masih tinggi, tekad dan kesungguhan semua pihak berjaya meredakan inflasi secara beransur-ansur setiap bulan. **Pada Ogos 2023, kadar inflasi hanya 2 peratus iaitu antara**

**terendah di rantau ini** malah lebih baik ketimbang negara ekonomi maju.

- Malaysia kekal sebagai destinasi pilihan pelabur asing. **Bagi separuh pertama 2023, kita berjaya meraih pelaburan diluluskan bernilai 132.6 bilion ringgit** iaitu melebihi 60 peratus daripada sasaran tahun ini. Pencapaian ini merangkumi 63.3 bilion ringgit pelaburan langsung asing melibatkan keseluruhan 2,651 projek dan dijangka menghasilkan lebih 51 ribu peluang pekerjaan.
- Malaysia juga kekal sebagai destinasi tumpuan pelancong. Setakat Ogos 2023 menyaksikan ketibaan pelancong asing hampir 13 juta pelancong, iaitu lebih tiga kali ganda ketimbang tahun lalu.
- Indikator-indikator inilah yang sebenarnya merupakan kekuatan hakiki negara. *Insyah-Allah*, dengan itu prestasi ekonomi akan terus pulih meski kita menghadapi tantangan ringgit.

**10.** Sementelahan ini membuktikan negara di landasan yang tepat, namun kita tidak harus mendabik dada dan terlalu cepat berpuas hati. Perlu diakui bahawa situasi ekonomi global yang mencengkam telah menempiasi prestasi ekonomi kita. **Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada suku kedua 2023 mencatat pertumbuhan lebih sederhana sebanyak 2.9 peratus** ketimbang 5.6 peratus pada suku pertama 2023. Secara keseluruhan, kita

mencapai pertumbuhan separuh pertama 2023 sebanyak 4.2 peratus.

**11.** Pencapaian ini cerminan permintaan eksport yang lebih perlahan selain dampak asas yang tinggi pada suku kedua tahun lalu. Seiring realiti perkembangan ini, **pertumbuhan KDNK bagi tahun 2023 harus diunjur semula kepada sekitar 4 peratus.**

**12.** Justeru, kesempatan yang ada perlu dimanfaatkan untuk kita melakukan reformasi menyeluruh terhadap struktur ekonomi bagi mengembalikan tahap negara sebagai jaguh Asia.

**13.** Walhasil, **Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat** diluncurkan sebagai kerangka besar bagi berdepan kerencaman tantangan semasa dan jangka panjang dengan menaikkan siling dan lantai. Tumpuan utama adalah untuk merombak struktur ekonomi dan mengangkat darjat hidup rakyat. Langkah-langkah segar di bawah Ekonomi MADANI adalah untuk mencapai tujuh penanda aras sebagai sasaran jangka sederhana.

**14.** Ekonomi MADANI juga menjadi induk kepada dasar-dasar yang telah diluncurkan iaitu Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMK12).

**15.** Hari ini, dibentangkan **Belanjawan MADANI Kedua** sebagai **kesinambungan dasar yang menelusuri Kerangka Ekonomi MADANI**. Semua usaha yang dirangka akan menyusul setiap keutamaan dan penanda aras Ekonomi MADANI yang dicerakinkan kepada tiga tumpuan utama iaitu:

**Pertama: Tatakelola Terbaik Demi Ketangkasan Perkhidmatan**

**Kedua: Penstrukturan Semula Ekonomi Bagi Melonjak Pertumbuhan**

**Ketiga: Peningkatan Darjat Hidup Rakyat**

## I. TATAKELOLA TERBAIK DEMI KETANGKASAN PERKHIDMATAN

---

### **Ikhtiar 1: Komitmen Reformasi Fiskal**

**16.** Kerangka Ekonomi MADANI sudah memeta matlamat yang jelas iaitu untuk meningkatkan darjat hidup rakyat dan kembali menjadi jaguh ekonomi serantau. Untuk itu, sumber kewangan negara harus diurus dengan cekap di samping memastikan khazanah watan menghasilkan kemaslahatan buat seluruh rakyat.

**17.** Arakian, sebuah islah perlu dilaksanakan sungguhpun sukar. Ini termasuklah meluaskan asas hasil, melaksanakan penyasaran semula subsidi dan membasmi segala bentuk rasuah dan penyelewengan yang sistemik. Kita juga memerlukan sebuah perkhidmatan awam yang efisien, cerdas dan tangkas dalam menjayakan agenda pembangunan semula negara.

#### *Pertama: Tanggungjawab Fiskal*

**18.** Peningkatan subsidi tahun 2023 ditampung melalui penjimatan perbelanjaan lain dan penambahan hasil. **Bagi tahun 2023, anggaran hasil yang disemak semula ialah 303.2 bilion ringgit ketimbang 291.5 bilion ringgit sebelumnya.** Jumlah defisit diunjur 5 peratus kepada KDNK sebagaimana ditetapkan.

**19.** Bagi tahun hadapan, **Kerajaan menjangkakan pertumbuhan KDNK antara 4 hingga 5 peratus.** Sekalipun diakui Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengunjurkan pertumbuhan ekonomi Malaysia pada kadar 4.3 peratus. **Dengan pembaharuan Ekonomi MADANI yang bakal dilaksanakan, Kerajaan yakin untuk mencapai pertumbuhan menghampiri 5 peratus.**

**20.** Kutipan hasil Kerajaan 2024 dijangka menyaksikan peningkatan daripada 303.2 bilion ringgit tahun ini kepada 307.6 bilion ringgit. Defisit fiskal 2024 diunjur berkurang kepada 4.3 peratus ketimbang sasaran 5 peratus tahun ini dan 5.6 peratus tahun 2022.

**21.** Dalam jangka sederhana, kita akan mencapai defisit fiskal 3 peratus atau lebih rendah kepada KDNK sepertimana penanda aras ditetapkan dalam Kerangka Ekonomi MADANI. *Alhamdulillah,* kelmarin Dewan Yang Mulia ini telah meluluskan Rang Undang-Undang Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 atau *Fiscal Responsibility Act (FRA)*. Ini memperkukuh komitmen Kerajaan dalam memperteguh tatakelola serta menjamin ketelusan dan pertanggungjawaban. Apa yang dimaksudkan dengan FRA adalah penyerahan kuasa Menteri Kewangan kembali kepada Parlimen untuk memantau.

## *Kedua: Anggaran Belanjawan 2024*

**22.** Belanjawan MADANI Kedua **memperuntukkan 393.8 bilion ringgit iaitu Belanjawan tertinggi pernah dibentangkan.** Daripada jumlah tersebut, **303.8 bilion ringgit adalah untuk belanja mengurus, 90 bilion ringgit untuk belanja pembangunan** dan 2 bilion ringgit simpanan luar jangka.

**23.** Perbelanjaan tersebut melibatkan penambahan siling RMK12 sebanyak 15 bilion ringgit lagi, menjadikan jumlah keseluruhan 415 bilion ringgit untuk tempoh lima tahun. Penambahan ini menunjukkan Kerajaan mengamalkan pendekatan fiskal yang mengembang (*expansionary fiscal stance*) walaupun pada masa yang sama bertanggungjawab mengurangkan defisit fiskal secara berperingkat.

## *Ketiga: Peluasan Asas Hasil*

Tan Sri Yang di-Pertua,

**24.** Hasil harus diperluaskan. **Malaysia merupakan negara ketiga tertinggi dunia untuk subsidi petrol. Harga petrol RON95 kita adalah antara termurah di dunia** dengan kadar 2 ringgit 5 sen seliter, malah lebih murah berbanding Arab Saudi, pengeluar minyak utama dunia (2 ringgit 94 sen). Jika dibandingkan dengan harga negara serantau yang pendapatan rakyatnya lebih rendah daripada kita: Indonesia pada kadar 4 ringgit 45 sen dan Thailand pada kadar 5 ringgit 99 sen.

**Cukai yang kita pungut pula antara yang terendah di ASEAN, yakni hanya 11.8 peratus** kepada KDNK ketimbang Singapura (12.6 peratus) dan Thailand (16.4 peratus), berdasarkan tahun 2021.

**25.** Maka, sebagai langkah meningkatkan mutu perkhidmatan dan bantuan kepada rakyat, Kerajaan Perpaduan bertanggungjawab meluaskan asas hasil. Mulai tahun hadapan, beberapa langkah reformasi percukaian akan dilaksanakan bagi meluaskan asas hasil negara, dengan maksud mengelakkan bebanan ditanggung oleh rakyat. Pertimbangan ini sangat sukar, tetapi terpaksa dilakukan untuk meningkatkan hasil, mengurangkan subsidi, tetapi tidak membebankan rakyat.

**26. PERTAMA:** Kerajaan bercadang untuk menaikkan kadar Cukai Perkhidmatan kepada 8 peratus ketimbang 6 peratus sekarang. Namun, agar tidak membebankan rakyat, peningkatan ini tidak termasuk perkhidmatan seperti makanan dan minuman serta telekomunikasi. Kerajaan juga akan meluaskan skop perkhidmatan bercukai meliputi perkhidmatan logistik, pembrokeran, penajajaminan dan kelab karaoke.



**27. KEDUA:** Setelah mengambil kira input pihak-pihak berkepentingan melalui sesi libat urus yang diadakan, **Kerajaan akan menguatkuasakan pelaksanaan Cukai Keuntungan Modal bagi pelupusan saham tidak tersenarai oleh syarikat tempatan berdasarkan keuntungan bersih pada kadar 10 peratus mulai 1 Mac 2024. Kerajaan turut mempertimbangkan pengecualian Cukai Keuntungan Modal ke atas pelupusan saham berkaitan aktiviti tertentu seperti *Initial Public Offering* (IPO) yang diluluskan, penstrukturan dalaman dan syarikat modal teroka tertakluk kepada syarat ditetapkan.**

**28. KETIGA:** Kerajaan akan **menggubal perundangan baharu bagi melaksanakan Cukai Barang Bernilai Tinggi pada kadar 5 hingga 10 peratus ke atas barang bernilai tinggi tertentu seperti barang kemas dan jam tangan berdasarkan nilai ambang harga barangan**, tapi untuk maksud menggalakkan pelancongan, ia tidak dikenakan kepada pelancong dan beberapa peraturan diperkenalkan supaya pelancong boleh mengutip pulangan cukai itu sebelum berlepas ke luar negara.

Tan Sri Yang di-Pertua,

**29.** Malaysia perlu seiring dengan piawaian percukaian antarabangsa khususnya dalam mengekang aktiviti penghakisan asas cukai dan pemindahan keuntungan ke negara yang mempunyai kadar cukai yang rendah. Mengambil kira maklum balas daripada industri dan perkembangan terkini antarabangsa, **Kerajaan dijangka akan melaksanakan cukai minimum global pada tahun 2025 dan hanya terpakai kepada syarikat yang**

**mempunyai pendapatan global sekurang-kurangnya 750 juta EURO.** Kerajaan juga akan terus memantau perkembangan cukai minimum global di peringkat antarabangsa.

**30.** Terkait pelaksanaan e-invois oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), Kerajaan mengambil kira maklum balas yang diterima dan bagi memberikan cukup masa kepada pembayar cukai:

- Maka, Kerajaan bersetuju **menguatkuasakan e-invois secara mandatori kepada pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi 100 juta ringgit mulai 1 Ogos 2024.**
- Manakala, pembayar cukai mengikut kategori pendapatan selainnya akan dibuat secara berfasa dengan sasaran pelaksanaan menyeluruh mulai 1 Julai 2025.
- Nombor Pengenalan Cukai (TIN) akan diperluas penggunaannya untuk menyokong pelaksanaan e-invois. Ini dapat melebarkan lagi jaringan pembayar cukai susulan pematuhan cukai secara sukarela yang seterusnya mengurangkan ketirisan hasil dan perkara sebegini akan terus diberikan perhatian.

**31. Agensi penguatkuasaan akan terus memperhebat usaha sama menangani ketirisan hasil.** Langkah kawalan penyeludupan rokok umpamanya telah menyumbang kepada penurunan peratus rokok tidak sah di pasaran tempatan kepada 56.6 peratus pada tahun 2022 ketimbang 63.8 peratus pada tahun 2020.

Memandangkan bilangan rokok tidak sah masih tinggi di pasaran, maka kerjasama antara agensi akan dipertingkatkan termasuk memperketatkan kawalan penyeludupan minuman keras.

**32.** Mulai 1 Januari 2024, Kerajaan akan memperketat langkah kawalan penyeludupan dan memperluas kepada produk minuman keras.

- Aktiviti pindah kapal (*transshipment*) bagi produk minuman keras akan dihadkan di pelabuhan tertentu sahaja.
- Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan Bukit Kayu Hitam akan dijadikan sebagai laluan keluar tunggal bagi wilayah utara.
- Aktiviti import bagi rokok untuk pasaran domestik pula hendaklah dilakukan secara muatan kontena secara penuh (*full container load*).

**33.** Kerajaan menghargai komitmen agensi penguat kuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dalam meningkatkan usaha penguatkuasaan serta operasi membanteras ketirisan hasil negara. Ketangkasan tindakan PDRM membanteras jenayah dan ikhtiar SPRM menggeledah pengamal sindiket kewangan dan kartel perlu dihargai. Sebagai langkah dorongan, sukacita saya bersetuju bahawa **agensi penguatkuasaan yang menunjukkan komitmen**

**berterusan dan prestasi cemerlang akan diberikan ganjaran sewajarnya.**

*Keempat: Penyasaran Subsidi*

Tan Sri Yang di-Pertua,

**34. Belanjawan 2023 memperuntukkan 64 bilion ringgit untuk perbelanjaan subsidi dan bantuan tetapi keperluan tahun ini dijangka mencecah 81 bilion ringgit. Di antara subsidi tertinggi oleh mana mana kerajaan di dunia. Oleh yang demikian, ada keperluan untuk dilihat semula ketangkasan dan pelaksanaan. Harga barangan bersubsidi untuk rakyat harus dilaksana, ditangani secara berhemah untuk mengelakkan daripada peningkatan kos sara hidup dan menekan rakyat. Walau bagaimanapun, seperti saya tegaskan sebelum ini, subsidi itu dihirup oleh golongan kaya dan 3.5 juta orang asing yang mendapat faedah subsidi yang disediakan. Maka kita mohon Ahli-Ahli Yang Berhormat dan rakyat memahami keperluan menyekat subsidi yang dikhususkan untuk golongan kurang mampu daripada terus dihirup oleh golongan maha kaya dan dihirup oleh 3.5 juta rakyat asing yang dibiarkan selama ini.**

**35. Maka, mulai tahun hadapan, pendekatan penyasaran semula subsidi akan dilaksanakan secara berfasa. Jika benar kita dapat jimatkan belanja subsidi, maka saya jamin *Insyah-Allah* kita akan tambah peruntukan bantuan tunai kepada rakyat melalui Sumbangan Tunai Rahmah, daripada 8 bilion ringgit kepada 10 bilion ringgit untuk hampir 9 juta rakyat.**

## **PERTAMA: Ayam dan Telur**

**36.** Sejak Februari 2022, soal subsidi telur dan ayam yang dulu diperkenalkan hanya semasa musim perayaan, tetapi sekarang berterusan. Berapa jumlah tanggungan Kerajaan sejak itu? 3.8 bilion ringgit untuk subsidi telur dan ayam. Ini termasuk kepada golongan kaya dan 3.5 juta orang asing.

**37.** *Alhamdulillah*, trend semasa menunjukkan bekalan ayam dan telur telah mula stabil dan harga pasaran semasa kini berada di bawah harga siling kawalan. Oleh yang demikian, Kerajaan akan menimbangkan supaya harga ayam dan telur diapungkan berdasarkan harga pasaran yang lebih rendah berbanding harga yang ditetapkan oleh Kerajaan. Ini akan diumumkan dalam sedikit masa oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan setelah berunding dengan pihak pengeluar dan memastikan tidak ada kenaikan harga yang tidak munasabah oleh syarikat dan peniaga.

**38.** Pengumuman terkait langkah-langkah konkrit lanjutan akan dibuat oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dalam masa dua minggu.

## **KEDUA: Elektrik**

**39.** Pemberian subsidi elektrik secara pukal sangat membebankan dan sekali lagi lebih menguntungkan golongan kaya. Saya ingin tegaskan bahawa tidak adil untuk dikatakan tarif elektrik dinaikkan, kerana bagi 90 peratus rakyat tarif tidak

dinaikkan. Umpamanya pada tahun 2022, trend menunjukkan, **10 peratus pelanggan teratas yang menggunakan kemudahan elektrik sebenarnya menikmati 50 peratus subsidi.** Tidak munasabah subsidi untuk orang susah, kelas menengah dan rendah tetapi **10 peratus teratas dapat 50 peratus dana subsidi.** Ini tekad Kerajaan untuk menghentikan subsidi bagi golongan maha kaya, sedangkan **50 peratus pelanggan dengan penggunaan elektrik terendah hanya menikmati 10 peratus subsidi yang diberikan.**

**40.** Maka sebab itu, bermula tahun ini, Kerajaan telah melaksanakan penyasaran semula subsidi dengan melepaskan sebahagian subsidi bagi 10 peratus penggunaan elektrik tertinggi tetapi pada masa yang sama, mengekalkan subsidi yang sama bagi 90 peratus pengguna. **Pendekatan bersasar ini telah dapat menjimatkan lebih 4.6 bilion ringgit daripada unjuran subsidi elektrik 20 bilion ringgit.** Tidak menaikkan kadar elektrik bagi 90 peratus rakyat, tapi hanya memastikan kenaikan bagi 10 peratus penggunaan elektrik tertinggi, dan tidak kepada 90 peratus pengguna. Maknanya subsidi akan diteruskan tapi dikurangkan bagi golongan teratas. Namun, Kerajaan masih menanggung subsidi elektrik 16 bilion ringgit untuk tahun 2023 khususnya bagi pengguna di rumah serta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

**41.** Kerajaan akan terus menambah baik pendekatan penyasaran semula subsidi elektrik mengikut tahap penggunaan elektrik. Kerajaan berharap, keputusan ini memberi isyarat tepat kepada pengguna untuk mempraktikkan

kecekapan tenaga dan amalan berjimat cermat dalam penggunaan elektrik seharian. Termasuk di pejabat-pejabat Kerajaan seluruh negara.

**42.** Kerajaan bersetuju untuk meneruskan **pemberian rebat bil elektrik sehingga 40 ringgit sebulan kepada isi rumah miskin tegar dengan peruntukan 55 juta ringgit akan diperkenalkan untuk mengurangkan lagi beban walaupun kadar dan tarif elektrik tidak dinaikkan.** Selain itu, Kerajaan juga bersetuju mengecualikan bayaran deposit akaun bil elektrik atas nama sendiri.

### **KETIGA: Bahan Api Diesel**

**43.** **Bahan api diesel juga berdepan isu ketirisan yang serius.** Harga diesel bersubsidi semasa ditetapkan pada 2 ringgit 15 sen berbanding harga pasaran 3 ringgit 75 sen seliter. Ini bermakna, Kerajaan menanggung 1 ringgit 60 sen bagi setiap liter diesel atau sekitar 1.5 bilion ringgit sebulan. **Menurut data penggunaan, jualan diesel bersubsidi meningkat sehingga 40 peratus sejak 2019 sedangkan jumlah kenderaan menggunakan diesel hanya meningkat kurang 3 peratus.** Ini bermakna, wujud kemungkinan aktiviti penyeludupan yang serius akibat harga diesel Malaysia yang terlalu murah.

**44.** **Bagi mengelakkan ketirisan dan penyeludupan, Kerajaan berhasrat untuk penyasaran semula subsidi diesel secara berfasa.** Secara konsepnya, harga diesel bersubsidi akan terus dinikmati oleh pengguna terpilih seperti syarikat pengangkutan

barangan. Sementara pengguna lain akan dikenakan harga yang lebih tinggi. Dengan pendekatan tersebut, ianya dapat mengurangkan ketirisan subsidi tetapi pada masa yang sama, mengurangkan impak kepada harga barangan untuk rakyat.

## **LANGKAH PENGUATKUASAAN**

**45.** Tetapi, bagi menjayakan hasrat penyasaran semula subsidi, penguatkuasaan harus lebih berkesan. Maksudnya terhadap pembeli dan penjual. Kejujuran mereka akan menentukan keputusan ini berhasil atau tidak. Walaupun kita tidak menafikan hak peniaga untuk mengaut keuntungan yang munasabah, tetapi gejala kartel dan pakat harga yang menyebabkan kenaikan harga berlebihan dan tidak terkawal bertentangan dengan prinsip manusiawi dan prinsip MADANI. Kerajaan tidak akan berdiam diri sekiranya penyasaran semula subsidi dijadikan alasan untuk menaikkan harga dengan semberono dan tidak munasabah.

**46.** Oleh itu, tumpuan Kerajaan adalah untuk menghapuskan amalan parasit ini melalui langkah kawalan ketat dan penguatkuasaan yang berkesan. Ini tugas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di samping peranan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dengan peruntukan **10 juta ringgit** khusus untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut.



## **Ikhtiar 2: Agenda Reformasi Institusi**

**47. Filasuf Cina Mengzi telah merumuskan empat perkara asasi sebagai tonggak kekuatan moral:**

**仁 rén (insaniyah), 义 yì (ihsan),  
智 zhì (hikmah) dan 礼 lǐ (nilai, kerohanian, ibadah, adat).**

**48.** Kekuatan dalaman inilah yang memperkuat tekad Kerajaan bagi melaksanakan reformasi bagi menamatkan penderitaan rakyat, membasmi amalan rasuah yang sistemik, mengurangkan karenah birokrasi dan menyegerakan projek rakyat serta membangun tatanan politik yang stabil.

*Pertama: Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR)*

**49.** Kita telah perkenalkan Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara telah berjaya mempercepat pelaksanaan projek khususnya melibatkan isu kesesakan di hospital dan pembaikan sekolah dan klinik daif. Tahun hadapan, **Pasukan STAR diberi tanggungjawab untuk mempercepat pelaksanaan projek selenggara lif dengan peruntukan 91 juta ringgit dan kuarters Kerajaan peruntukan 170 juta ringgit.**

Sebanyak **2.4 bilion ringgit diperuntukkan untuk membina, menyelenggara dan membaik pulih kuarters penjawat awam** yang keadaan sangat mengaibkan kerana terlalu daif. Kita

serahkan tugas besar kepada polis, tentera, pasukan bomba, penjara dan lain-lain, tapi mereka hidup dalam keadaan terdesak dengan kemudahan asas tidak diperbaiki sekian lama.

### *Kedua: Reformasi Perundangan*

**50.** Rang Undang-Undang (RUU) Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 telah diluluskan, maknanya komitmen Kerajaan Perpaduan seterusnya adalah untuk **membentangkan Rang Undang-Undang Perolehan Kerajaan di Parlimen pada tahun hadapan**, selari dengan memperbaiki urusan reformasi tatakelola.

Kerajaan **memperuntukkan 18 juta ringgit bagi melancarkan urusan reformasi perundangan**. Ini termasuklah bagi pelaksanaan Akta Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023.

**51.** Badan Kehakiman harus menjadi institusi bebas yang melindungi keluhuran Perlembagaan Persekutuan dan kedaulatan undang-undang. **Sebanyak 38 juta ringgit disediakan bagi meningkatkan produktiviti institusi kehakiman negara**. Peruntukan ini mencakupi keutamaan membaik pulih prasarana serta menaik taraf kemudahan ICT mahkamah yang sudah usang dan rosak. Ini juga termasuk **20 juta ringgit bagi memperkasa Akademi Kehakiman Malaysia yang sangat ditekankan oleh Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara**, dan

**Akademi Kehakiman Syariah Malaysia** dalam melatih hakim-hakim mahkamah atasan secara lebih terancang dan berkesan.

*Ketiga: Reformasi Institusi Awam*

**52.** Berdasarkan beberapa kajian yang dilaksanakan bagi menambah baik kemampuan hasil, perlindungan sosial, tatakelola syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan pengurusan hutang negara, syor-syor yang diterima akan dilaksanakan seperti berikut:

- **menambah baik pengenaan duti setem** serta menyelaraskan pentadbiran insentif cukai bagi mengurangkan ketirisan kutipan hasil;
- **memperkuatkan pentadbiran cukai** termasuk mempermudah pulangan balik cukai serta memusatkan usaha kutipan cukai;
- **memperluas liputan sistem perlindungan sosial** terutamanya melibatkan warga emas dan sektor tidak formal;
- **menstruktur semula institusi kewangan pembangunan (DFI)** melalui penggabungan Bank Pembangunan Malaysia Berhad, SME Bank dan Exim Bank; serta
- **memperkuatkan persekitaran modal teroka melalui pemusatan agensi modal teroka** seperti Penjana Kapital dan MAVCAP di bawah Khazanah Nasional Berhad.

### *Keempat: Kerjasama Awam-Swasta-Dermawan*

**53.** Selaras dengan Kerangka Ekonomi MADANI, Kerajaan akan menumpukan kepada Kerjasama Awam-Swasta-Dermawan (PPPP) dalam melaksanakan projek untuk rakyat.

**54.** Dalam menangani pelbagai isu rakyat di lapangan, **Kerajaan memperuntukkan 100 juta ringgit untuk terus menyokong usaha yang diambil oleh NGO dan pertubuhan masyarakat sivil termasuk Yayasan Hasanah.**

**55.** Bagi memastikan sumber pendapatan institusi, organisasi dan tabung yang diluluskan di bawah **subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967** terus mampan dan dapat menyokong inisiatif kebajikan yang dihasratkan oleh Kerajaan, dicadangkan **syarat penggunaan tidak melebihi 25 peratus daripada dana yang terkumpul bagi tujuan penglibatan dalam perniagaan dinaikkan kepada 35 peratus.** Dengan kelonggaran ini, kerjasama antara Kerajaan dan NGO dapat diperkukuh untuk menambah baik kualiti hidup rakyat.

### **Ikhtiar 3: Mengutamakan Perkhidmatan & Projek Rakyat**

**56.** Kerajaan akan terus membela nasib rakyat dan menumpukan keutamaan terhadap perkhidmatan dan projek-projek yang memberi kesejahteraan kepada rakyat. Antaranya termasuklah menangani masalah asas rakyat yang masih berlarutan.

## *Pertama: Tangani Permasalahan Rakyat*

### (a) Pembaikan Tandas

**57.** Tidak boleh diterima akal bahawa selama ini kita membiarkan anak-anak mengharungi alam persekolahan dengan kemudahan asas khususnya tandas yang rosak dan uzur. Saya ucap tahniah kepada Kementerian Pendidikan kerana berjaya. *Insyah-Allah*, projek pembaikan tandas di 8,354 sekolah hampir siap sepenuhnya tahun ini juga. Tahun hadapan, tekad yang sama akan diperhebat bagi membaik pulih tandas-tandas awam seluruh negara. Untuk tahun ini, KPKT harus memantau keadaan tandas awam. Maka, **150 juta ringgit disediakan bagi menyelenggara dan membaiki tandas awam di 150 PBT seluruh negara.**

### (b) Kemalangan Jalan Raya

**58.** Jalan bertambah banyak, kemalangan bertambah juga. Oleh itu, kita mencatatkan purata lebih 6,000 kematian akibat kemalangan jalan raya. Terbaharu, tentunya insiden tragis yang meragut nyawa enam sekeluarga di Jalan Kuantan-Segamat-Bandar Muadzam amat-amat mengesankan dan seluruh watan turut berduka. Aspek keselamatan jalan raya akan terus diberi pertimbangan utama.

**59.** *Alhamdulillah*, setakat Ogos, lebih 4,100 jalan berlubang di Jalan Persekutuan telah dikenal pasti dan dibaik pulih. Sasaran kita untuk tahun ini ialah berusaha menyelesaikan semua

aduan jalan berlubang di Jalan Persekutuan di seluruh negara. **Kerajaan komited memastikan tindakan diambil dalam tempoh 24 jam setelah menerima aduan jalan berlubang di Jalan Persekutuan.**

- **Kerajaan negeri juga harus memanfaatkan sepenuhnya peruntukan MARRIS berjumlah 5.4 bilion ringgit yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi memastikan jalan negeri juga dalam keadaan terbaik untuk kegunaan rakyat.**
- Tahun hadapan, 2.8 bilion ringgit disediakan untuk menyelenggara jalan dan jambatan persekutuan dengan 300 juta ringgit dikhususkan kepada kontraktor G1 hingga G4.
- **Khidmat Jurutera Daerah akan terus diperkasa bagi segera menangani aduan kecil dan luar jangka melibatkan Jalan Persekutuan. Kerajaan akan meningkatkan peruntukan kepada 200 ribu ringgit ketimbang 100 ribu ringgit sekarang kepada 115 Jurutera Daerah dengan peruntukan keseluruhan 30 juta ringgit.**
- 100 juta ringgit disediakan bagi menyelenggara lampu jalan termasuk menggantikan kepada jenis LED yang dapat menjimatkan elektrik sehingga 60 peratus. 50 juta ringgit turut disediakan untuk tujuan sama di kawasan PBT seluruh negara.

- Akhir sekali, 50 juta ringgit juga disediakan untuk merawat kawasan berkemalangan tinggi antaranya menaik taraf lampu isyarat sedia ada kepada lampu isyarat pintar di Jalan Persekutuan bagi membantu mengurai kesesakan laluan trafik.

### (c) Keadilan Rakyat

**60.** *Alhamdulillah*, susulan kenaikan had kelayakan mendapatkan bantuan guaman penuh kepada 50 ribu ringgit, bilangan kes sivil dan syariah yang mendapat bantuan guaman telah meningkat kepada 8,500 kes. Tahun hadapan, **fungsi Jabatan Bantuan Guaman akan diperkasakan dalam membela nasib rakyat susah untuk mendapatkan keadilan yang saksama.**

**61.** Belanjawan MADANI menyediakan **10 juta ringgit tambahan di bawah Kumpulan Wang Amanah Rakyat Malaysia Luar Negeri bagi membela nasib rakyat kita yang menjadi mangsa sindiket penipuan pekerjaan serta kes-kes kebajikan lain di luar negara.**

### (d) Dasar Peluang Kedua

**62.** Setakat Julai 2023, hampir 14 ribu kes muflis dengan hutang kecil di bawah 50 ribu ringgit telah dilepaskan daripada kebangkrapan. Hasil pelaksanaan Dasar Peluang Kedua, Akta Insolvensi (Pindaan) 2023 juga telah melepaskan secara automatik daripada pengisytiharan muflis bagi kes-kes semasa dan terkebelakang yang memenuhi syarat.

**63.** Tahun hadapan, **Dasar Peluang Kedua** akan diperluas kepada golongan muda berusia 40 tahun ke bawah yang punyai hutang tidak melebihi 200 ribu ringgit.

(e) Ketersampaian Perkhidmatan Rakyat

**64.** Rakyat di pedalaman punyai hak yang sama kepada perkhidmatan Kerajaan. Tahun hadapan, Kerajaan akan mempergiat pelaksanaan inisiatif penyediaan perkhidmatan terus kepada rakyat dengan peruntukan **26 juta ringgit** merangkumi:

- Program Menyemai Kasih Rakyat (MEKAR) yang menawarkan perkhidmatan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN);
- Klinik bergerak oleh hospital pengajar universiti bagi memberi rawatan asas termasuk saringan awal kanser payudara;
- Klinik pergigian bergerak dengan meluaskan perkhidmatan ke kawasan baharu di Penampang dan Keningau, Sabah.
- Bank bergerak dengan kerjasama bank tempatan bagi membawa perkhidmatan perbankan ke kawasan pedalaman; dan
- Mahkamah bergerak khususnya melibatkan kes-kes sivil.



(f) Penipuan Dalam Talian (Scam)

**65.** Isu scam banyak dibangkitkan Ahli Yang Berhormat. Sejak penubuhan, **Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC)** telah mengendali lebih 49 ribu panggilan dan berjaya membeku sehingga 60 juta ringgit transaksi. Tahun hadapan, Kerajaan akan menambah peruntukan NSRC kepada 20 juta ringgit ketimbang 10 juta ringgit sekarang bagi meningkatkan lagi kefungsian NSRC membanteras jenayah scam.

**66.** Bank Negara Malaysia dengan kerjasama sektor kewangan sedang membangunkan Portal Fraud Kebangsaan (NFP) yang dijangka siap menjelang pertengahan tahun 2024. Dengan kebolehan automasi penjejakan dana, diharap Portal ini akan mempercepat tempoh pengesanan, pembekuan dan pemulangan dana.

**67.** Dalam pada itu, agensi berkaitan sedang meneliti keperluan untuk meminda undang-undang termasuk Kanun Tatacara Jenayah bagi membolehkan tindakan yang lebih berkesan diambil terhadap sindiket dan pemegang akaun keldai, seterusnya mempercepat proses pemulangan wang kepada mangsa scam.

*Kedua: Kemajuan Sabah & Sarawak*

**68.** Sabah dan Sarawak memang diberikan perhatian kerana kita ketinggalan dalam melaksanakan perjanjian Malaysia 1963. Di bawah Kerajaan Perpaduan, usaha menzahirkan kesepakatan

yang dicapai pemimpin terdahulu dalam Perjanjian Malaysia 1963 telah direalisasikan.

**69. PERTAMA:** Tahun hadapan, peruntukan Persekutuan untuk pembangunan Sarawak meningkat kepada 5.8 bilion ringgit ketimbang 5.6 bilion ringgit. Manakala, untuk pembangunan Sabah meningkat kepada 6.6 bilion ringgit ketimbang 6.5 bilion ringgit. Bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan, Kerajaan Persekutuan juga telah menurunkan kuasa pelaksanaan projek pembangunan di bawah nilai 50 juta ringgit kepada agensi teknikal Sabah dan Sarawak.

**70. KEDUA:** Kerajaan Perpaduan telah meningkatkan kadar Pemberian Khas interim untuk Sarawak dan Sabah kepada 300 juta ringgit ketimbang 16 juta ringgit bagi Sarawak dan 125.6 juta ringgit bagi Sabah. Bagi Sarawak jumlah ini tidak dikaji semula sejak 1969. Saya tegaskan untuk menjelaskan supaya tidak ada kekeliruan. Sejak 1969 tidak dikaji semula dan sebab itulah ditingkatkan jadi 300 juta ringgit. Manakala bagi Sabah sebelum ini ada kajian semula selepas itu.

**71. KETIGA:** Rang Undang-Undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2023 telah diluluskan di Dewan Rakyat kelmarin bagi memperuntukkan wakil Kerajaan Negeri Sabah yang dinamakan Ketua Menteri Sabah dan seorang wakil Kerajaan Negeri Sarawak yang dinamakan Premier Sarawak selaras dengan hasil Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC) 1963. Alhamdulillah kita laksanakan pada tahun 2023.

**72. KEEMPAT:** Kerajaan Persekutuan bersama-sama Kerajaan Sabah telah mencapai kesepakatan berhubung penyerahan kuasa kawal selia bekalan elektrik yang bakal berkuat kuasa pada 3 Januari 2024. Kendatipun kuasa kawal selia diserahkan kepada Kerajaan Sabah, Kerajaan Persekutuan tetap akan terus membantu Kerajaan Sabah dalam mengukuhkan industri bekalan elektrik di Sabah melalui pemberian subsidi kepada Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) sehinggalah Pelan Transformasi SESB berjaya dilaksanakan dalam tempoh tujuh tahun iaitu sehingga 2030.

**73. KELIMA:** Bagi menjamin kestabilan dan mengurangkan gangguan bekalan elektrik di Sabah khususnya di kawasan timur Sabah, Kerajaan Persekutuan akan memberi sokongan kepada pelaksanaan penjanaan tenaga secara solar hibrid serta pembinaan jaringan talian penghantar elektrik di selatan Sabah.

**74. KEENAM:** Kerajaan Persekutuan juga sedang berunding untuk merealisasikan penyerahan Pelabuhan Bintulu dan pengoperasian Perkhidmatan Udara Desa (RAS) kepada Kerajaan negeri.

### *Ketiga: Pendigitalan Sektor Awam*

**75.** Menjelang akhir RMK12, sasaran kita adalah untuk menduduki tangga ke-20 teratas dunia bagi Subindeks Kecekapan Kerajaan dalam Laporan Daya Saing Global. **Bagi mempertingkatkan lagi tahap kecekapan perkhidmatan awam,**

**pembangunan Identiti Digital Nasional (IDN) akan disegerakan sebagai platform pengesahan diri yang dipercayai.**

**76.** Dalam memperkasa pendigitalan penyampaian perkhidmatan awam, Unit Nukleus GovTech telah diwujudkan untuk membina kepakaran dalaman. Unit ini juga akan memudah cara pembangunan Identiti Digital Nasional dan juga aplikasi lain yang mesra pengguna dengan kos yang optimum.

## II. PENSTRUKTURAN SEMULA EKONOMI BAGI MELONJAK PERTUMBUHAN

---

### **Ikhtiar 4: Merombak Struktur Ekonomi**

**77.** Kerangka Ekonomi MADANI adalah untuk memeta nama Malaysia sebagai jaguh ekonomi serantau. Bagi menggapai hasrat tersebut, struktur ekonomi perlu dirombak dan disusun semula supaya potensi yang ada dapat dikembangkan. **NIMP menyasarkan jumlah pelaburan keseluruhan sehingga 95 bilion ringgit di samping melibatkan 3.3 juta peluang pekerjaan dengan gaji penengah sehingga 4,510 ringgit sebulan menjelang 2030.**

**78.** Kerajaan akan menyediakan peruntukan sehingga 10 peratus daripada jumlah pelaburan NIMP sebagai pemangkin untuk memacu misi NIMP dengan dana permulaan 2024 sebanyak 200 juta ringgit.

#### *Pertama: Keutamaan Sektor HGHV*

**79.** Antara isu struktur yang membelenggu sistem ekonomi termasuklah sektor perindustrian yang menguncup sebelum masanya. Sumbangan industri pembuatan kekal di bawah paras 25 peratus kepada KDNK. Bagi mengekang masalah ini, keutamaan pelaburan masa hadapan ditumpukan kepada bidang yang berpertumbuhan dan bernilai tinggi atau *high growth high value* (HGHV).

**80.** Pendekatan insentif berasaskan keberhasilan ialah satu dimensi baharu yang menggunakan sistem *tiering* dalam pemberian insentif. Ia akan merancakkan syarikat untuk menjana ekonomi melalui pelaburan di dalam bidang pertumbuhan dan bernilai tinggi dan seterusnya mewujudkan kluster ekonomi baru, memperluas rangkaian domestik dan mengimbangi kelestarian ekonomi dan alam sekitar. Dengan ini, syarikat menikmati insentif yang setara dengan komitmen yang dilaksanakan. Sebagai permulaan, Kerajaan bercadang untuk memberikan galakan cukai pelaburan semula secara *tiering* dalam bentuk elaun cukai pelaburan sebanyak 70 peratus atau 100 peratus.

**81.** Bagi menyokong ekosistem aktiviti bernilai tinggi, Kerajaan mencadangkan **Pengerang Integrated Petroleum Complex (PIPC)** dijadikan hab pembangunan sektor kimia dan petrokimia dengan pemberian pakej galakan cukai dalam bentuk kadar cukai khas atau elaun cukai pelaburan.

*Kedua:* Malaysia Destinasi Pelaburan

**82.** Selanjutnya, Kerajaan juga akan terus memperhebat usaha untuk meraih lebih banyak pelaburan berimpak tinggi. Dalam membina kelebihan Malaysia sebagai destinasi pelaburan asing, Kerajaan akan melaksanakan beberapa kebijakan dan pengarah baharu untuk memudah urusan perniagaan diperkenalkan.

- Kawasan Perindustrian di Bayan Lepas, Pulau Pinang dan Kulim Hi-Tech Park, Kedah telah menghimpunkan syarikat terkemuka dunia dalam sektor E&E. **Bagi membina ekosistem lebih luas untuk kluster E&E di wilayah utara, Kerajaan akan membuka kawasan perindustrian berteknologi tinggi di Kerian, Perak Utara.**
- **Tanggungjawab MITI dan MIDA tidak lagi hanya tertumpu kepada kelulusan insentif pelaburan semata-mata tetapi perlu mempermudah urusan pelaburan FDI dan DDI bermula daripada permohonan sehinggalah pelaburan itu direalisasikan.** Untuk itu, sebuah Jawatankuasa Tindakan Penyelarasan Pelaburan dan Perdagangan (JTPPP) telah ditubuhkan dan bertanggungjawab melaporkan secara terus kepada Majlis Pelaburan Negara yang dipengerusikan oleh saya sendiri.

### *Ketiga: Pengantarabangsaan Syarikat Pemula*

**83.** Kemunculan lebih banyak syarikat pemula tempatan amat mustahak bagi mempercepat penstrukturan semula ekonomi negara. Kerajaan menyasarkan kedudukan ke-20 teratas bagi Ekosistem Syarikat Pemula Global menjelang 2030 selain menjadikan Kuala Lumpur sebagai hab industri digital dan syarikat pemula bagi rantau Asia Tenggara.

**84.** Selaras dengan keputusan Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Industri Ke-4 Negara, 28 juta ringgit disediakan bagi membangunkan platform MYStartup sebagai tetingkap tunggal

yang menghimpunkan syarikat pemula di samping mempermudah aktiviti perniagaan sepanjang kitaran hayat mereka. Inisiatif ini akan mengoptimumkan dana sebanyak 200 juta ringgit di bawah pelbagai agensi pembiayaan dan modal teroka di bawah satu platform.

**85.** Bagi mengantarabangsakan syarikat pemula tempatan dan meningkatkan daya saing mereka bagi menembusi pasaran serantau:

- Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Kerajaan (GLIC) menyediakan dana sehingga 1.5 bilion ringgit untuk menggalakkan syarikat pemula termasuk usahawan PKS bumiputera menceburi bidang HGHV seperti ekonomi digital, teknologi angkasa serta elektronik dan elektrik (E&E).

**86.** Bagi menyokong pendanaan modal kepada syarikat pemula:

**Pertama:** peruntukan sebanyak 100 juta ringgit kepada MyCIF bagi tempoh 3 tahun bagi melengkapi kerjasama dengan inisiatif keterjaminan makanan, alam sekitar, masyarakat dan juga Majlis Agama Islam Negeri untuk membuka peluang pembangunan aset wakaf untuk tujuan kesihatan, pendidikan, dan perusahaan asas tani.

**Kedua:** galakan cukai kepada pelabur individu yang melabur dalam syarikat pemula melalui



**platform pendanaan awam ekuiti (ECF)** akan turut diperluas kepada pelabur individu melalui syarikat nomini Perkongsian Liabiliti Terhad serta dilanjutkan sehingga 31 Disember 2026.

**Ketiga:** galakan cukai pelabur mangkin (*angel investor*) dilanjutkan sehingga 31 Disember 2026 bagi menggalakkan pendanaan modal dalam syarikat pemula teknologi.

#### *Keempat: Peneraju Ekonomi Islam Global*

**87.** Saya pernah menyinggung pendekatan sektor kewangan Islam di Malaysia yang masih belum memenuhi maksud maqasid syariah yang berteraskan keadilan dan maslahat buat semua kerana menggunakan instrumen kewangan sama sebagai alternatif kepada bank konvensional.

**88.** Peringatan Almarhum Nejatullah Siddiqi seyogianya dihayati, ***“more than anything else, Islamic banking and finance, a sub-culture of Islamic economics, has been a quest for justice and morality into the ordinary business of life.”***

**89.** *Alhamdulillah*, bidang kewangan Islam telah menghadiahkan kita suatu kaedah perbankan moden tanpa riba sejak empat dasawarsa yang lalu. Namun, perkembangan ini tidak harus terhenti sebatas itu. Hala tuju ekonomi Islam harus ditetapkan agar mampu menjayakan hasrat objektif Islam yang lebih luas, termasuk

menangani jurang antara amalan ekonomi yang selaras dengan ajaran al-Quran dan Sunnah.

**90. Persidangan Antarabangsa mengenai Ekonomi dan Kewangan Islam (ICIEF2023) juga akan dianjurkan pada bulan Disember 2023 bagi mencerakinkan permasalahan ini sebagai usaha mempelopori peralihan kepada sistem kewangan Islam yang lebih syumul.**

**91.** Persidangan ini akan menghimpunkan lebih 400 pemikir dan teknokrat bidang kewangan Islam dan melibatkan hampir 100 kertas pembentangan bagi mengupas isu-isu dan tindakan yang boleh diambil dalam memartabatkan kewangan Islam.

**92.** Pelarasan semula sistem kewangan Islam adalah perlu dalam usaha memperkasa impak sektor kewangan Islam agar berpeluang memberikan kesaksamaan, kesejahteraan dan kemakmuran kepada semua peringkat masyarakat.

- Melalui **Amalan Perantaraan Berasaskan Nilai atau *Value-based Intermediation (VBI)***, bank-bank Islam dan pengendali takaful mampu menerokai inovasi berimpak menerusi penawaran pelbagai jenis modal yang memenuhi keperluan semua lapisan masyarakat khususnya mereka yang terpisah daripada akses kepada perkhidmatan kewangan.
- **BNM dan institusi kewangan Islam juga sedang memajukan program rintis pelaburan berimpak**

melalui Akaun Pelaburan atau *Investment Account (IA)* yang lebih meluas. Usaha ini menggabungkan elemen perkongsian risiko antara pihak pelabur dalam pelaburan berteraskan *Sustainable Development Goals* SDG dan juga elemen pelaburan sosial iaitu sebahagian keuntungan akan disalurkan untuk pembangunan sosial seperti pembiayaan pendidikan golongan miskin.

- *Alhamdulillah*, Malaysia kekal pada kedudukan pertama dalam keseluruhan Indikator Pembangunan Kewangan Islam (IFDI) global untuk 10 tahun berturut-turut. **Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC) akan terus memperkukuh daya saing negara dalam bidang kewangan Islam** di samping mengetengahkan Malaysia sebagai destinasi pilihan utama bagi menambah aktiviti pemerolehan dana dan pelaburan Islam serta hab takaful semula.
- Bagi mendalami nilai-nilai universal ekonomi Islam dan pengalamannya dalam konteks semasa, **Kerajaan menyediakan 20 juta ringgit bagi merencanakan kajian serta kreativiti dan inovasi ekonomi Islam**. Usaha ini akan diterajui oleh Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) dengan penglibatan bersama MIFC dan industri.

**93.** Kerajaan mencadangkan untuk **mengecualikan cukai pendapatan ke atas pendapatan yang terbit daripada *Islamic Securities Selling and Buying (ISSB)* mulai tahun taksiran 2024.**

Ini bagi meningkatkan keseluruhan jumlah dagangan sekuriti dan kecairan pasaran saham patuh syariah melalui penglibatan lebih ramai pelabur dan broker dalam transaksi ISSB selain memastikan layanan setara yang diberikan bagi transaksi *Securities Borrowing and Lending* (SBL).

**94.** Bagi menyokong pembangunan Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC) sebagai hab kewangan Islam dan patuh syariah, Kerajaan turut bercadang untuk **mengecualikan cukai pendapatan sepenuhnya selama 5 tahun kepada entiti Labuan yang menjalankan aktiviti perdagangan berkaitan kewangan Islam** seperti perbankan digital Islam, bursa digital Islam, syarikat berkaitan ummah dan pengeluar token digital Islam mulai tahun taksiran 2024.

**95.** Penganjuran *Malaysia International Halal Showcase* Ke-19 pada bulan lalu telah merekodkan jualan produk halal mencecah 3 bilion ringgit iaitu 24 peratus lebih tinggi daripada sasaran. Pameran halal terbesar dunia ini telah memadankan 469 syarikat tempatan dengan 231 pembeli antarabangsa dari 44 buah negara.

- Selaras dengan Pelan Induk Industri Halal 2030 yang menetapkan penanda aras sumbangan industri halal sebanyak 11 peratus kepada KDNK menjelang 2030, **9 institusi kewangan menawarkan program khusus untuk PKS halal di bawah platform bersepadu halal yang menawarkan akses kepada dana khas dan program bina upaya.**

- Selain itu, Kerajaan akan memendekkan **tempoh memproses pensijilan halal daripada 51 kepada 30 hari**. Halal Development Corporation (HDC) bersama-sama JAKIM akan menerajui usaha memudah cara pemrosesan pensijilan halal khususnya untuk pengeksporth produk halal.

**96.** Program kewangan sosial i-TEKAD yang diluncurkan sebelum ini telah memanfaatkan hampir 4,000 usahawan mikro dengan sambutan yang amat menggalakkan oleh 12 institusi kewangan. Oleh yang demikian, Kerajaan memperuntukkan dana tambahan sehingga 25 juta ringgit secara geran padanan dengan institusi kewangan bagi memberi manfaat kepada lebih ramai usahawan.

**97.** Kerajaan telah menyediakan 200 juta ringgit pada April lalu untuk membangunkan semula tanah-tanah wakaf di Pulau Pinang secara pinjaman mudah. Tahun hadapan, Kerajaan akan meningkatkan dana kepada 500 juta ringgit untuk pinjaman mudah bagi meningkatkan pembangunan semula tanah-tanah wakaf di seluruh negara.

#### **Ikhtiar 5: Memperkasa PMKS**

**98.** Belanjawan MADANI Kedua akan terus menyokong usahawan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) selaras dengan hasrat Kerangka Ekonomi MADANI. Keutamaan adalah untuk menyokong peningkatan kapasiti perniagaan serta daya saing dalam melonjak pertumbuhan pendapatan rakyat dan negara.

## *Pertama: Kemudahan Pinjaman Perniagaan*

**99.** Tahun hadapan, **nilai keseluruhan pinjaman dan jaminan pembiayaan yang tersedia untuk manfaat usahawan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) berjumlah sehingga 44 bilion ringgit.**

**100.** Tentunya, usahawan mikro dan peniaga kecil disediakan kemudahan pinjaman kecil dengan dana keseluruhan 2.4 bilion ringgit di bawah agensi seperti BNM, BSN dan TEKUN.

- **1.4 bilion ringgit di bawah pinjaman mikro BSN** adalah untuk membantu menyediakan modal perniagaan, pembelian peralatan, premis serta pemasaran kepada penaja dan pengusaha kecil-kecilan.
- **330 juta ringgit di bawah TEKUN** juga adalah untuk menyediakan kemudahan pembiayaan kepada peniaga kecil seperti pengusaha batik dan kraf, usahawan Orang Asli serta Bumiputera Sabah dan Sarawak. **30 juta ringgit daripadanya disediakan khusus untuk membiayai perniagaan diusahakan masyarakat India.**
- Daripada jumlah keseluruhan ini, **sebanyak 720 juta ringgit dikhaskan untuk menggalakkan golongan wanita dan belia** menceburi bidang perniagaan.

**101.** Di bawah BNM juga, sejumlah 8 bilion ringgit dana pinjaman disediakan untuk menyokong syarikat PKS. Daripada jumlah

tersebut sebanyak **600 juta ringgit** dikhususkan untuk membantu perusahaan mikro dan usahawan berpendapatan rendah, kontraktor kecil, penerapan amalan kelestarian dan sektor berkaitan keterjaminan makanan.

**102.** Bagi tahun 2024, 600 juta ringgit disediakan di bawah Dana Impak Khazanah Nasional dengan keutamaan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan memberi lebih banyak peluang kepada komuniti desa, separa bandar dan golongan kurang berkemampuan mendapat perkhidmatan kewangan.

**103.** Setakat ini, Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP) telah menjamin lebih 100 ribu PKS merangkumi 75 peratus PKS bukan bumiputera dan 25 peratus PKS bumiputera dengan nilai keseluruhan diluluskan berjumlah lebih 75 bilion ringgit. Tahun hadapan, **SJPP akan menjamin sehingga 80 peratus pinjaman usahawan PKS khususnya yang terlibat dalam bidang ekonomi hijau, teknologi dan halal dengan ketersediaan dana jaminan sehingga 20 bilion ringgit.**

**104.** Sejak ditubuhkan, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) telah berjaya membantu 1 juta peminjam khususnya ibu tunggal dan golongan miskin melalui penyediaan modal perniagaan kecil-kecilan. AIM telah menunjukkan prestasi yang sangat cemerlang dengan mencatatkan kadar pinjaman tak berbayar (NPL) terendah iaitu 0.26 peratus pada tahun 2022. **Bagi menyokong fungsi AIM yang berupaya membasmi kemiskinan, Kerajaan Perpaduan menyediakan peruntukan pembiayaan sebanyak 100 juta ringgit.**

**105.** Tahun hadapan, **100 juta ringgit** dana pembiayaan disediakan kepada gerakan koperasi melalui **Tabung Modal Pusingan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia** antaranya bagi membantu lebih banyak koperasi.

*Kedua: Pengukuhan Daya Saing PMKS*

**106.** Pengusaha PMKS hendaklah segera beradaptasi dengan teknologi dan pendigitalan produk dan perkhidmatan mereka bagi menembusi pasaran yang lebih luas. Kerajaan akan memperhebat usaha mendorong PMKS untuk meningkatkan tahap daya saing melalui peralihan model perniagaan secara automasi dan pendigitalan.

- **100 juta ringgit disediakan bagi menyediakan geran pendigitalan sehingga 5,000 ringgit untuk manfaat lebih 20 ribu usahawan PKS dan pengusaha mikro.** Geran ini boleh digunakan untuk menaik taraf sistem jualan, inventori dan perakaunan digital.
- **900 juta ringgit dana pinjaman di bawah BNM disediakan untuk menggalakkan syarikat PKS meningkatkan produktiviti perniagaan melalui automasi dan pendigitalan.**
- **40 juta ringgit disediakan bagi melaksanakan Program *Shop Malaysia Online*** untuk menggalakkan peniaga kecil khususnya dalam bidang makanan untuk berniaga dari rumah.



- **Peranan Pusat Ekonomi Digital di setiap DUN akan terus diperkasa** untuk menyokong pengusaha kecil menjual produk secara dalam talian dengan peruntukan disediakan 25 juta ringgit.

**107.** Bagi menyokong syarikat untuk kekal berdaya saing, **Kerajaan bercadang untuk mengurangkan tempoh syarikat dibenarkan menuntut elaun modal ke atas perbelanjaan pembelian peralatan ICT serta pakej perisian komputer kepada 3 tahun ketimbang 4 tahun mulai tahun taksiran 2024.**

### *Ketiga: Pembangunan Bakat Tempatan*

**108.** Marcapada ini, kerumitan ekonomi menagih bakat-bakat baharu yang berkemahiran tinggi dan senantiasanya beradaptasi dengan dunia yang cepat berubah. Lantaran itu, pembangunan bakat tempatan perlu segera melalui pengislahan jitu supaya selari dengan kehendak majikan dan industri.

**109.** Tahun hadapan, **peruntukan keseluruhan melibatkan pendidikan TVET berjumlah 6.8 bilion ringgit.** Belanjawan MADANI Pertama telah memulakan secara rintis usaha merombak pendidikan TVET negara melalui kerjasama dengan syarikat GLC dan swasta. Setakat 5 Oktober lalu, 17 GLC dan 44 syarikat swasta telah terlibat dalam pemeteraian 61 memorandum persefahaman mencakup kerjasama melalui pembangunan kurikulum serta sumbangan peralatan dan kepakaran.

**110.** Umpamanya, PETRONAS telah bekerjasama dengan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Bandar Penawar, Johor bagi menyediakan khidmat pelatih industri, pembangunan kurikulum dan peralatan yang memenuhi spesifikasi industri petrokimia di Pengerang. Tahun hadapan, **100 juta ringgit diperuntukkan bagi menyediakan pensijilan profesional yang diiktiraf industri kepada graduan TVET dan sebagai insentif kepada industri untuk bekerjasama dengan institusi TVET awam.**

**111.** Tahun hadapan, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) akan memanfaatkan dana 1.6 bilion ringgit untuk menyediakan 1.7 juta tawaran latihan. Pada masa yang sama, **HRD Corp akan menguntukkan semula dana khas menggunakan 15 peratus daripada jumlah kutipan levi bagi melaksanakan Program Latihan MADANI merangkumi program latihan semula dan peningkatan kemahiran kepada usahawan PMKS dan golongan rentan seperti bekas banduan, OKU, warga emas dan pesara.**

**112.** Ikhtiar melahirkan lebih banyak bakat masa hadapan yang memenuhi keperluan industri akan diperkemas dan diperluas melalui kerjasama erat agensi Kerajaan dan industri.

- Bagi mengekang kekurangan bakat tempatan dan ketidakpadanan kemahiran, **Program *Academy in Industry* akan dilaksanakan untuk menyediakan kemahiran sambil bekerja dalam tempoh sehingga 18 bulan dengan peruntukan 70 juta ringgit.**

- Daya saing negara bagi sektor utama seperti aeroangkasa, peranti perubatan dan digital bergantung kepada pasaran bakat tenaga kerja yang mahir dan cemerlang. Oleh itu, Kerajaan akan menawarkan 30 juta ringgit sebagai galakan kepada pihak industri untuk melatih tenaga kerja tempatan termasuk menawarkan kepakaran mereka sebagai tenaga pengajar dan membiayai inovasi dalam penghasilan produk baharu.

**113.** Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) dengan Dana Latihan TVET berjumlah 180 juta ringgit akan menyediakan pinjaman pendidikan kepada 12 ribu pelatih yang mengikuti Program Persijilan Kemahiran. 20 juta ringgit dikhaskan untuk manfaat pelatih yang mengikuti bidang maritim, kesenian di ASWARA dan penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) bagi sektor aeroangkasa.

**114.** Sebanyak 17 juta ringgit disediakan untuk melaksanakan Program Tahfiz TVET. Program ini akan membuka peluang kepada pelajar tahfiz mempelbagaikan kemahiran di samping meneruskan pengajian hafazan.

**115.** Bagi menggalakkan rakyat meningkatkan kemahiran serta menceburi bidang baharu, pelepasan cukai sehingga 2,000 ringgit bagi yuran kursus peningkatan kemahiran atau kemajuan diri dilanjutkan sehingga tahun taksiran 2026.

**116.** Kerajaan juga akan memperluas skop bagi pelepasan gaya hidup meliputi yuran untuk menyertai kursus kemajuan sendiri seperti kursus bahasa, fotografi, menjahit dan sebagainya.

**117.** Sistem levi berperingkat (*multi-tiered levi*) untuk pekerja asing akan dilaksanakan sebelum hujung tahun 2024 yakni mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing di mana ia melibatkan kadar levi yang lebih tinggi bagi majikan dengan bilangan pekerja asing yang lebih ramai. Kutipan ini akan dipulangkan kepada tabung untuk manfaat majikan bagi automasi atau latihan pekerja tempatan.

#### *Keempat: Ekonomi Rakyat*

**118. Ekonomi rakyat akan terus diangkat dan dimartabat. Saya tetap dengan azam yang sama iaitu mahu negara ini dikenali dengan kemudahan peniaga, gerai dan warung yang bersih, indah dan selamat.** Saya beri jaminan bahawa kebajikan penjaja serta peniaga di pasar-pasar akan terus dipelihara bagi memastikan keselesaan buat mereka dan pengunjung.

**Pertama:** Pusat penjaja dan prasarana pasar awam yang uzur di 150 kawasan PBT akan dibaik pulih dan dinaik taraf dengan peruntukan 110 juta ringgit.

**Kedua:** Kerajaan menyasarkan 10 ribu gerai-gerai dan warung-warung kecil untuk diperindah dan ditingkatkan tahap kebersihan dengan peruntukan 10 juta ringgit.

**Ketiga:** Sebanyak 4,000 unit ruang niaga baharu yang seragam, selesa dan selamat akan dibina di seluruh kawasan PBT dengan peruntukan 50 juta ringgit. Kerajaan turut bersetuju mengecualikan bayaran sewa kiosk bagi 6 bulan pertama untuk rakyat berniaga.

**Keempat:** Agensi MARA, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA), dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan turut menaik taraf kemudahan perniagaan mereka.

**119.** Usaha pembelian produk tempatan akan diperhebat melalui **Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia dan program Penggunaan Barangan dan Perkhidmatan Hasil R&D Tempatan (MySTI)** dengan peruntukan 27 juta ringgit.

**120.** Setakat ini, lebih 1,200 perniagaan francais telah berdaftar di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup dan 720 daripadanya dimiliki oleh syarikat tempatan dengan nilai jualan dalam negara mencecah 30 bilion ringgit. Malahan, jenama francais terkenal tempatan seperti Marrybrown, Daily Fresh Foods, Secret Recipe, Smart Reader dan Laundrybar telah menjalankan operasi mereka di 80 buah negara. Bagi meningkatkan pengembangan perdagangan francais, Kerajaan menyediakan 10 juta ringgit di bawah Program Pengukuhan Francais Bagi Meningkatkan Eksport.

## **Ikhtiar 6: Menyokong Sektor-Sektor Utama**

### *Pertama: Sektor Logistik*

**121.** Tumpuan turut terarah kepada pembangunan infrastruktur pengangkutan dan logistik sesuai dengan tuntutan semasa untuk menarik lebih banyak kemasukan pelabur dan pelancong selain merencanakan aktiviti perdagangan. Bagi memantapkan ekosistem dan kecekapan pelabuhan negara:

- **50 juta ringgit disediakan secara geran padanan bersama Lembaga Pelabuhan Klang untuk menyelenggara Jalan Pelabuhan Klang** di samping turut menguatkuasakan had beban lebih muatan ke atas kenderaan berat.
- **20 juta ringgit disediakan secara geran padanan bersama Lembaga Pelabuhan untuk menaik taraf Sistem Tunggal Maritim Malaysia (MMSW)** bagi menyatukan komuniti perdagangan di pelabuhan melalui satu portal digital bersepadu bersama pelbagai agensi Kerajaan lain.
- **Cadangan pembangunan Pelabuhan di Pulau Carey** akan direalisasikan melalui *Request for Proposal (RFP)* dalam memperkukuh lagi peranan Pelabuhan Klang.

**122.** Bagi menggalakkan lebih banyak komitmen syarikat pelabur menjadikan Malaysia sebagai pusat perkhidmatan global, Kerajaan

akan memperkenalkan galakan cukai Hab Perkhidmatan Global dengan insentif kadar cukai pendapatan 5 peratus atau 10 peratus yang ditentukan berdasar keberhasilan untuk tempoh sehingga 10 tahun.

**123.** Kerajaan komited untuk menaik taraf lapangan terbang sedia ada bagi meningkatkan keupayaan operasi untuk memenuhi peningkatan kemasukan pelabur, peniaga dan pelancong. Sejumlah **47 juta ringgit disediakan bagi menambah baik fasiliti penumpang di terminal Lapangan Terbang Tioman** dan memanjangkan landasan sedia ada kepada 1,300 meter.

*Kedua: Sektor Pelancongan dan Kreatif*

**124.** Negara ini kaya khazanah alam dengan kerencaman budaya dan warisan selain khazanah alam yang tidak ternilai. Kita mengungguli pelancongan pasaran khusus atau *niche market* dalam segmen ekopelancongan, selam skuba, sukan golf, majlis perkahwinan dan pelancongan kesihatan. Potensi besar ini wajar digarap dengan suatu rangka kerja rapi bagi mencergaskan semula sektor pelancongan agar menjadi enjin pertumbuhan ekonomi negara.

**125.** Oleh yang demikian, **Tahun Melawat Malaysia telah ditetapkan semula pada tahun 2026** dengan sasaran ketibaan 26.1 juta pelancong asing dan anggaran perbelanjaan domestik sebanyak 97.6 bilion ringgit.

**126.** Kerajaan menyediakan **350 juta ringgit** bagi merencanakan **promosi dan aktiviti pelancongan** supaya **Malaysia kembali sebagai destinasi pelancongan pilihan utama dunia**. Ini antaranya merangkumi:

- penganjuran Kempen Melawat Malaysia 2026;
- kerjasama dengan industri dalam aktiviti promosi dan penganjuran acara pelancongan dalam dan luar negara;
- bantuan kepada lebih 200 penggiat kebudayaan dalam menganjurkan aktiviti seni dan budaya;
- geran padanan penerbangan carter dalam meningkatkan kemudahan penerbangan antarabangsa ke Malaysia; dan
- dana kepada Pusat Pelancongan Islam (ITC) untuk membangunkan industri pelancongan mesra muslim di Malaysia.

**127.** Kawasan, bangunan dan tapak warisan tumpuan pelancong akan terus dipelihara bagi mengekalkan keindahan, keselamatan dan kebersihan.

- **20 juta ringgit disediakan untuk manfaat kerajaan negeri bagi menyelenggara dan memulihara lokasi tarikan pelancongan seperti Tasik Timah Tasoh di Perlis, Kenong Rimba Park di Pahang, dan Pantai Teluk Kemang di Negeri Sembilan.**



- Sejumlah 80 juta ringgit juga disediakan bagi memelihara dan memulihara bangunan dan tapak warisan yang berpotensi diiktiraf oleh UNESCO antaranya di Gua Niah, Sarawak; Lembah Bujang, Kedah dan Royal Belum, Perak.
- 20 juta ringgit juga disediakan kepada Think City untuk mengangkat dan memulihara nilai Kuala Lumpur sebagai bandar raya kreatif dan budaya.

**128.** Menyedari sumbangan besar sektor pelancongan dan pembuatan kepada pembangunan negara, Kerajaan komited untuk memperkenalkan inisiatif baharu di bawah Pelan Liberalisasi Visa Malaysia melibatkan kemudahan berikut:

**Pertama:** Memudah cara kelulusan Pas Penggajian bagi pelabur strategik dalam sektor utama;

**Kedua:** Memperkenalkan Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang untuk pelajar antarabangsa yang telah tamat pengajian bagi menampung keperluan tenaga mahir industri; dan

**Ketiga:** Menambah baik kemudahan *Visa-On-Arrival*, pas lawatan sosial dan tawaran *Multiple Entry Visa* bagi menggalakkan kemasukan pelancong dan pelabur terutamanya dari Timur Tengah, negara India dan China.

**129.** Kerajaan juga telah bersetuju untuk **melonggarkan syarat-syarat sedia ada bagi permohonan *Malaysia My Second Home (MM2H)*** bagi meningkatkan kedatangan pelancong dan pelabur asing ke Malaysia. Penambahbaikan MM2H dijangka dapat meningkatkan aktiviti pelaburan dalam pasaran kewangan Malaysia dan industri hartanah negara.

Tan Sri Yang di-Pertua,

**130.** **Bakat-bakat kreatif tempatan akan terus disokong bagi menggalakkan penghasilan lebih banyak karya seni di Malaysia. Kerajaan menyediakan 160 juta ringgit untuk melaksanakan pelbagai inisiatif untuk manfaat penggiat seni.**

Antaranya:

- 60 juta ringgit di bawah Dana Kandungan Digital untuk mempromosi karya tempatan dan menyokong kandungan berteraskan nilai kenegaraan;
- 90 juta ringgit di bawah inisiatif *Film in Malaysia Incentive (FIMI)* untuk terus menggalakkan penghasilan filem bertaraf antarabangsa; dan
- 10 juta ringgit bagi menyediakan Skim Dana Padanan MyCreative dalam menyokong anak-anak seni dalam penghasilan projek kreatif.

**131.** Susulan keputusan Negeri Selangor yang menurunkan kadar duti hiburan, **Kerajaan turut bercadang untuk menurunkan**

kadar duti hiburan bagi Wilayah Persekutuan daripada 25 peratus kepada kadar baharu seperti berikut:

- Pengecualian sepenuhnya duti hiburan bagi persembahan pentas oleh artis tempatan;
- Pengurangan kepada 5 peratus duti hiburan bagi taman tema, pusat rekreasi keluarga, pusat permainan *indoor* dan simulator; dan
- Pengurangan kepada 10 peratus duti hiburan bagi persembahan pentas oleh artis antarabangsa dan acara hiburan lain seperti tayangan filem serta acara sukan dan permainan.
- Kesempatan ini juga saya ambil untuk menyeru kerajaan negeri supaya dapat mempertimbangkan pengurangan duti hiburan yang dilihat mampu menyokong perkembangan bakat-bakat kreatif tempatan di samping merencanakan lagi aktiviti pelancongan negara.

**132.** Saya telah meneliti input yang diterima semasa Jelajah Belanjawan MADANI di negeri Johor terkait pendekatan Kerajaan dalam menggalakkan kemasukan produksi filem asing ke Malaysia dan seterusnya menyaingi tawaran insentif negara lain. Kerajaan bercadang untuk menetapkan kadar cukai pendapatan khas antara 0 hingga 10 peratus kepada syarikat produksi filem, pelakon filem asing dan kru filem yang menjalankan penggambaran filem di Malaysia.

**133.** Sebagai pengiktirafan dan penghargaan tahap tertinggi kepada tokoh-tokoh dan penggiat seni, budaya dan warisan, **Kerajaan akan kembali menganjurkan Anugerah Seni Negara secara tahunan.**

*Ketiga: Teknologi dan Inovasi*

**134.** Malaysia perlu menekankan model pertumbuhan ekonomi yang dipimpin oleh aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I). Bagi memastikan Malaysia berjaya memasuki 30 negara teratas dalam Indeks Inovasi Global menjelang 2025:

- Sejumlah **510 juta ringgit tersedia sebagai dana R&D di bawah Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi serta Kementerian Pendidikan Tinggi.** Antaranya, 50 juta ringgit dikhususkan sebagai geran padanan untuk universiti awam bekerjasama dengan sektor swasta dalam merencanakan aktiviti penyelidikan dan inovasi yang boleh dikomersialkan.
- Sejumlah **76 juta ringgit juga disediakan bagi memperkasakan ekosistem R&D&C&I** melalui penyediaan dana sokongan pengkomersialan produk hasil ciptaan perusahaan perniagaan, NGO serta jabatan dan agensi Kerajaan.
- Program INNOVATHON yang mula diluncurkan tahun ini berjaya mengetengahkan banyak hasil ciptaan anak

tempatan yang boleh dikomersialkan. **Program INNOVATHON akan teruskan bagi menyubur dan menyemarak pendayaciptaan dalam kalangan rakyat.**

**135.** Bagi membudaya pendayaciptaan dalam kalangan pemain industri, **10 juta ringgit disediakan** melibatkan bidang teknologi E&E di bawah MIMOS, sektor angkasa di bawah MYSA dan teknologi dron dan robotik di bawah MRANTI.

*Keempat: Sektor Perladangan dan Komoditi*

**136.** Setakat Jun 2023, sektor agrikomoditi telah menyumbang 38 bilion ringgit atau sekitar 5 peratus kepada KDNK dan 77.4 bilion ringgit atau 11 peratus kepada eksport negara. Pencapaian membanggakan ini tetap tidak terlepas daripada pelbagai tantangan dan kemeruapan ekonomi global. Ini termasuklah kesan pelaksanaan *non-tariff barrier* oleh negara pengimport seperti *European Union Deforestation-free Regulation (EUDR)*, isu kebergantungan tenaga asing dan adaptasi teknologi moden. YAB Timbalan Perdana Menteri II telah ditugaskan untuk berunding supaya kita membina kekuatan bersama Indonesia untuk menangani tekanan daripada European Union.

**137.** Kerajaan menyediakan **2.4 bilion ringgit kepada FELDA, FELCRA dan RISDA** untuk terus merencanakan aktiviti agrikomoditi dan meningkatkan sosioekonomi pekebun kecil.

**138.** Menjelang 2027, keluasan sawit tua yakni lebih 25 tahun dijangka mencapai lebih 560 ribu hektar dan ini akan

menjejaskan produktiviti hasil buah tandan segar dengan kerugian sehingga 7 bilion ringgit setahun. Bagi membendung masalah ini, Kerajaan akan menyediakan Insentif Program Tanam Semula Sawit dengan peruntukan 100 juta ringgit. Insentif ini akan ditawarkan secara geran dan pinjaman kepada 7,000 pekebun kecil sawit persendirian.

**139.** Industri kelapa sawit negara perlu terus dipertahan daripada salah tanggap Eropah. Kerajaan menyediakan **70 juta ringgit bagi meningkatkan tahap kemampanan industri sawit serta memperhebat Kempen Menangani Antiminyak Sawit** di pentas antarabangsa.

**140.** Lembaga Getah Malaysia telah berjaya membangunkan kaedah penggunaan gas stimulan yang berupaya memangkin pengeluaran getah sehingga tiga kali ganda di samping mampu menambah jangka hayat pokok getah sehingga 25 tahun. 10 juta ringgit disediakan bagi melaksanakan projek rintis penggunaan gas stimulan untuk manfaat pekebun kecil getah di ladang seluas 1,000 hektar.

**141.** Kerajaan memperuntukkan **90 juta ringgit kepada RISDA dan FELCRA untuk menggalakkan pekebun kecil mengoptimumkan penggunaan tanah ladang melalui penghasilan tanaman makanan dan ternakan** seperti cendawan, nanas, kelapa matag, lembu dan ayam.

**142.** Bagi meningkatkan produktiviti hasil perladangan dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh asing

melalui mekanisasi dan automasi seperti dron dan kenderaan pandu sendiri, **skop galakan cukai automasi akan diperluas untuk meliputi sektor komoditi di bawah Kementerian Perladangan dan Komoditi.**

**143.** Dalam Belanjawan 2023, saya telah menaikkan paras harga pengaktifan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) daripada 2 ringgit 50 sen kepada 2 ringgit 70 sen sekilogram. Sekali lagi setelah mendengar keluhan para pekebun getah, **Kerajaan bersetuju untuk menaikkan paras harga pengaktifan IPG kepada 3 ringgit sekilogram dengan peruntukan 400 juta ringgit.**

*Kelima: Syarikat GLIC dan GLC*

**144.** Peranan **GLIC dan GLC** amat besar sebagai nadi penggerak ekonomi negara. Tahun ini, nilai pelaburan terkumpul Syarikat Berkaitan Kerajaan dianggarkan mencecah **130 bilion ringgit.** Antara tumpuan pelaburan termasuklah pelaburan langsung domestik (DDI), modal teroka dalam syarikat pemula berinovasi tinggi dan pertumbuhan hijau demi ketahanan iklim.

**145.** Tambahan lagi, GLIC dan GLC juga telah meningkatkan sumbangan mereka dalam pelaksanaan pelbagai program demi kebajikan rakyat dan juga negara, iaitu daripada 250 juta ringgit pada tahun 2023 kepada 300 juta ringgit pada tahun 2024.

## **Ikhtiar 7: Agenda Mampan dan Peralihan Tenaga**

**146.** Peluncuran Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR) menggariskan enam pemacu utama peralihan tenaga antaranya melibatkan tenaga boleh baharu, hidrogen, mobiliti hijau serta pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (CCUS).

*Pertama: Ke Arah Pelepasan Karbon Sifar Bersih*

**147.** Bagi menterjemah hasrat NETR, Kerajaan menyediakan Dana Mudah Cara Peralihan Tenaga Negara dengan nilai keseluruhan berjumlah 2 bilion ringgit.

**148.** Selain itu, institusi kewangan juga menyediakan dana pembiayaan dengan nilai keseluruhan 200 bilion ringgit untuk mendorong industri beralih ke arah ekonomi rendah karbon.

**149.** Bagi mencapai sasaran 70 peratus kapasiti tenaga boleh baharu menjelang 2050, usaha menambah baik pelaksanaan *Corporate Green Power Programme* diteruskan sebagai salah satu kaedah pelaksanaan model Akses Pihak Ketiga (TPA). Kerajaan akan terus menerokai model TPA dan membangunkan kaedah pelaksanaan yang sesuai untuk memacu pelaburan dalam kapasiti tenaga boleh baharu.

**150.** Kerajaan akan terus melonjak pembangunan industri kenderaan elektrik (EV) tempatan dan menggalakkan penerimaan rakyat terhadap penggunaan EV.



- Kerajaan mengalu-alukan pelaburan melebihi 170 juta ringgit oleh syarikat terkemuka seperti TNB, Gentari dan Tesla Malaysia untuk memasang 180 stesen pengecasan EV.
- Bagi menggalakkan penggunaan motosikal elektrik, Kerajaan memperkenalkan Skim Galakan Penggunaan Motosikal Elektrik kepada rakyat berpendapatan tahunan 120 ribu ke bawah. Skim ini akan memberikan rebat sehingga 2,400 ringgit kepada pembeli.
- Bagi menyokong keperluan projek LRT3, Prasarana Malaysia Berhad bersetuju untuk memperoleh 150 bas elektrik dan membina 3 depoh bas dengan kos 600 juta ringgit.
- Kerajaan bercadang melanjutkan pelepasan cukai pendapatan individu sehingga 2,500 ringgit ke atas perbelanjaan kemudahan pengecasan EV untuk tempoh 4 tahun dan potongan cukai bagi kos sewaan EV untuk tempoh 2 tahun lagi.

**151.** Usaha menggalakkan pemasangan panel solar turut akan dipertingkatkan.

- Kerajaan sedia melanjutkan tempoh tawaran program *Net Energy Metering* (NEM) sehingga 31 Disember 2024 bagi

menggalakkan lebih ramai memasang panel di premis kediaman.

- Kerajaan juga sedang membangunkan program pembelian balik solar di bumbung bangunan dengan implikasi kos kepada sistem yang minimum.
- Pada masa yang sama, Kerajaan menyeru syarikat untuk menawarkan model langganan “Kos Modal Sifar”, seperti yang akan ditawarkan oleh Gentari bagi kategori rumah kediaman.

**152.** Putrajaya akan dijadikan model bandar rendah karbon Malaysia. Kerajaan akan mula memasang panel solar di atap bangunan Kerajaan dengan kerjasama TNB dan Gentari. Pentadbiran Persekutuan juga akan mula menggunakan kenderaan elektrik sebagai kenderaan rasmi.

**153.** Kerajaan akan terus menyokong pelaburan mampan dan bertanggungjawab (SRI). Kerajaan bercadang untuk melanjutkan pengecualian cukai kepada syarikat pengurusan dana yang menguruskan dana SRI serta potongan cukai ke atas kos penerbitan sukuk SRI sehingga tahun taksiran 2027.

**154.** Untuk menggalakkan lebih banyak penglibatan syarikat menyertai pasaran karbon sukarela, Kerajaan mencadangkan potongan cukai tambahan sehingga 300 ribu ringgit diberikan kepada syarikat yang membuat perbelanjaan ke atas *Measurement, Reporting and Verification* (MRV) berkaitan

pembangunan projek karbon. Perbelanjaan ini boleh ditolak daripada pendapatan penjualan kredit karbon yang didagangkan di *Bursa Carbon Exchange* (BCX).

**155.** Kerajaan akan memastikan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 kekal relevan dengan keperluan semasa industri hulu minyak dan gas di samping meningkatkan minat pelabur asing. Jawatankuasa Semakan Semula Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 yang dianggotai Kementerian Kewangan, LHDNM dan PETRONAS sedang mengkaji dan merangka insentif cukai bagi projek CCS dan *Hydrogen Sulphide*. *Insyallah*, kajian ini akan dimuktamadkan menjelang akhir tahun ini.

#### *Kedua: Perlindungan Khazanah Alam*

**156.** Kerajaan akan terus menyokong usaha kerajaan negeri dalam meningkatkan peratusan kawasan perlindungan hutan dan melindungi hidupan liar yang terancam. Tahun hadapan, peruntukan ***Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation (EFT)*** akan ditingkatkan kepada 200 juta ringgit ketimbang 150 juta ringgit tahun ini.

**157.** Peranan renjer komuniti telah berjaya membanteras pencerobohan, pembalakan dan perlombongan haram serta pembunuhan hidupan liar. **Kerajaan akan menambah bilangan renjer komuniti kepada 2,000 orang ketimbang 1,000 orang tahun ini bagi meningkatkan penguatkuasaan kawasan hutan simpan kekal. 60 juta ringgit diperuntukkan dengan tumpuan**

untuk melantik renjer daripada kalangan veteran ATM, PDRM, Orang Asli dan komuniti setempat.

**158.** Bagi tempoh 2018 hingga 2022, lebih 46 ribu aduan dilaporkan melibatkan konflik hidupan liar seperti gajah, harimau dan tapir yang merosakkan harta benda dan tanaman pertanian dengan nilai kerugian dianggarkan 43 juta ringgit. **Sejumlah 10 juta ringgit disediakan bagi membantu meringankan beban kerugian yang ditanggung oleh rakyat yang terlibat dengan konflik hidupan liar.**

**159.** Kerajaan Persekutuan akan **mempelopori penerbitan sukuk biodiversiti sehingga 1 bilion ringgit** yang melibatkan penanaman semula hutan terosot yang akan menjanakan kredit karbon. Inisiatif penanaman semula ini akan diusahamakan dengan kerajaan negeri yang berminat dan bakal memanfaatkan sebahagian daripada kredit karbon yang dijanakan.

**160.** Kerajaan telah menyediakan pelbagai bentuk potongan cukai bagi aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan. Bagi menggalakkan penglibatan lebih banyak sektor swasta dalam memberi sumbangan melalui projek amal atau komuniti, Kerajaan akan **memberi potongan cukai kepada entiti yang menaja aktiviti penanaman pokok atau projek kesedaran pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar yang disahkan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).**

**161.** Selain itu, bagi menyokong gerakan perusahaan sosial dalam menghasilkan impak alam sekitar dan sosial yang positif selari

dengan rukun kemampanan dan kesejahteraan di bawah Malaysia MADANI, **Kerajaan akan melanjutkan tempoh permohonan pengecualian cukai ke atas semua pendapatan perusahaan sosial sehingga tahun 2025.**

*Ketiga: Kesiagaan Mendepani Bencana*

**162.** RMK12 telah meletakkan jumlah peruntukan yang besar bagi membiayai projek tebatan banjir iaitu mencecah 22 bilion ringgit. Projek berimpak tinggi jangka panjang ini amat mustahak bagi menjamin kemaslahatan rakyat dan membendung lebih banyak kehilangan nyawa dan kerugian harta benda. Kendatipun begitu, pendirian Kerajaan tetap tegas dalam soal perolehan, bahawa ia hendaklah dilaksanakan secara tender bagi mengelakkan pembaziran wang rakyat.

**163.** Tahun hadapan, **sejumlah 33 Projek Tebatan Banjir Berkeutamaan Tinggi akan mula dilaksanakan dengan kos melibatkan 11.8 bilion ringgit.** Antara projek terlibat termasuklah Rancangan Tebatan Banjir di:

- Lembangan Sungai Pahang, Pahang;
- Sungai Langat Fasa 2, Selangor;
- Sungai Jelai, Kuala Pilah, Negeri Sembilan;
- Sungai Likas, Kota Kinabalu, Sabah;
- Kuching Fasa 2, Sarawak;
- Baling Fasa 2, Kedah; dan
- Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu, Sungai Kelantan Fasa 2, Kelantan.

**164.** Surat Setuju Terima (SST) bagi 24 projek dijangka akan dikeluarkan tahun ini mulai Oktober 2023 melibatkan kos keseluruhan 5.1 bilion ringgit. Manakala bakinya akan dikeluarkan SST pada suku tahun pertama 2024.

**165.** Sementara itu, bagi mengurangkan risiko air bertakung dan banjir kilat, **20 juta ringgit disediakan kepada 150 PBT untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan parit dan longkang yang rosak.**

**166.** Bagi mengekang tragedi tanah runtuh seperti yang berlaku di Batang Kali, Selangor lewat tahun lalu, Kerajaan menyediakan **563 juta ringgit bagi pembaikan cerun seluruh negara termasuk untuk program pemantauan, pencegahan dan pelaporan serta amaran awal melibatkan lebih 2,000 cerun yang berisiko tinggi.**

Tan Sri Yang di-Pertua,

**167.** Secara keseluruhan, **Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) selaku agensi utama bagi persiapan banjir diperuntukkan sebanyak 300 juta ringgit.**

- Ini termasuklah **100 juta ringgit yang bakal disalurkan segera usai Pembentangan ini** menggunakan peruntukan 2023 bagi memastikan kelancaran persiapan banjir hujung tahun ini.
- Kerajaan bersetuju **meningkatkan peruntukan di bawah Tabung Bantuan Bencana Negara tahun hadapan**

kepada 200 juta ringgit ketimbang 100 juta ringgit tahun ini.

- **NADMA juga akan mempertingkatkan tahap** **keselesaian pusat pemindahan bagi menjamin kebajikan mangsa.** Antaranya termasuklah menyediakan sembilan Pusat Pemindahan Kekal, membaik pulih tandas, bilik mandi dan stor di 1,500 Pusat Pemindahan Sementara serta menyewa tandas-tandas bergerak.
- Pada setiap masa, Kerajaan bersedia menambah peruntukan sekiranya diperlukan bagi memastikan pengurusan musibah bencana dalam tahap yang terbaik.

**168.** Kita semua mesti mengingati Blake, anggota Unit Pengesan K9 Bomba yang telah meninggalkan kita setelah menabur bakti untuk negara. **Kerajaan akan menambah baik kemudahan dan rawatan perubatan bagi anjing K9 Jabatan Bomba dan Penyelamat serta menambah bilangan anjing pengesan K9 untuk Bomba, Polis dan Kastam dengan peruntukan 5 juta ringgit.**

#### *Keempat: Keterjaminan Makanan*

**169.** Gangguan rantaian bekalan makanan global telah memberi dampak langsung kepada pasaran barangan asas tempatan. Kenaikan harga beras yang tidak hanya berlaku di Malaysia disebabkan oleh keputusan 19 negara yang mengehadkan eksport beras untuk kegunaan sendiri. Awal bulan lalu, Kerajaan memutuskan empat langkah segera bagi meredakan kebimbangan rakyat berhubung kenaikan harga beras putih import (BPI) dan peningkatan permintaan beras putih tempatan (BPT).

**170.** Kerajaan akan terus memperhebat usaha menjamin kelangsungan industri agromakanan negara yang lebih mandiri.

- **Belanjawan MADANI Kedua menyediakan 2.6 bilion ringgit bagi menyalurkan pelbagai bentuk subsidi dan insentif kepada para pesawah dan nelayan.** Peruntukan ini meningkat 600 juta ringgit ketimbang tahun ini selaras dengan keputusan Kerajaan menaikkan kadar Skim Subsidi Harga Padi daripada 360 ringgit kepada 500 ringgit per metrik tan yang sudah dinaikkan dua bulan lalu.
- Saya mendengar rungutan pesawah padi apabila harga belian oleh pengilang telah diturunkan kepada tahap minimum 1,200 ringgit per metrik tan sedangkan sebelum ini harga belian oleh pengilang jauh lebih tinggi. Kerajaan telah menetapkan harga lantai pada 1,200 ringgit sejak tahun 2014 lagi. Sukacita diumumkan **Kerajaan**



**memutuskan untuk meningkatkan harga rantai belian padi kepada 1,300 ringgit per metrik tan demi membantu pendapatan pesawah.**

- Kerajaan telah **memulakan usaha rintis penanaman padi lima musim dalam tempoh 2 tahun di beberapa kawasan jelapang antaranya di Bota Kiri, Perak; Kangar, Perlis dan Kota Sarang Semut, Kedah.** Ini selari dengan usaha untuk menaik taraf infrastruktur pengairan di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Perlis dan Kedah bagi meningkatkan pengeluaran padi dengan pelaburan bernilai 3 bilion ringgit.
- Kerajaan juga bersetuju untuk meningkatkan peruntukan subsidi padi bukit atau padi huma daripada 40 juta ringgit kepada 50 juta ringgit dan ini antara lain akan dapat meluaskan kawasan penanaman padi bukit daripada 43 ribu hektar.
- Untuk manfaat para nelayan, Kerajaan terus mengekalkan subsidi diesel pada harga terendah iaitu 1 ringgit 65 sen seliter kepada nelayan kelas tertentu dengan kuota 840 juta liter setahun. Nelayan juga diberikan elaun sara hidup sehingga 300 ringgit sebulan dan Insentif Hasil Tangkapan Nelayan sehingga 1,000 ringgit sebulan. Kerajaan juga menyediakan 10 juta ringgit untuk tujuan membina baharu dan baik pulih rumah nelayan yang uzur.

- Tahun hadapan, **400 juta ringgit disediakan bagi melaksanakan Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan**. Tumpuan khusus adalah untuk meningkatkan pengeluaran tanaman makanan tempatan yang masih bergantung dengan import luar.
  - Antaranya, **150 juta ringgit untuk bekerjasama dengan kerajaan negeri** dalam mengoptimum penggunaan tanah bagi meningkatkan hasil tanaman dan ternakan.
  - **50 juta ringgit bagi melaksanakan kaedah baharu perolehan baja secara tender terbuka untuk memberi pesawah pilihan baja yang ingin digunakan**. Projek ini akan dilaksanakan secara rintis di 90 ribu hektar kawasan antaranya di Perak, Selangor, Terengganu dan Pulau Pinang.
  - **50 juta ringgit untuk membekalkan 50 ribu pesawah dengan baja bio dan organik** bagi meningkatkan kesuburan tanah.
- Bagi menyokong peningkatan kapasiti pengeluaran produk pertanian dan daya saing *agroprenuer* muda, **Agrobank menyediakan kemudahan pinjaman** kepada pengusaha agromakanan dengan ketersediaan dana sehingga 430 juta ringgit.

- Kerajaan akan melindungi petani, penternak dan nelayan yang berdepan dengan musibah bencana sehingga memusnahkan hasil tanaman dan ternakan mereka.
- **50 juta ringgit disediakan di bawah Tabung Bencana Pertanian bagi memberi pampasan sehingga 50 peratus daripada nilai kerugian akibat bencana.**
- **50 juta ringgit turut disediakan sebagai dana permulaan di bawah Skim Takaful Tanaman Padi** untuk manfaat lebih 240 ribu pesawah.

**171.** Intihanya, saya menyeru penglibatan dan kerjasama sektor swasta dalam merangkul seluruh kekuatan dan kepakaran masing-masing untuk sama-sama berusaha meningkatkan pengeluaran makanan tempatan bagi mengurangkan kebergantungan kepada bekalan import.

### III. PENINGKATAN DARJAT HIDUP RAKYAT

---

172. Sebagaimana ungkapan dalam Thirukkural:

இயற்றலும் ஈட்டலுங் காத்தலும் காத்த வகுத்தலும்  
வல்ல தரசு

( *Iyatralum Eettalum Kaatthalum Kaattha  
Vaguthalum Vallathu Arasu* )

*Orang, yang berkebolehan untuk memajukan (kekayaan daripada pelbagai sumber pendapatan), menghimpunkan (kekayaan daripada pendapatan itu di suatu pusat), melindungi (kekayaan yang terhimpun itu), dan menguruskan perbelanjaan kekayaan yang terlindung itu (dengan cara-cara yang berfaedah), ialah Raja.*

173. Hasil negara yang bertambah daripada penstrukturan semula ekonomi dan fiskal akan dimanfaatkan sebaiknya untuk mengangkat darjat hidup rakyat ke tahap lebih bermakna. Penekanan diberikan kepada penyaluran terus bantuan tunai kepada rakyat susah di samping menyediakan pendidikan, kesihatan dan infrastruktur asas untuk semua.

## **Ikhtiar 8: Melindungi Kebajikan Rakyat**

**174.** Bagi tahun 2024, **58.1 bilion ringgit disediakan untuk membiayai pelbagai bentuk pemberian Kerajaan kepada rakyat** merangkumi subsidi, insentif dan bantuan. Hampir 50 peratus peruntukan ini adalah untuk mengawal harga barang dan perkhidmatan untuk manfaat rakyat.

**175.** Umpamanya, **225 juta ringgit disediakan untuk membiayai kos pengedaran barangan keperluan asas** seperti petrol, LPG, tepung, beras dan minyak masak ke kawasan desa serta pedalaman di bawah Program *Community Drumming*. Program ini akan diperluas ke kawasan baharu antaranya di zon Abai, Sandakan, Sabah dan Engkerebai, Mukah, Sarawak.

### *Pertama: Program Payung Rahmah*

**176.** Payung Rahmah ialah manifestasi keprihatinan Kerajaan dalam membela nasib rakyat. Perjuangan menangani beban sara hidup yang dicetus Almarhum Datuk Seri Salahuddin Ayub tidak akan terhenti dan akan terus diperkasa.

**177.** Kerajaan menyediakan **200 juta ringgit untuk meneruskan pelaksanaan Payung Rahmah.**

- Umpamanya, pelaksanaan **Program Jualan Rahmah** yang menawarkan barangan keperluan asas pada harga sehingga 30 peratus lebih rendah akan diperluas ke lebih banyak kawasan DUN di seluruh negara.
- **Program Pasar Rahmah yang menawarkan insentif kepada 1.2 juta pengusaha pasar borong, pasar malam dan pasar tani** juga diteruskan bagi mengurangkan kos perniagaan sekali gus dapat menurunkan harga jualan.

*Kedua: Sumbangan Tunai Rahmah (STR) & Sumbangan Asas Rahmah (SARA)*

**178.** Saya mendengar keluhan majoriti rakyat yang mendepani cabaran kos sara hidup dan kenaikan harga barangan. Isu ini sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan dalam memastikan isi rumah berpendapatan rendah terus diberi bantuan sewajarnya.

**179.** Hikmah penyasaran semula subsidi membolehkan Kerajaan menambah baik dan meningkatkan pemberian tunai kepada rakyat melalui **Sumbangan Tunai Rahmah (STR).** Tahun hadapan:

- Pemberian STR akan memanfaatkan 9 juta penerima atau 60 peratus daripada penduduk dewasa Malaysia.
- Peruntukan STR meningkat sebanyak 2 bilion ringgit atau 25 peratus iaitu daripada 8 bilion ringgit kepada 10 bilion ringgit.
- Kadar maksimum STR juga meningkat daripada 3,100 ringgit kepada 3,700 ringgit.
- Kadar minimum STR iaitu untuk golongan bujang juga meningkat daripada 350 ringgit kepada 500 ringgit.
- Bayaran pertama STR untuk isi rumah biasanya maksimum 300 ringgit. Untuk STR 2024, bayaran pertama STR dinaikkan kepada 500 ringgit yang *Insyah-Allah* akan disalurkan sebelum Ramadan.
- Tahun ini, kita telah memperkenalkan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) dengan mengkreditkan ke dalam myKad 200 ribu penerima STR sebanyak 100 ringgit sebulan untuk tempoh enam bulan. Melalui SARA, penerima hanya perlu ke kedai-kedai runcit untuk membeli keperluan asas hanya dengan menggunakan myKad. Mengambil kira maklum balas yang amat baik, Kerajaan memutuskan untuk meluaskan manfaat SARA kepada 700 ribu penerima STR yang akan menerima 100 ringgit sebulan untuk tempoh 12 bulan.

- **STR 2024 juga akan mengambil pendekatan berbeza iaitu Kerajaan akan membuka permohonan baharu seawal November 2023 dan permohonan akan dibuka sepanjang tahun berbanding setahun sekali sebelum ini. *Insyallah*, bayaran pertama sehingga 500 ringgit akan dibuat pada bulan Februari 2024.**

### *Ketiga: Pendapatan Bermakna*

**180.** Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang dilancarkan tahun ini telah berjaya meningkatkan pendapatan bulanan kepada lebih 2,000 peserta yang terlibat. Di bawah program INSAN umpamanya, peserta telah berjaya meraih hasil jualan purata sehingga 14 ribu ringgit sebulan. Tahun hadapan, **500 juta ringgit disediakan untuk meningkatkan penyertaan lebih ramai rakyat miskin tegar mengikuti program IPR bagi menambah pendapatan mereka.**

**181.** Usaha menoktahkan kemiskinan tegar terus menunjukkan kemajuan dengan data terkini menunjukkan kadar kemiskinan tegar telah merudum daripada anggaran 1 peratus tahun 2020 kepada 0.2 peratus atau hanya 18 ribu isi rumah sekarang. Atas segala yang diusahakan, Kerajaan yakin kemiskinan tegar akan dapat dinoktahkan.

**182.** Kerajaan bersetuju untuk **semua lantikan MySTEP disediakan tawaran mengikuti program peningkatan kemahiran di bawah platform MyFutureJobs.** MyFutureJobs juga akan membuat padanan pekerjaan kepada mereka untuk



membina kerjaya masa depan dan meraih pendapatan yang lebih tinggi. Inisiatif ini akan menawarkan 50 ribu peluang pekerjaan secara kontrak dalam sektor awam dan Syarikat Berkaitan Kerajaan atau GLC bermula Januari 2024.

**183.** Kerajaan akan terus menggalakkan golongan mudah terjejas seperti OKU, bekas banduan dan warga emas mendapat pekerjaan dengan gaji bermakna.

- Bagi menggalakkan majikan swasta menggaji golongan rentan, **PERKESO akan menyediakan insentif khas sebanyak 1,500 ringgit sebulan selama enam bulan untuk menyokong kemasukan lebih 3,300 pencari kerja** dengan peruntukan 30 juta ringgit.
- **Dasar 1 Peratus Peluang Pekerjaan kepada OKU akan diperluas kepada golongan bekas banduan dan warga emas melalui padanan pekerjaan MYFutureJobs dan program MySTEP.** Golongan rentan yang mengikuti MySTEP akan ditawarkan penempatan secara kontrak dengan elaun 1,500 ringgit untuk tempoh enam bulan di pelbagai kementerian, GLIC dan GLC serta rakan strategik Kerajaan.

**184.** Kerajaan akan meneruskan Program Bina Kerjaya PERKESO bagi memastikan pekerja tidak formal khususnya yang terlibat dalam ekonomi gig mempunyai peluang mengikuti program pembangunan kerjaya dan latihan kemahiran *microcredential*. **35 juta ringgit disediakan antaranya untuk membiayai yuran**

**latihan dan insentif gantian pendapatan kepada 9,000 pekerja gig yang menghadiri program latihan.**

*Keempat: Penyaluran Bantuan Tunai*

**185.** Bagi tahun 2024, bantuan yang disalurkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melibatkan peruntukan lebih 2.4 bilion ringgit. Ini akan memberi manfaat kepada lebih 450 ribu rakyat khususnya isi rumah miskin tegar, warga emas, kanak-kanak dan OKU. Sukacita juga dimaklumkan bahawa syarat kelayakan diperluas selaras dengan kenaikan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Makanan 2023 iaitu 1,198 ringgit sebulan.

**186.** Sebahagian pendapatan yang diraih hasil penjualan nombor plat khas akan dimanfaatkan untuk meringankan beban golongan kurang berkemampuan.

**Pertama:** Kerajaan bersetuju untuk terus **menanggung bayaran ujian memandu bagi lesen motosikal kelas B2, e-hailing dan teksi untuk manfaat lebih 40,000 belia** daripada keluarga kurang mampu.

**Kedua:** Sebanyak 100 ribu topi keledar **termasuk untuk kanak-kanak dibekalkan untuk diagih secara percuma** kepada keluarga kurang mampu.

**Ketiga:** Kerajaan Perpaduan telah memperkenalkan ikhtiar FLYsiswa iaitu bantuan subsidi pembelian

tiket penerbangan bagi mengurangkan beban kewangan pelajar yang ingin pulang ke kampung halaman. Tahun hadapan, **ikhtiar FLYsiswa akan diteruskan untuk manfaat hampir 60,000 pelajar** daripada keluarga kurang mampu terutama di Sabah dan Sarawak.

#### *Kelima: Perlindungan Sosial*

**187.** Kerajaan akan menambah baik program perlindungan sosial bagi memastikan golongan tumpuan terus mendapat perlindungan sewajarnya.

**Pertama:** Kadar tanggungan Kerajaan di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) akan ditingkatkan kepada 90 peratus dengan peruntukan 100 juta ringgit. Saya menyeru syarikat pengendali untuk menanggung baki 10 peratus caruman bagi pihak pekerja gig. Saya yakin syarikat pengendali platform amat prihatin dengan kebajikan pekerja mereka.

**Kedua:** Had caruman padanan Kerajaan di bawah program i-Saraan KWSP ditingkatkan kepada 500 ringgit setahun terhad kepada 5,000 ringgit seumur hidup.

**Ketiga:** Had caruman padanan Kerajaan di bawah program i-Suri KWSP ditingkatkan kepada 300

ringgit setahun terhadap kepada 3,000 ringgit seumur hidup.

**Keempat:** Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah akan diteruskan dengan peruntukan 50 juta ringgit memanfaatkan lebih 400 ribu suri rumah wanita yang berdaftar di bawah e-Kasih.

**Kelima:** Atas dasar kasih dan sayang, program i-Sayang KWSP akan diperluas untuk turut membolehkan isteri memindahkan 2 peratus caruman KWSP syer pekerja kepada suami.

**188.** Selanjutnya, Kerajaan akan meningkatkan siling gaji bulanan bagi caruman PERKESO daripada 5,000 kepada 6,000 ringgit. Peningkatan ini akan meningkatkan faedah tunai pada kadar 20.2 peratus untuk manfaat 1.45 juta pekerja dan orang tanggungan mereka.

**189.** Akaun ahli KWSP akan distrukturkan semula untuk memperkasa simpanan persaraan. Akaun Fleksibel KWSP akan diperkenalkan sebagai akaun baharu yang boleh diakses ahli pada bila-bila masa.

## **Ikhtiar 9: Menyokong Pemerkasaan Golongan Tumpuan**

**190.** Selaras dengan pembangunan terangkum, usaha akan terus dipertingkatkan supaya memastikan kesaksamaan peluang antara rakyat dan menyediakan bantuan khusus untuk golongan tertentu, terutamanya golongan rentan dan mereka yang memerlukan bantuan.

### *Pertama: Agenda Bumiputera*

**191.** Kita harus mengambil ikhtibar dari pengalaman lampau yang membenarkan keterlanjuran dan kecuaiian berlaku hingga akhirnya merugikan agensi Bumiputera.

- Institusi utama negara tidak boleh lari daripada matlamat asal penubuhan. Salah tadbir urus lampau juga memaksa Kerajaan menanggung kerugian Tabung Haji (20 bilion ringgit), FELDA (10 bilion ringgit) dan LTAT (2 bilion ringgit). Dalam berdepan masalah, amatlah tidak wajar institusi utama membuat penyelesaian menjual aset strategik. Maka, institusi utama harus punyai pertanggungjawaban mengurus secara hemah dan profesional serta merealisasikan potensi pelaburan jangka panjang demi kepentingan pemegang taruh.
- Melangkah ke hadapan, institusi pelaburan Bumiputera akan dipusatkan di bawah Yayasan Pelaburan Bumiputera (YPB). Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) akan digabungkan di bawah PNB dan diperkukuh melalui

suntikan tanah strategik Kerajaan khususnya di Kuala Lumpur bagi projek pembangunan perumahan. Ekuinas juga akan diletakkan di bawah payung YPB bagi memperkukuh pengembangan perniagaan bumiputera dengan kerjasama PNB dan PUNB.

- Institusi Pendidikan di bawah MARA termasuklah UiTM hendaklah menumpukan kepada latihan dan peningkatan kemahiran bakat-bakat baharu tempatan Bumiputera dalam bidang berpertumbuhan tinggi seperti ekonomi Islam, aeroangkasa dan industri kreatif.
- Tahun hadapan, 1.6 bilion ringgit nilai kemudahan pinjaman dan jaminan disediakan khusus untuk usahawan PMKS Bumiputera meningkatkan kapasiti dan daya saing termasuklah penyediaan pembiayaan modal teroka kepada syarikat pemula Bumiputera.
- Kerajaan akan menyediakan dana khas Skim CAKNA 2 bagi membantu kontraktor kecil G1 – G4 Bumiputera menyiapkan projek berskala kecil Kerajaan yang berjumlah 2.4 bilion ringgit. Skim CAKNA 1, dengan ciri bukan hutang bagi membantu vendor Kerajaan, diperluaskan pelaksanaan untuk semua agensi Kerajaan.

#### *Kedua: Golongan Wanita & Kanak-kanak*

**192.** Kerangka Ekonomi MADANI menetapkan penanda aras supaya kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh ditingkatkan

kepada 60 peratus. Bagi terus menggalakkan wanita untuk kembali bekerja, **galakan cukai bagi wanita yang kembali bekerja dilanjutkan sehingga 31 Disember 2027.**

**193.** Kerajaan mencadangkan **bahawa had pengecualian cukai pendapatan ke atas elaun penjagaan anak yang diterima oleh pekerja atau dibayar terus oleh majikan kepada pusat jagaan kanak-kanak ditingkatkan daripada 2,400 ringgit kepada 3,000 ringgit.**

**194.** Pusat tahanan imigresen bukannya tempat untuk kanak-kanak. Tidak perlupun kita rujuk kepada konvensyen antarabangsa supaya kita sedar perihal tersebut dan cukup dengan secebis ihsan di sudut hati. Kerajaan telah memperintis program Baitul Mahabbah Jabatan Imigresen Malaysia bagi menyediakan penempatan sementara buat kanak-kanak ini. Bagi tahun 2024, **Kerajaan akan memperluas program ini di tiga lagi pusat penempatan sementara masing-masing 1 di Sabah, Sarawak dan Semenanjung dengan peruntukan 10 juta ringgit.**

**195.** Pendidikan awal kanak-kanak akan terus diberi perhatian. Bagi tahun hadapan, **KEMAS akan diperuntukkan sebanyak 586 juta ringgit.**

- **Sebanyak 10 buah TABIKA dan TASKA baharu dengan kos 31 juta ringgit akan dibina** antaranya di Kampung Paya Berenjut, Kemaman, Terengganu; Felda Jelai 1, Tampin, Negeri Sembilan dan Taman Kota Masai, Johor Bahru, Johor.

- **Sejumlah 20 juta ringgit turut disediakan bagi menaik taraf premis Pendidikan Awal Kanak-kanak KEMAS.**

**196.** Tahun hadapan juga, 26 buah prasekolah baharu di bawah Kementerian Pendidikan akan dibina melibatkan kos 82 juta ringgit. Ini termasuklah pembinaan bangunan prasekolah di:

- Sekolah Kebangsaan Abang Kadir Gedong, Simunjan, Sarawak;
- Sekolah Kebangsaan Bunut Rendang, Kuantan, Pahang; dan
- Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Chabau, Melaka.

**197.** Penghayatan pendidikan Islam dan ilmu al-Quran akan terus diperkasakan sejak awal usia. **Kerajaan akan melaksanakan Program Pra Tahfiz KEMAS dengan peruntukan 20 juta ringgit dengan sasaran untuk melahirkan 100 ribu hufaz cilik menjelang 2026.**

### *Ketiga: Golongan Belia*

**198.** Bagi membudaya semangat kesukarelawanan dalam kalangan belia 18 hingga 20 tahun, Kerajaan akan menerapkan konsep “*pay it forward*”. **Kerajaan akan menyediakan ganjaran 500 ringgit kepada golongan belia yang berjaya melakukan aktiviti kesukarelawanan dengan badan yang diiktiraf oleh Kerajaan.**



**199.** Selain itu, Program Rakan Muda telah diberi nafas baharu dalam usaha membentuk jati diri dan keperibadian anak muda Malaysia. **20 juta ringgit disediakan untuk Rakan Muda memperbanyak pengisian program-program belia.**

**200.** Sejak dilaksanakan, Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) telah melahirkan lebih 7,000 usahawan belia Bumiputera dan mewujudkan hampir 14 ribu peluang pekerjaan. Program ini akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak 20 juta ringgit. Skim TEKUN Belia Mobilepreneur turut diteruskan dengan peruntukan 10 juta ringgit bagi membiayai modal anak muda terlibat dalam perkhidmatan penghantaran menggunakan motosikal.

**201.** Bagi mempromosi Malaysia sebagai hab pembangunan industri e-sukan, 30 juta ringgit diperuntukkan untuk menggalakkan syarikat atau studio permainan video antarabangsa melabur di Malaysia dalam pembangunan produk digital mereka bersama-sama bakat tempatan.

#### *Keempat: Komuniti Tumpuan*

##### (a) Orang Asli

**202.** Komuniti **Orang Asli diperuntukkan 333 juta ringgit ketimbang 305 juta ringgit tahun ini.** Peruntukan mencakupi pelaksanaan projek pembangunan sosioekonomi, prasarana di perkampungan Orang Asli dan pemberian bantuan sosial.

**203.** Umpamanya, **sejumlah 28 juta ringgit diperuntukkan bagi mempergiat program pembangunan usahawan Orang Asli serta penanaman semula ladang Orang Asli** antaranya di Batang Padang, Perak dan Hulu Langat, Selangor.

(b) Orang Kurang Upaya (OKU)

**204.** Kerajaan akan terus melindungi kesejahteraan dan mendaya upaya Orang Kurang Upaya (OKU) untuk mandiri.

- **Sejumlah 1.2 bilion ringgit disediakan antaranya untuk menyalurkan pelbagai bentuk bantuan** seperti penjagaan OKU kronik terlantar, OKU tidak upaya berkerja dan elaun pekerja OKU.
- Tahun hadapan, **kadar elaun pelatih OKU yang mengikuti Program Pemulihan Dalam Komuniti akan ditingkatkan kepada 300 ringgit sebulan ketimbang 150 ringgit.** Peningkatan ini akan memanfaatkan lebih 18 ribu pelatih OKU dengan tambahan peruntukan 30 juta ringgit.
- Bagi memberikan manfaat kepada usahawan OKU mikro, kemudahan pembiayaan khas oleh BSN disediakan sebanyak 50 juta ringgit.

### (c) Warga Emas

**205.** Bagi tahun 2024, sejumlah **1 bilion ringgit diperuntukkan untuk melindungi kesejahteraan warga emas.** Ini antaranya untuk membiayai bantuan tunai dan penyaluran dana bagi institusi penjagaan dan pusat aktiviti warga emas.

**206.** Kerajaan mencadangkan supaya **Elaun Bangunan Industri diberikan kepada Rumah Jagaan Kejururawatan Swasta Warga Emas** yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kadar 10 peratus daripada kos bangunan yang dibina atau dibeli, termasuk kos pengubahsuaian bagi setiap tahun taksiran. Elaun ini diberi bagi perbelanjaan yang layak dilakukan mulai 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2026.

### (d) Golongan Banduan dan Pelarian

**207.** Program PEKA (Peluang Kedua Anda) oleh Jabatan Penjara telah berjaya menyediakan peluang pekerjaan kepada para pesalah yang mengakhiri tempoh hukuman. Tahun hadapan, selain meneruskan kerjasama dengan syarikat untuk menjayakan program PEKA, sebanyak **10 juta ringgit turut disediakan bagi melaksanakan Program PEKA TVET untuk menyediakan latihan kompetensi yang diakreditasi oleh CIDB kepada para pesalah.**

**208.** Dalam semangat memberi peluang kedua, Kerajaan juga akan membentangkan **pindaan bagi Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983** bagi membolehkan penagih

dadah menerima rawatan dan pemulihan tanpa dimasukkan ke institusi penjara.

**209.** Malaysia tidak terkecuali menerima limpahan tempas akibat krisis kemanusiaan dari negara serantau. Kebanyakan pelarian dan pencari suaka di Malaysia adalah dari Myanmar yang tertindas di negara asal. Kerajaan bersedia **mempertimbangkan akses yang terkawal kepada keperluan asas termasuk pekerjaan, perkhidmatan serta pendidikan.**

### **Ikhtiar 10: Menyediakan Kemudahan Asas Terbaik**

*“Without education and liberty, that soil and the sun of mankind, no reform is possible, no measure can give the result desired.”*

*(Jose Rizal)*

**210.** Kerangka Ekonomi MADANI menetapkan penanda aras untuk Malaysia berada di kedudukan ke-25 dunia dalam Indeks Pembangunan Manusia (HDI), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Antara kriteria yang mengukur HDI termasuklah tahap pendidikan dan kesihatan rakyat sesebuah negara.

#### *Pertama: Pendidikan & Pendidikan Tinggi*

##### **(a) Pendidikan Arus Perdana**

**211.** Pendidikan kekal sebagai komponen utama yang menerima peruntukan tertinggi dalam Belanjawan MADANI Kedua.

**Kementerian Pendidikan khususnya akan diperuntukkan 58.7 bilion ringgit ketimbang 55.2 bilion ringgit tahun 2023.**

**212.** Tahun hadapan sejumlah **1.9 bilion ringgit** disediakan untuk menaik taraf dan menyelenggara sekolah-sekolah di seluruh negara.

- Ini merangkumi 930 juta ringgit bagi **kerja-kerja naik taraf bangunan dan prasarana daif di 450 buah sekolah** merangkumi 185 projek di Sarawak dan 155 di Sabah.
- Sebanyak 1 bilion ringgit pula adalah untuk **penyelenggaraan di semua jenis sekolah** yakni sekolah kebangsaan, sekolah agama, sekolah tamil dan cina termasuk sekolah pendidikan khas dengan memberi tumpuan kepada keperluan pelajar autisme.

**213.** Sebanyak **26 buah sekolah baharu** akan mula dibina dengan kos keseluruhan projek berjumlah **2.5 bilion ringgit**. Antaranya termasuklah:

- **SMK Laya-laya, Tuaran Sabah;**
- **SMK Baie, Bintulu, Sarawak;**
- **SMK Seri Melati, Kuantan, Pahang;**
- **SMK Bandar Universiti, Bandar Seri Iskandar, Perak;**  
dan
- **SMK Binjai, Kota Bharu, Kelantan.**

**214.** Mulai tahun hadapan, Kerajaan bersetuju **meluaskan kriteria pendapatan ibu bapa bagi permohonan Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP) mengikut kadar pendapatan garis kemiskinan (PGK) 2,589 ringgit berbanding 1,500 ringgit sebelum ini.** Peluasan syarat ini akan memberi peluang kepada tambahan 35 ribu lagi anak bangsa daripada keluarga kurang mampu untuk mendapat BKP.

**215.** Bagi memastikan anak-anak keluarga miskin tidak tercicir daripada pendidikan, Kerajaan turut bersetuju **memperluas pemberian bantuan di bawah Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin kepada murid sehingga tingkatan 3** berbanding sehingga tingkatan 1 sebelum ini. Keseluruhannya, 1 juta murid akan menerima manfaat dengan peruntukan 150 juta ringgit.

**216.** Kementerian Pendidikan telah merekodkan penurunan penyertaan murid menengah atas dalam aliran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) kepada 40.94 peratus tahun 2022 ketimbang 45.2 peratus tahun 2017.

- Bagi memperkasa STEM, sebuah **Jawatankuasa Khas STEM rentas kementerian akan ditubuhkan** antaranya untuk menetapkan sasaran serta langkah bagi meningkatkan penyertaan bidang STEM dalam kalangan pelajar sekolah menengah.
- Kerajaan menyediakan **100 juta ringgit untuk menyelenggara dan menaik taraf makmal komputer sekolah dan memperoleh peralatan baharu untuk**

**pembelajaran STEM.** Wakil industri juga akan turut terlibat sebagai tenaga pengajar dan membekalkan peralatan dalam meningkatkan minat murid mempelajari STEM.

**217.** Kerajaan akan terus memperkasa dan melindungi kesejahteraan murid berkeperluan khas.

- **18 blok baharu pendidikan khas akan dibina dengan kos 180 juta ringgit.** Ini antaranya melibatkan SMK Kubang Rotan, Kedah; SK Bandar Baru Perda, Pulau Pinang dan SMK Dato' Ali Ahmad, Perlis.
- **30 juta ringgit juga disediakan untuk membekalkan peralatan sokongan pendidikan khas dan menyediakan kemudahan mesra OKU** bagi memudahkan urusan murid dan guru di sekolah.

**218.** Penerapan *Karamah Insaniah* dalam kalangan murid sekolah akan diperluas untuk melaksanakan program pembentukan karakter murid yang menumpukan kepada nilai kepimpinan, sahsiah diri, adab dan integriti.

**219.** Malaysia merekodkan penutupan sekolah tertinggi berbanding negara serantau ketika pandemik COVID-19. Rentetan itu, ada sebilangan murid yang masih tercicir dan memerlukan bimbingan lanjut. **Untuk itu, 100 juta ringgit disediakan bagi melaksanakan pendekatan holistik melibatkan semua pihak dalam membantu murid yang terkesan.**

**220.** Bagi memastikan Pelan Pembangunan Pendidikan Negara yang sedang dirangka turut mengambil kira cadangan dan kekhawatiran ibu bapa, warga pendidik dan industri, Kementerian Pendidikan akan melaksanakan Jelajah Masa Depan Pendidikan Negara.

#### (b) Pendidikan Tinggi

**221.** Kecemerlangan pendidikan tinggi diukur pada kejayaan melahirkan bakat-bakat muda yang berjaya. Universiti sebagai gudang ilmu perlu siap siaga membekalkan mahasiswa dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan pasaran pekerjaan. Untuk itu, **Kementerian Pendidikan Tinggi diperuntukkan 16.3 bilion ringgit ketimbang 15.3 bilion ringgit pada tahun ini.**

**222.** Aduan yang acap kali saya terima dalam Siri Temu Anwar bersama mahasiswa ialah masalah capaian internet yang lemah di universiti. Ini harus ditangani segera. Belanjawan MADANI Kedua menyediakan **250 juta ringgit untuk menggantikan dan meluaskan capaian Wi-Fi di semua universiti awam.** Ini termasuk 5 juta ringgit untuk melaksanakan projek pendigitalan hospital pengajar universiti.

**223.** Bagi meningkatkan tahap keselesaan dan keselamatan di institusi pendidikan tinggi (IPT), **300 juta ringgit disediakan untuk menyelenggara dan membaiki prasarana di IPT serta menggantikan peralatan lama yang usang.** Ini termasuk 50 juta ringgit bagi perolehan peralatan di empat universiti teknikal Malaysia.



**224.** Kerajaan akan terus merakyatkan ilmu dengan menggalakkan komuniti rentan seperti OKU, Orang Asli, ibu tunggal dan warga emas mengikuti Program Pembelajaran Sepanjang Hayat di kolej komuniti. Sejumlah 5 juta ringgit disediakan untuk manfaat 5,000 komuniti tumpuan di 105 kolej komuniti seluruh negara.

**225.** Bagi meningkatkan tahap sosioekonomi dan mendaya upaya usahawan setempat, Kerajaan menyediakan 1 juta ringgit kepada setiap universiti awam untuk memperhebat pelaksanaan Program Pengupayaan Komuniti MADANI dan Program Pemulihan Dalam Komuniti OKU.

**226.** Malaysia perlu bergerak pantas untuk menerajui bidang tujahan masa hadapan selari dengan ledakan transformasi digital global. Inovasi dan bakat digital perlu diperkasakan khususnya dalam bidang kecerdasan buatan (AI) bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara yang lebih mampan. Bagi memperhebat penerokaan bidang AI rentas disiplin ilmu, sukacita saya mengumumkan penubuhan pusat pengajian kecerdasan buatan pertama negara iaitu Fakulti Kecerdasan Buatan (AI) di Universiti Teknologi Malaysia dengan peruntukan awal 20 juta ringgit.

**227.** Hutang mesti dibayar. Bagi membina sikap bertanggungjawab dalam kalangan peminjam, Kerajaan bersetuju untuk memberikan **diskaun bayaran balik pinjaman PTPTN bermula 14 Oktober 2023 sehingga 31 Mac 2024** dengan kadar berikut:

**Pertama:** Diskaun 10 peratus atas baki hutang untuk penyelesaian penuh pinjaman;

**Kedua:** Diskaun 10 peratus untuk bayaran sekurang-kurangnya 50 peratus daripada baki hutang dalam sekali bayaran; dan

**Ketiga:** Diskaun 15 peratus untuk bayaran secara potongan gaji atau debit terus berjadual.

**228.** Akhir sekali, kesempatan ini saya ingin tegaskan terkait kebajikan pelajar universiti. Saya tidak akan sama sekali mengizinkan mahasiswa khususnya daripada keluarga susah yang mendapat tempat di universiti awam dihalang atau dinafikan haknya daripada mendaftar hanya kerana tidak mampu melunaskan bayaran yuran kemasukan pengajian. Tidak ada duit untuk bayar yuran tidak boleh dijadikan alasan untuk menghalang mahasiswa mengambil peperiksaan.

- Bermula Januari 2024, **yuran bagi tujuan pendaftaran masuk ke universiti awam dihadkan untuk tidak melebihi 1,500 ringgit.** Ini supaya selari dengan nilai pemberian Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) oleh

PTPTN berjumlah 1,500 ringgit kepada semua bakal pelajar baharu yang layak.

- Pada masa yang sama, **pelajar sedia ada yang tidak mampu membayar yuran pengajian tidak akan disekat bagi mendaftar subjek pada setiap semester** dan bayaran boleh dilunaskan selepas pendaftaran subjek. Sebarang peraturan pembayaran oleh universiti hendaklah mengambil kira kebajikan pelajar.
- Pada masa hadapan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar universiti bersama-sama PTPTN atau badan lain hendaklah berperanan memudah cara dan membantu mahasiswa dan bakal pelajar yang punyai masalah pembayaran yuran.

### *Kedua: Perkhidmatan Kesihatan*

Tan Sri Yang di-Pertua,

**229.** Kertas Putih Kesihatan yang dihamparkan di Dewan yang mulia ini pada Jun lalu telah menggariskan beberapa tantangan utama sistem kesihatan negara yang perlu segera ditaakul termasuklah mengintegrasikan sektor kesihatan awam dan swasta yang selama ini dikotomi. Belanjawan MADANI Kedua akan mula menelusuri empat tonggak dan strategi reformasi kesihatan negara.

**230. Tahun hadapan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) diperuntukkan 41.2 bilion ringgit** ketimbang 36.3 bilion ringgit tahun ini, iaitu peningkatan terbesar daripada kalangan kementerian. Sejumlah 5.5 bilion ringgit daripadanya adalah untuk memperoleh bekalan ubat, bahan guna habis, reagen dan vaksin. Ini termasuk pembelian ubat dari rantau ASEAN bagi mendapatkan harga yang berpatutan dan tiada ketirisan dan mengurangkan kebergantungan kepada ubatan dari Eropah dan Amerika Syarikat.

**231.** Malaysia masih belum memenuhi nisbah seorang doktor kepada 400 pesakit. Ke arah itu, ketercapaian kemudahan kesihatan akan terus ditingkatkan bagi menyurai kesesakan.

- Tahun hadapan, **beberapa projek pembangunan baharu akan mula dilaksanakan** antaranya:
  - Kompleks Hospital Pengajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Fasa 1 di Kota Tinggi, Johor dengan kos 938 juta ringgit;
  - Kerja awalan bagi Pembinaan Hospital Sultanah Aminah 2, Johor Bahru, Johor;
  - Blok Patologi Tambahan di Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kelantan dengan kos 175 juta ringgit;
  - Bangunan tambahan Jabatan Kecemasan dan Trauma di Hospital Sultan Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor; serta

- Lima buah klinik kesihatan baharu antaranya di Rantau, Negeri Sembilan; Kuala Tahan, Jerantut, Pahang; Kuala Jengal, Dungun, Terengganu dan Pulau Mantanani, Kota Belud, Sabah dengan kos 150 juta ringgit.
- Kerajaan turut menyokong hasrat Sarawak untuk membangunkan sebuah Institut Kanser di Sarawak.
- Bagi terus mengawal kesesakan di hospital KKM, Kerajaan juga akan terus mempertingkatkan kerjasama dengan **menyumber luar pesakit ke hospital lain** termasuklah hospital tentera, universiti dan swasta dengan peruntukan 200 juta ringgit.

**232.** Komitmen Kerajaan Perpaduan untuk membaik pulih klinik-klinik daif akan terus diperhebat. Sejumlah **300 juta ringgit disediakan untuk membaik pulih 400 buah klinik uzur** yang masih punyai struktur kayu dan pendawaian usang.

**233.** Sejumlah **766 juta ringgit turut disediakan untuk perolehan peralatan perubatan di hospital KKM** bagi menggantikan peralatan yang mencecah *Beyond Economic Repair* (BER) di samping memenuhi keperluan pelbagai disiplin perkhidmatan baharu. Ini termasuk **200 juta untuk perolehan** bagi memastikan kesiagaan perkhidmatan kesihatan dalam memberi respons kepada panggilan kecemasan.

**234.** Hanya 3 peratus klinik kesihatan negara dilengkapi rekod kesihatan digital. Rekod digital amat penting bagi mewujudkan capaian data pesakit dengan pantas dan boleh dikongsi dengan semua prasarana kesihatan Kerajaan. Kerajaan menyediakan **150 juta ringgit untuk menyenggara sistem teknologi maklumat** di bawah KKM termasuk menyediakan ***Clinic Management System Subscription (CCMS)*** di 100 klinik kesihatan.

**235.** Bagi melindungi rakyat supaya kekal afiat, perkhidmatan kesihatan hendaklah beralih daripada merawat pesakit kepada memperhebat aktiviti pencegahan penyakit dan Agenda Nasional Malaysia Sihat dengan peruntukan sekurang-kurangnya 130 juta ringgit termasuk saringan sihat, saringan awal bayi baru lahir, membekal vaksin kepada ibu hamil.

**236.** Pada masa yang sama, sebagai usaha membendung risiko kesihatan, langkah berikut akan dilaksanakan:

- **Mengenakan duti eksais ke atas produk tembakau kunyah pada kadar 5 peratus ditambah 27 ringgit sekilogram**, sepertimana duti eksais yang dikenakan ke atas tembakau *snuff*.
- **Kadar duti eksais semasa bagi minuman bergula dinaikkan daripada 40 sen kepada 50 sen seliter.** Hasil duti eksais ini akan disalurkan semula khusus untuk menangani dan merawat penyakit kencing manis termasuk sokongan kepada pusat dialisis.

**237.** Skim Perubatan MADANI akan diperluas ke seluruh negara dengan peruntukan 100 juta ringgit yang akan memanfaatkan 700 ribu rakyat, dan meneruskan skim mySalam bagi tempoh dua tahun lagi. 50 juta ringgit disediakan untuk tuntutan kos peranti perubatan seperti stent untuk jantung.

*Ketiga: Pembangunan Desa*

**238.** Hari ini, naskah Belanjawan 2024 yang saya jinjing kemas di dalam beg ini hasil usaha komuniti kraf tempatan. Saya yakin, kita sebenarnya boleh mengangkat martabat ekonomi komuniti setempat supaya menghasilkan pendapatan bermakna buat mereka.

**239.** Bagi mendokong usaha memartabat ekonomi komuniti, Kerajaan akan memperkenalkan Program Komuniti MADANI di bawah seliaan ICU, Jabatan Perdana Menteri. Ini adalah penting kerana ini kali pertama dalam negara saya akan luluskan di setiap kampung, komuniti desa, bandar, rumah panjang, kampung orang asli. Supaya masyarakat kampung sendiri memutuskan dengan dana di antara 50 ribu hingga 100 ribu ringgit permulaan apa yang mereka lakukan untuk menjana pertumbuhan ekonomi. Program ini bertujuan untuk merencanakan aktiviti ekonomi di peringkat komuniti melibatkan lima sektor tumpuan iaitu pertanian dan makanan, jahitan dan kraf tangan, herba dan kesihatan, pelancongan dan hospitaliti serta aktiviti hijau dan kitar semula.

**240.** Setiap komuniti, baik di kampung mahupun di bandar, akan diberi kebebasan bermusyawarah untuk memutuskan sektor tumpuan pilihan mereka. Kerajaan akan menyediakan peruntukan 1 bilion ringgit di bawah Dana Komuniti MADANI (DKM) bagi menyediakan geran antara 50 ribu ringgit hingga 100 ribu ringgit kepada komuniti untuk menjayakan Program Komuniti MADANI.

**241.** Bagi merapatkan kesenjangan antara wilayah, penambahbaikan infrastruktur penduduk desa akan terus diberi keutamaan.

**Pertama:** 1.63 bilion ringgit disediakan bagi membina dan menaik taraf jalan di kampung dan desa termasuk di Bachok, Kelantan; Tambun Tulang, Perlis; dan Kuala Lukut ke Chuah, Port Dickson, Negeri Sembilan.

**Kedua:** 939 juta ringgit untuk menyediakan bekalan air kepada 5,150 buah rumah dan bekalan elektrik kepada 2,200 buah rumah.

**Ketiga:** 134 juta ringgit bagi memasang 60 ribu unit Lampu Jalan Kampung dan menyelenggara lebih 500 ribu unit Lampu Jalan Kampung.

**Keempat:** 57 juta untuk melaksanakan 115 projek termasuk 54 projek baharu naik taraf jambatan uzur dan bina jambatan baharu.



**Kelima:** 100 juta ringgit bagi menaik taraf, membina dan membaik pulih kemudahan asas seperti dewan, balai raya, dataran kejut serta laluan berbumbung di kawasan desa dan pedalaman di bawah Projek Ameniti Sosial.

**242.** Kerajaan Perpaduan berikrar bahawa isu bekalan air bersih harus dinoktahkan terutamanya di Kelantan, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. **Sejumlah 1.1 bilion ringgit disediakan bagi melaksanakan penyelesaian isu bekalan air.**

- Bagi negeri Kelantan, projek **pembinaan Loji Rawatan Air Machang Fasa 1 berkapasiti 250 juta liter** sehari akan dilaksanakan bagi meningkatkan rizab bekalan air. **Paip simen asbestos juga diganti** bagi mengurangkan kadar kehilangan air serta gangguan bekalan air ekoran paip bocor. Sementara menunggu projek siap, **sewaan lori tangki dan tangki statik akan ditambah** bagi memastikan rakyat Kelantan mendapat bekalan air segera ketika berlaku gangguan.
- Bagi mengatasi isu bekalan air khususnya di Kota Kinabalu, Sabah, tumpuan adalah untuk **memulih dan menggantikan infrastruktur serta peralatan bagi meningkatkan kapasiti loji rawatan air.**
- Bagi Wilayah Persekutuan Labuan pula, usaha ditumpukan kepada penggantian paip-paip yang usang serta membaik pulih infrastruktur air sedia ada.

**243. Kerajaan bersetuju memperkenalkan Program Kampung Angkat MADANI.** Program ini memberi tumpuan kepada melengkapkan kemudahan asas termasuk internet di kawasan desa yang terpinggir. Bagi memastikan ketangkasan jentera Kerajaan agar tidak bertindak secara silo, saya mengarahkan semua Ketua Setiausaha dan Ketua Perkhidmatan untuk menggembleng tenaga rentas kementerian serta bekerjasama dengan GLC, GLIC dan badan swasta untuk menjayakan Program ini.

*Keempat: Ketersambungan Digital*

**244.** Setakat September 2023, Digital Nasional Berhad (DNB) telah berjaya membangunkan rangkaian 5G dengan liputan di kawasan berpenduduk 70.2 peratus. Sebagaimana dijanjikan, rangkaian 5G akan mencapai kira-kira 80 peratus liputan di kawasan berpenduduk menjelang akhir tahun ini. Rakyat kini boleh menikmati perkhidmatan 5G yang ditawarkan oleh semua syarikat telekomunikasi pada tahap kualiti yang amat baik. Bagi melonjakkan penerimgunaan 5G, usaha gigih akan diperhebat dengan kerjasama syarikat telekomunikasi supaya lebih ramai pengguna dan perusahaan mendapat manfaat.

**245.** Pada masa yang sama, **CyberSecurity akan membangunkan Rangka Kerja Pengujian Keselamatan Siber 5G serta Kepakaran Tempatan Terhadap Teknologi 5G** bagi meningkatkan kesiapsiagaan terhadap ancaman serangan siber. 60 juta ringgit diperuntukkan untuk tujuan ini.

*Kelima: Jaringan Jalan & Pengangkutan Awam*

**246.** Ketersambungan jaringan jalan yang baik memudahkan pergerakan rakyat di samping melancarkan aktiviti para pedagang dan menjana ekonomi setempat. Karang, projek-projek infrastruktur utama jalan raya akan terus diperhebat.

- ***Insya-Allah*, Lebuhraya Pan Borneo Sarawak siap sepenuhnya tahun hadapan. Sementara itu, proses tender bagi 19 pakej kerja untuk projek Pan Borneo Sabah Fasa 1b dengan jajaran 366 kilometer melibatkan kos 15.7 bilion ringgit akan diselesaikan bulan November ini.**
- **Projek Sarawak-Sabah Link Road (SSLR) Fasa 2 dengan jajaran lebih 320 kilometer melibatkan kos hampir 7.4 bilion ringgit juga mula dilaksanakan penghujung tahun ini.**
- **Mengambil kira keperluan peningkatan kenderaan, projek pelebaran Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) daripada empat kepada enam lorong dilanjutkan dari Sedenak ke Simpang Renggam dengan kos 931 juta ringgit.**

**247.** Subsidi pengangkutan awam seperti bas, rel dan perkhidmatan udara akan terus disediakan untuk menjamin kesinambungan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

- **96 juta ringgit Dana Sokongan Bas Henti-henti** disediakan bagi membantu menampung kos operasi harian pengendali bas henti-henti yang perlu meneruskan perkhidmatan di laluan kurang penumpang di kawasan desa.
- **150 juta ringgit juga diperuntukkan bagi meneruskan Program Transformasi Bas Henti-henti termasuk meluaskan manfaatnya ke tiga lokasi baharu iaitu Kota Bharu, Kuantan dan Kota Setar.**
- **Kerajaan akan terus mensubsidi pengangkutan udara sebanyak 209 juta ringgit untuk manfaat penduduk desa dan pedalaman Sabah dan Sarawak.**
- **Kepada lebih 180 ribu penduduk Lembah Klang yang menggunakan perkhidmatan bas dan rel PRASARANA untuk ulang-alik mencari rezeki, manfaat pas bulanan My50 akan diteruskan.**

**248.** Kerajaan bersetuju untuk meneruskan semula cadangan pembinaan lima stesen LRT3 yang dibatalkan sebelum ini iaitu stesen Tropicana, Raja Muda, Temasya, Bukit Raja dan Bandar Botanik. Pengekalan stesen-stesen ini dijangka melengkapkan dan menambah baik jaringan pengangkutan awam di Lembah Klang yang bakal memanfaatkan 2 juta penduduk dengan kos sebanyak 4.7 bilion ringgit.

**249.** Anggaran awal, LRT Pulau Pinang ke Seberang Perai seperti yang dirancang Kerajaan Negeri berjumlah 10 bilion ringgit menurut kaedah kerjasama awam-swasta (PPP).

*Keenam: Rumah Kediaman*

**250.** Tahun ini, Kerajaan telah menggerakkan pasukan khas di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk menyelesaikan isu projek perumahan swasta lewat, sakit dan terbengkalai yang menghimpit pembeli rumah. **Setakat Ogos, 256 projek sakit atau lebih 28 ribu unit rumah telah dipulihkan** melibatkan Nilai Pembangunan Kasar 23.37 bilion ringgit.

**251.** Secara keseluruhan, **2.47 bilion ringgit disediakan untuk melaksanakan projek perumahan** rakyat bagi tahun 2024.

- Dana jaminan khas berjumlah 1 bilion ringgit bagi menggalakkan pemaju yang berwibawa memulihkan projek terbengkalai yang telah dikenal pasti;
- **546 juta ringgit disediakan bagi meneruskan 36 Program Perumahan Rakyat (PPR)** termasuk satu projek baharu di Kluang, Johor. *Insyah-Allah*, 15 buah PPR dijangka siap tahun hadapan untuk manfaat 5,100 bakal penghuni baharu.

- Sebanyak **14 Program Rumah Mesra Rakyat** diteruskan bagi membina **3,500 unit rumah** dengan peruntukan **358 juta ringgit**.
- Kerajaan memperuntukkan **460 juta ringgit** bagi menyediakan bantuan kepada kira-kira **65 ribu rakyat susah di desa** untuk membina baharu atau membaik pulih rumah yang telah daif.
- **100 juta ringgit** untuk menyelenggara perumahan berstrata kos rendah dan sederhana awam dan swasta seluruh negara. Ini termasuklah kerja-kerja membaiki tangki air, bumbung, dan sistem pendawaian serta memasang kamera litar tertutup.

**252.** Kerajaan akan menambah Skim Jaminan Kredit Perumahan sehingga **10 bilion ringgit** untuk SJKP bagi memanfaatkan **40 ribu peminjam**.

**253.** Kerajaan Perpaduan menghargai usaha Kerajaan negeri Pahang yang menyelamatkan projek Perumahan Generasi Baharu FELDA yang terbengkalai sejak 2014 melibatkan **1,840 unit rumah** di 10 tapak projek seluruh Pahang. Usaha murni ini wajar dicontohi oleh Kerajaan Negeri lain dalam membantu FELDA menyiapkan projek perumahan yang masih terbengkalai.

**254.** Bagi memudahkan pembangunan semula skim strata, **ambang persetujuan penduduk untuk jualan *en-bloc*** akan dikurangkan daripada **100 peratus** kepada tahap yang

konsisten berdasarkan amalan antarabangsa seperti di Singapura. Ini akan menggalakkan pembaharuan semula bandar dan menggalakkan pembangunan semula bangunan usang di bandar. Tapi permulaan itu harus lebih bersungguh-sungguh supaya dapat kita perbaiki.

**255.** Di bawah Pentadbiran Perpaduan, Kerajaan telah mengambil alih **pembangunan Bandar Malaysia bagi memastikan tanah-tanah strategik dimanfaatkan sebaiknya untuk projek rakyat** berteraskan nilai MADANI. Ini termasuk projek pembinaan rumah mampu milik untuk golongan veteran, mengambil kira kepentingan Bumiputera di Wilayah Persekutuan selain penyediaan taman-taman dan ruang hijau yang boleh dimanfaatkan oleh semua penduduk Lembah Klang.

**256.** Kerajaan akan memperuntukkan 100 juta ringgit kepada Kampung Baru Cina bagi menyediakan kemudahan infrastruktur asas dan kemudahan sosial bagi memastikan kesejahteraan penduduk kampung.

**257.** Sebagai langkah mengawal harga harta tanah, Kerajaan bercadang untuk mengenakan duti setem pada kadar rata 4 peratus ke atas surat cara pindah milik harta tanah oleh individu bukan warganegara dan syarikat milik asing kecuali individu pemastautin tetap di Malaysia.

**258.** Sementara itu, mulai tahun 2024, Kerajaan turut bercadang supaya **surat cara pindah milik harta tanah melibatkan benefisiari melepaskan hak kepada benefisiari yang layak**

mengikuti wasiat atau faraid atau Akta Pembahagian 1958 hanya dikenakan duti setem sebanyak 10 ringgit ketimbang kadar *ad-valorem* sebelum ini.

### **Ikhtiar 11: Memperkukuh Perpaduan & Keselamatan**

**259.** Kembara Kenali Borneo oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri telah mendapat sambutan yang penuh semangat Kebangsaan daripada rakyat Sabah dan Sarawak. Tidak dinafikan bahawa wajah sebenar Malaysia jelas digambarkan oleh rakyat Sabah dan Sarawak.

#### *Pertama: Keselamatan Dalam Negeri & Pertahanan*

**260.** Mutakhir ini, sempadan tanah air terancam dek cubaan ganggu-gugat anasir luar. Keselamatan negara diasak dengan isu agama, raja dan kaum dijadikan bahan hasutan. Benteng sempadan dan perairan negara perlu dipertahankan bagi menjamin keamanan. Keselamatan dalam negara perlu dipelihara bagi mengekalkan keharmonian.

Bagi tahun hadapan, **Kementerian Pertahanan diperuntukkan 19.7 bilion ringgit**, meningkat 2 bilion ringgit ketimbang tahun ini. Sementara **Kementerian Dalam Negeri (KDN) pula diperuntukkan 19 bilion ringgit**, juga bertambah 500 juta ringgit ketimbang tahun ini, dan akan digunakan untuk meningkatkan keupayaan kita memperbaiki dan membeli keperluan pertahanan



yang mendesak secara telus dan mengikut tatacara semasa yang berkuat kuasa.

**261.** Bagi memperkukuh tahap kesiapsiagaan pertahanan dan keselamatan negara, Kerajaan akan **memulakan proses perolehan aset-aset baharu**. Ini termasuklah:

- perolehan 12 helikopter baharu Tentera Udara Diraja Malaysia;
- perolehan aset-aset utama Tentera Darat Malaysia seperti 60 kereta perisai infantri, 50 *High Mobility Light Tactical Vehicle (HMLTV)*, 6 *Hovercraft Integrated Fast Interceptor* serta 733 kenderaan sokongan pelbagai jenis;
- kerja-kerja memasang pulih 2 aset kapal selam selain meneruskan perolehan tiga buah *Littoral Mission Ship (LMS)* Tentera Laut Diraja Malaysia; serta
- perolehan bagi menggantikan aset lama dengan 7 buah pesawat kapal terbang *twin engine* dan 5 buah helikopter ringan PDRM.

**262.** Situasi tegang di Laut China Selatan perlu ditangani secara musyawarah. Malaysia mengulangi komitmen penyelesaian secara aman menerusi Deklarasi Kod Tatalaku dalam soal pertikaian Laut China Selatan. Namun, ini tidaklah bermakna kita boleh menggadaikan kedaulatan negara.

**263.** Arakian, **keselamatan sempadan dan perairan negara akan terus dipertahan di samping mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan kawalan di pintu-pintu masuk antarabangsa.** Bagi tahun hadapan:

- Kerajaan akan **menambah aset-aset perairan** antaranya perolehan 45 unit bot pelbagai jenis Tentera Darat serta 9 buah kapal ronda generasi baharu dan bot pemintas Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).
- Kerajaan juga akan **membina tujuh posimbangan** antaranya di Melikin dan Pa' Daleh, Sarawak, **pos keselamatan** di Sungai Desa Aji Kuning, Pulau Sebatik, Sabah serta **kerja awalan pembinaan dua ICQS** di Nabawan dan Kalabakan, Sabah.
- Kerajaan akan **wujudkan sebuah agensi tunggal sempadan negara atau *single border agency* (SBA).** 20 juta ringgit turut disediakan untuk menyelenggara, membaiki serta memperoleh harta modal di pintu-pintu masuk antarabangsa seluruh negara.

**264.** Kesejahteraan anggota beruniform dan para pesara akan terus dipelihara.

- **400 juta ringgit disediakan untuk menyelenggara dan membaik pulih semua Rumah Keluarga Angkatan Tentera.**

- **20 juta ringgit turut disediakan untuk menaik taraf sistem pementungan Kem Tentera Darat secara berfasa.**
- Kerajaan akan terus menggiatkan inisiatif PROTEGE-RTW yang merupakan penempatan latihan pekerjaan dengan kerjasama syarikat penerima kontrak Kerajaan dan meluaskan skop kepada golongan veteran ATM di bawah kontrak yang dimeterai oleh Kementerian Pertahanan.
- Bagi melindungi kebajikan dan pembangunan sosioekonomi anggota veteran, setiap program Kerajaan akan mempunyai kuota khusus untuk veteran seperti program keusahawanan, latihan, pekerjaan dan kemudahan pembiayaan.

*Kedua: Syiar Islam*

**265.** Tahun hadapan, **Kerajaan mengkhususkan 1.9 bilion ringgit bagi pengurusan dan pembangunan hal ehwal Islam.**

**266.** Pendidikan ilmu Islam akan terus berkembang untuk dihayati dan dimaknai oleh seluruh umat Islam di Malaysia. Tahun hadapan:

- Dua buah institusi pendidikan Islam akan dibina dengan kos 220 juta ringgit iaitu **Kompleks Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz, Bukit Jalil, Kuala Lumpur** dan

**Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Jempol,  
Negeri Sembilan.**

- Sejumlah **150 juta ringgit disediakan kepada JAKIM untuk menyelenggara dan menaik taraf prasarana institusi pendidikan Islam** antaranya sekolah agama rakyat, institusi pondok berdaftar dan sekolah tahfiz.
- *Insya-Allah*, penganjuran majlis ilmu oleh tokoh dan ilmuan Islam di seluruh negara khususnya di Kompleks Seri Perdana akan diteruskan dan diperbanyak bagi meningkatkan kefahaman dan penghayatan ilmu agama kepada umat Islam.
- **Menghargai jasa dan peranan besar lebih 70 ribu guru takmir, guru KAFA, imam, bilal, siak, noja dan marbut di peringkat komuniti, Kerajaan bersetuju untuk memberikan sumbangan khas ditambah menjadi 700 ringgit yang akan disalurkan terus kepada mereka dengan peruntukan disediakan lebih 50 juta ringgit.**

**267.** Sejak 2003, Kerajaan ketika itu telah memberhentikan bantuan perkapita kepada Sekolah Agama Rakyat atas alasan pendekatan pengajaran Islam yang tidak berada di landasan yang betul. Kerajaan Perpaduan memutuskan untuk mengembalikan semula geran bantuan sebanyak 20 ribu ringgit kepada semua Sekolah Agama Rakyat yang berdaftar di bawah JAKIM. Pemberian ini diharap dapat menyokong fungsi

**Sekolah Agama Rakyat dalam melahirkan generasi baharu Islam yang seimbang ilmu duniawi dan ukhrawi mereka.**

*Ketiga: Sukan & Budaya Wahana Perpaduan*

(a) Sukan

**268.** Keutamaan yang diberikan sebagai gelanggang memupuk semangat perpaduan dan kegiatan bagi anak-anak muda. Selain untuk menjadi aktif dan cergas, sukan juga ialah medan penting yang membina keakraban rakyat Malaysia. Walau berbeza kaum dan agama, kebhinekaan kita tidak sedikitpun memadam kemarakan semangat kesukanan.

**269.** Besok ialah Hari Sukan Negara. Kerajaan akan terus memperbanyak **program sukan dan riadah untuk rakyat** antaranya termasuklah:

- Program Kemahiran Sukan Renang untuk kanak-kanak, OKU dan warga emas daripada keluarga kurang berkemampuan;
- Penganjuran aktiviti sukan dan riadah untuk membentuk warga emas yang aktif dan cergas; dan
- Program Perkhemahan Keluarga dengan merakyatkan fasiliti Kementerian Belia dan Sukan untuk tujuan perkhemahan dengan kadar minimum di enam Kem

Wawasan Negara seperti di Ulu Sepri, Rembau, Negeri Sembilan dan Ulu Kenas, Kuala Kangsar, Perak.

**270.** Kerajaan mencadangkan **pelepasan cukai khusus untuk pembelian peralatan dan aktiviti sukan terhad sehingga 1,000 ringgit. Pelepasan ini juga akan diperluas meliputi perbelanjaan yuran mengikuti latihan sukan.**

**271.** Kita meraikan kejayaan wira-wira tanah air yang telah mengharumkan nama Malaysia di pentas Sukan Asia Hangzhou dengan menggenggam 32 pingat. Tahun hadapan, Kerajaan memperuntukkan **72 juta ringgit bagi memperkukuh ekosistem atlet acara podium. Ini termasuklah 20 juta ringgit di bawah inisiatif *Road to Gold* sebagai persediaan untuk menggapai pingat emas pertama** menjelang temasya Olimpik Paris 2024.

**272.** Saya pasti semua telah menyaksikan kisah inspirasi adik Aqil Naufal, pelajar Sekolah Kebangsaan Felda Lepar Utara 1, Pahang yang mempamerkan semangat kesukanan walau dalam kekurangan. Impian Adik Aqil untuk bermain boleh sepak tercapai setelah mendapat bantuan Kerajaan dan dorongan daripada Persatuan Bola Sepak Orang Kudung Malaysia (MAFA).

**273.** Bagi memperkasa ekosistem atlet para, **12 juta ringgit disediakan kepada Majlis Sukan Negara untuk program latihan dan persediaan atlet ke temasya sukan para antarabangsa.**

**274.** Sejumlah **50 juta ringgit** disediakan bagi menyelenggara dan menaik taraf kemudahan belia dan sukan seluruh negara khususnya bagi prasarana yang daif.

**275.** Susulan sambutan tahun ini yang amat menggalakkan, Kerajaan akan terus menyediakan **dana geran padanan 50 juta ringgit** bagi menggalakkan penganjuran acara sukan berprestasi tinggi oleh badan sukan dan sektor swasta.

**276.** Bagi melahirkan generasi masa depan yang berpengetahuan, berkemahiran dan berbakat dalam sukan, Kerajaan bersetuju memberikan **potongan cukai sehingga 10 peratus** daripada **pendapatan agregat** bagi individu atau syarikat yang menyumbang kepada institusi, organisasi atau tabung yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 yang melaksanakan program pendidikan termasuk pendidikan sukan.

(b) Budaya, Bahasa dan Kesusasteraan

**277.** Sastera dapat menghidupkan imaginasi pembaca dan semangat patriotik cintakan negara sekali gus mendidik inspirasi moral dan nilai-nilai murni dalam jiwa bangsa. Bagi memartabatkan seni, budaya, bahasa dan sastera Kebangsaan, **Kerajaan dengan ini menyediakan 50 juta ringgit** kepada agensi yang berpotensi untuk menyetengahkan karya seni dan sastera negara, mempergiatkan persembahan teater warisan serta memupuk minat membaca karya agung dalam kalangan belia.

**278.** Kerajaan juga menyediakan 10 juta ringgit untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri antaranya untuk:

- mempergiat aktiviti kebudayaan Sabah dan Sarawak;
- memelihara bahasa kaum minoriti seperti etnik Siam;
- mewujudkan Pusat Etnik dan Budaya Perak; serta
- membaik pulih Pusat Tenunan Songket di Kompleks Tuanku Nur Zahirah, Kuala Terengganu dan Desa Ukiran Kayu, Besut, Terengganu.

**279.** Bagi mendukung hasil kraf tangan tempatan, Kerajaan akan memberi kelonggaran khas bagi perolehan sehingga 200 ribu ringgit untuk setiap pesanan kepada usahawan kraf tangan yang berdaftar dengan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

**280.** Bagi memupuk perpaduan dalam kalangan komuniti, 20 juta ringgit disediakan untuk memperkasa peranan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sebagai rujukan sosial yang menyediakan perkhidmatan rakyat dan penyebaran maklumat. Kerajaan juga menyediakan 20 juta ringgit sebagai Geran Pertubuhan MADANI untuk manfaat penduduk setempat bagi melaksanakan program-program kesukarelaan, perpaduan serta aktiviti pencegahan jenayah dan bencana.

**281.** Sejumlah 50 juta ringgit juga disediakan sebagai bantuan kewangan kepada pengurusan rumah-rumah ibadat bukan Islam yang berdaftar bagi kerja-kerja membaik pulih dan menyelenggara rumah ibadat.



## **Ikhtiar 12: Kesejahteraan Penjawat Awam**

Tan Sri Yang di-Pertua,

**282.** Sebagai langkah menggalakkan penghasilan batik Malaysia yang berkualiti tinggi, **Kerajaan bersetuju memperluas Kemudahan Bantuan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi untuk meliputi pakaian batik Malaysia untuk semua penjawat awam yang layak.**

**283.** Bagi memastikan nasib penjawat awam terbela, **Kerajaan bersetuju supaya liputan Skim Ex-Gratia Bencana Kerja ditambah baik dan had siling gaji ditingkatkan daripada 4,000 ringgit kepada 6,000 ringgit** selaras dengan pindaan Skim PERKESO bagi sektor swasta. Kenaikan had siling gaji ini membolehkan kadar bayaran faedah di bawah Skim Ex-Gratia Bencana Kerja meningkat sehingga 50 peratus atau sekitar 1.6 juta ringgit. Dengan kata lain, penjawat awam atau waris akan menikmati tuntutan pampasan yang lebih tinggi sekiranya berlaku kemalangan semasa bertugas.

**284.** Akhir sekali, Kerajaan sedang menyemak semula skim gaji dan elaun tetap penjawat awam yang kali terakhir dilaksanakan pada tahun 2012. Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) ini akan meneliti keperluan semua skim perkhidmatan dan dijangka akan dimuktamadkan pada penghujung tahun hadapan.

**285.** Sementara menunggu Kajian ini lengkap, ramai penjawat awam tidak lagi sabar dan saya faham kerana mereka telah menunggu lebih satu dekad. Sukacita diumumkan, Kerajaan bersetuju untuk memberi Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam sebanyak 2,000 ringgit kepada semua penjawat awam gred 56 dan ke bawah termasuk lantikan kontrak dan 1,000 ringgit kepada semua Jawatan Utama Sektor Awam melibatkan semua termasuk polis, bomba, tentera, angkatan bersenjata dan seluruh anggota beruniform.

**286.** Bayaran Insentif 1,000 ringgit turut dipanjangkan kepada semua pesara Kerajaan termasuk veteran berpencen serta veteran tidak berpencen. Bayaran ini akan dibuat secara sekali gus pada akhir Februari 2024 bagi meringankan beban persediaan persekolahan anak-anak serta persiapan menjelang bulan Ramadan dan Syawal.

**287.** Kerajaan menyarankan majikan swasta turut sama mengkaji kesesuaian saraan serta ganjaran kepada pekerja mengambil kira cabaran kos sara hidup semasa. Tahun hadapan, Kerajaan akan mula mempergiat sesi libat urus. Saya menyeru untuk pihak swasta untuk memberi ganjaran terutamanya syarikat yang mempunyai keuntungan yang munasabah.

**288.** Perkembangan mutakhir di Semenanjung Gaza kini bertambah gawat tatkala Israel kini telah mengepung warga Gaza dan Israel telah secara ganas dan biadab ingin menghalau mereka ke selatan semenanjung tersebut. Malaysia

**akan meluncurkan tabung kemanusiaan bagi menampung serta membantu warga Palestin dengan dana sebanyak 10 juta ringgit dan menggesa syarikat-syarikat serta orang ramai untuk ikut serta demi prinsip keadilan dan kemanusiaan sejagat. Beberapa pemimpin dunia Islam telah mengambil inisiatif dan saya telah menghubungi beberapa orang pemimpin untuk menyatakan kita bersedia menyokong sama ada melalui OIC atau apa juga rencana lain untuk memberi tekanan supaya tekad kegilaan dan kezaliman ini dihentikan.**

## PENUTUP

---

Tan Sri Yang di-Pertua,

**289.** Maka terlunasliah suatu amanah besar merangka belanjawan demi kepentingan rakyat. Sedari awal menjawat jawatan ini, saya sering berpesan kepada diri dan rakan sepasukan, bahawa *taklif wa la tashrif*, tanggungjawab bukan keistimewaan. Negara harus dikembalikan ke landasannya demi memastikan keamanan dan kesejahteraan rakyat diberhasillkan.

**290.** Suatu kisah menarik antara Khalifah Umar Abdul Aziz dan anakandanya Abdul Malik yang memberikan gambaran pentingnya kaedah berhemah dan berhati-hati dalam melakukan perubahan. Seraya nasihat Umar tatkala Abdul Malik menggesa ayahnya bertindak dengan lebih tegas dan pantas segera dengan teguran, “Ayahanda, mengapa tidak dilaksanakan (perubahan yang lebih pantas)? Demi Allah, aku sedia seandainya kita berdua terkorban demi menegakkan kebenaran!” Dan Khalifah ‘Umar Abdul Aziz menjawab:

*لا تعجل يا بني. فإن الله ذم الخمر في القرآن مرتين وحرمها في الثالثة. وإنني أخاف أن أحمل الحق على الناس جملة، فيدفعوه جملة، ويكون من ذا فتنة*

*Wahai anakanda, jangan kamu bersikap gopoh. Allah menyelar arak dua kali di dalam Al Quran dan mengharamkannya hanya pada ketiga kalinya. Aku bimbang, seandainya aku paksakan semua kebenaran ke atas manusia (sekaligus), mereka akan menolak keseluruhannya, (dan) ini bermakna akulah akan menjadi penyebab kerosakan lebih besar.*

*(Penegasan dari Imam al-Shatibi dalam kitab al-Muwafaqat yang menukilkan jawapan Khalifah Umar Abdul Aziz)*

**291.** Belanjawan ini merupakan suatu pernyataan iltizam Kerajaan bagi memulihkan ekonomi dalam marcapada yang serba mencabar. Kerajaan terbuka mendengar pandangan dan kritikan dari segenap pihak, namun tidak bermakna sewenangnyanya bebas melemparkan fitnah. Ditambah dengan cabaran ekonomi global dan geopolitik yang mengusarkan, sikap ini sedikit sebanyak menghambat kemajuan bangsa kita.

**292.** Justeru, saya mengajak semua agar kita kembali kepada politik yang membina, memupuk semangat **segulai sejalai** membangunkan semula negara kita. **Kita semua cintakan negara ini.** Malaysia punyai potensi yang hebat, kekayaan hasil mahsul dan tenaga pekerja serta profesional dan rakyatnya yang berdaya saing mampu meletakkan kita pada kedudukan strategik sebagai peneraju ekonomi Asia sebagaimana yang dicita-citakan.

**293.** Justeru, saya menyeru agar kita mengutamakan masa depan negara. Perpaduan rakyat yang berteraskan sikap ihsan dan saling menghormati, akan menghasilkan kestabilan buat negara, dan ini penting agar Kerajaan mampu menjana kemakmuran buat seluruh rakyat. Setelah enam dekad negara kita berdaulat, inilah masanya kita memperbetul keadaan dan memastikan bahawa setiap rakyat dapat mengecapi rasa bahagia dan aman hidup di negara ini tanpa sesekali merasa disisihkan.

*Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Tan Sri Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.



# Lampiran I

## Ringkasan Langkah Belanjawan 2024





## TUMPUAN 1: TATAKELOLA TERBAIK DEMI KETANGKASAN PERKHIDMATAN

Nilai

### *Ikhtiar 1: Komitmen Reformasi Fiskal*

#### 1. Tanggungjawab Fiskal

- Unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar Malaysia 2024 **4% - 5%**
  - Unjuran Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF): 4.3%
- Unjuran hasil Kerajaan bagi tahun 2024 **RM307.6b**
- Unjuran defisit fiskal bagi tahun 2024 **4.3%**
- Pembentangan RUU Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 semasa Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua Parlimen Ke-15 2023 **-**

#### 2. Anggaran Belanjawan 2024

- Peruntukan Keseluruhan Belanjawan MADANI Kedua: **RM393.8b**
  - Belanja Mengurus: RM303.8b
  - Belanja Pembangunan: RM90.0b
  - Simpanan Luar Jangka: RM2b
- Siling Baharu Kajian Separuh Penggal RMKe-12 (2021-2025) **RM415b**

#### 3. Peluasan Asas Hasil

- Meluaskan skop perkhidmatan bercukai meliputi perkhidmatan logistik, pembrokeran, penajajaminan dan karaoke serta menaikkan kadar Cukai Perkhidmatan kepada 8%. Kenaikan ini tidak termasuk perkhidmatan makanan dan minuman, telekomunikasi, parkir kereta dan logistik **-**
- Pelaksanaan Cukai Keuntungan Modal bagi pelupusan saham tidak tersenarai syarikat tempatan berdasarkan keuntungan bersih pada kadar 10% mulai 1 Mac 2024
  - Pengecualian cukai dipertimbangkan ke atas pelupusan saham berkaitan aktiviti tertentu seperti *Initial Public* **-**

*Offering* (IPO) yang diluluskan, penstrukturan dalaman dan syarikat modal teroka tertakluk kepada syarat ditetapkan

- Melaksanakan Cukai Barang Bernilai Tinggi yang akan dikenakan pada kadar antara 5% hingga 10% ke atas barang tertentu berdasarkan nilai ambang harga barangan mulai 1 Mei 2024 -
- Kerajaan dijangka akan melaksanakan cukai minimum global (*Global Minimum Tax*) mulai tahun 2025 adalah terpakai kepada syarikat multinasional yang mempunyai pendapatan global tahunan sekurang-kurangnya EUR750j. Pelaksanaan ini selaras dengan cukai minimum global melalui inisiatif *Base Erosion and Profit Shifting* (BEPS) dibawah OECD -
- Pelaksanaan e-invois secara mandatori bagi pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM100j bermula 1 Ogos 2024. Manakala, pembayar cukai mengikut kategori pendapatan selainnya, akan dibuat secara berfasa dengan sasaran pelaksanaan menyeluruh mulai 1 Julai 2025 dan disokong dengan penggunaan Nombor Pengenalan Cukai (TIN) -
- Skop pengenaan cukai ke atas pendapatan yang diterima dari sumber luar Malaysia diperluas kepada keuntungan daripada pelupusan aset modal mulai 1 Mac 2024. Walau bagaimanapun, pengecualian cukai akan diberi tertakluk kepada syarat substantif ekonomi -
- Pindaan sistem taksiran cukai pendapatan di bawah *Labuan Business Activity Tax Act* 1990 berasaskan kepada tahun semasa dilaksanakan mulai tahun taksiran 2025 -

- Mulai 1 Januari 2024, langkah kawalan penyeludupan rokok akan terus diperketat dan diperluas kepada produk minuman keras dan rokok, seperti berikut:
  - Mengehadkan aktiviti pindah kapal (*transshipment*) produk minuman keras kepada pelabuhan tertentu sahaja
  - Menjadikan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan Bukit Kayu Hitam sebagai *single exit point* bagi wilayah utara
  - Pengimportan rokok bagi pasaran domestik hendaklah melalui muatan kontena secara penuh (*full container load*) sahaja
  - Mewujudkan jawatankuasa kerja khas bagi produk rokok dan minuman keras di bawah *Multi-Agency Task Force* (MATF)
- Agensi penguat kuasa yang menunjukkan komitmen berterusan dan prestasi cemerlang akan diberikan ganjaran sewajarnya

#### 4. Penyasaran Semula Subsidi

- Mulai 2024, pendekatan penyasaran semula subsidi akan dilaksanakan secara berfasa dan sebahagian hasil penjimatan subsidi akan disalurkan bagi meningkatkan peruntukan bantuan tunai melalui Sumbangan Tunai Rahmah
- **Pertama: Ayam dan Telur**
  - Kawalan harga sementara yang ditetapkan akan dilepaskan supaya pasaran tempatan boleh berfungsi semula dengan bebas dalam memastikan bekalan ayam dan telur mencukupi
- **Kedua: Bil Elektrik**
  - Menambah baik pendekatan subsidi elektrik bersasar mengikut tahap penggunaan elektrik

	<b>Nilai</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Penerusan Program Rebat Bil Elektrik sehingga RM40 sebulan kepada isi rumah miskin tegar</li> <li>○ Pengecualian bayaran deposit akaun bil elektrik atas nama sendiri</li> </ul>	<b>RM55j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>● <b>Ketiga: Bahan Api Diesel</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Melaksanakan penyasaran subsidi diesel secara berfasa</li> </ul> </li> </ul>	-
<ul style="list-style-type: none"> <li>● <b>Langkah Penguatkuasaan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Memperkukuh kapasiti dan fungsi Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sebagai langkah kawalan ketat bagi menghapuskan amalan pakat harga</li> </ul> </li> </ul>	<b>RM10j</b>

## *Ikhtiar 2: Agenda Reformasi Institusi*

### **5. Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR)**

<ul style="list-style-type: none"> <li>● Membina, menyelenggara dan membaik pulih kuarters penjawat awam, guru, hospital, anggota polis, tentera dan bomba: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Membantu mempercepatkan proses menyelenggara dan membaik pulih kuarters (RM1.0b)</li> <li>○ Membantu mempercepatkan pelaksanaan projek selenggara lif (RM91j) dan kuarters Kerajaan (RM170j)</li> </ul> </li> </ul>	<b>RM2.4b</b>
--	---------------

### **6. Reformasi Perundangan**

<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kerajaan komited untuk membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Perolehan Kerajaan pada tahun 2024</li> </ul>	-
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Urusan melancarkan reformasi perundangan, termasuk: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Pelaksanaan Akta Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023</li> <li>○ Kajian empirikal pemisahan kuasa Peguam Negara dan Pendakwa Raya</li> <li>○ Mempertahan kedaulatan tanah air daripada Tuntutan Sulu</li> </ul> </li> </ul>	<b>RM18j</b>

	<b>Nilai</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memperkasa dan meningkatkan produktiviti institusi kehakiman negara, termasuk:               <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Membaik pulih prasarana mahkamah di lokasi yang telah dikenal pasti</li> <li>○ Menaik taraf kemudahan ICT mahkamah yang usang dan rosak di seluruh negara</li> </ul> </li> </ul>	<b>RM38j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memperkasa peranan Akademi Kehakiman Malaysia dan Akademi Kehakiman Syariah Malaysia dalam melatih hakim-hakim mahkamah secara lebih terancang dan berkesan</li> </ul>	<b>RM20j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semakan perundangan Akta Pemegang Amanah 1949 dan Akta Pemegang Amanah (Diperbadankan) 1952 bagi menangani isu pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan</li> </ul>	<b>RM1.5j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meluaskan peranan Mahkamah Khas Siber secara berfasa bagi menangani kes jenayah siber di seluruh negara</li> </ul>	-
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Akta Kredit Pengguna (CCA) akan dimuktamadkan menjelang akhir tahun 2023 dan akan mempertingkatkan tahap perlindungan kepada semua pengguna kredit, terutamanya pengguna kredit bukan bank dan perusahaan mikro dan kecil               <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Selepas CCA diwartakan, Lembaga Pemantauan Kredit Pengguna (<i>Consumer Credit Oversight Board</i>, CCOB) akan ditubuhkan sebagai pihak berkuasa berwibawa di bawah Kementerian Kewangan</li> </ul> </li> </ul>	-

## **7. Reformasi Institusi Awam**

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hasil kajian telah diterima bagi menambah baik kemampuan hasil, perlindungan sosial, tatakelola syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan pengurusan hutang negara. Syor-syor seperti berikut akan diperhalusi dan dilaksanakan:               <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Menambah baik pengenaan duti setem serta menyelaraskan pentadbiran insentif cukai bagi mengurangkan ketirisan kutipan hasil</li> </ul> </li> </ul>	-
---	---

- Memperkukuh pentadbiran cukai termasuk memudahkan pulangan balik cukai serta memusatkan usaha kutipan cukai -
- Memperluas liputan sistem perlindungan sosial terutamanya untuk warga emas dan sektor tidak formal -
- Menstruktur semula institusi kewangan pembangunan (DFI) melalui penggabungan Bank Pembangunan Malaysia Berhad, SME Bank dan EXIM Bank -
- Memperkukuh persekitaran modal teroka melalui pemusatan agensi seperti Penjana Kapital dan MAVCAP di bawah Khazanah Nasional Berhad -
- Melaksana dan memantau inisiatif dan program utama Kerangka MADANI dan Ekonomi MADANI:
  - Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU): penerapan program nilai MADANI dan pembaharuan tatakelola -
  - Unit Pemantauan Ekonomi MADANI: pelaksanaan langkah utama Belanjawan 2024 dan Kajian Separuh Penggal RMKe-12 -
- Kelonggaran pelaksanaan perolehan bagi projek cakna rakyat, kerja baik pulih dan pemulihan untuk dilanjutkan sehingga 31 Disember 2024: -
  - Kerajaan juga bercadang untuk melaksanakan beberapa pembaharuan dalam urusan perolehan Kerajaan seperti berikut:

PERKARA	KEMENTERIAN	MAKLUMAT KELONGGARAN
a) Kelonggaran Dalam Urusan Perolehan Kerja Bagi Semua Projek Kecil Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kerajaan Persekutuan	Semua Kementerian	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pengecualian AP182 sehingga had nilai RM1j</li> <li>● Peningkatan had nilai sebut harga sehingga RM1j</li> <li>● Peningkatan had nilai cabut undi sehingga RM200,000</li> </ul>

PERKARA	KEMENTERIAN	MAKLUMAT KELONGGARAN
b) Pelaksanaan Projek Cakna Rakyat dan Projek Ameniti Sosial di Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah	KKDW	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peningkatan had nilai lantikan terus dan <i>requisition</i> sehingga RM200,000</li> <li>• Peningkatan had nilai sebut harga sehingga RM1j</li> </ul>
c) Program Khas Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan untuk Penyelenggaraan dan Penggantian Lif Perumahan Awam dan Swasta Mampu Milik	KPKT	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peningkatan had nilai sebut harga sehingga RM1.2j</li> </ul>
d) Perolehan bekalan/perkhidmatan dan kerja bagi sekolah daif di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia	KPM	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peningkatan had nilai lantikan terus &amp; <i>requisition</i> sehingga RM200,000</li> <li>• Peningkatan had nilai sebut harga sehingga RM1j</li> </ul>
e) Pindaan had nilai bagi sebut harga perolehan bekalan/perkhidmatan dan kerja bagi klinik dan fasiliti daif di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia	KKM	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peningkatan had nilai lantikan terus &amp; <i>requisition</i> sehingga RM200,000</li> <li>• Sebut harga sehingga RM1j</li> </ul>
f) Kaedah Baharu Perolehan Bagi Menyegerakan Pelaksanaan Projek Cakna Rakyat Kerajaan	Semua Kementerian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kaedah perolehan tender terbuka pra-kelayakan terpilih</li> </ul>

Nilai

## 8. Kerjasama Awam - Swasta - Dermawan

- Memberi sokongan kepada sektor sosial dengan NGO atau masyarakat sivil sebagai rakan sekutu untuk bersama-sama menangani pelbagai isu sosioekonomi rakyat di lapangan:
  - Inisiatif Keciciran Pelajar (RM15j)
  - Inisiatif Kesihatan Mental (RM15j)
  - Inisiatif Penjanaan Pendapatan (RM15j)
  - Inisiatif Elektrik dan Air Luar Bandar (RM15j)
  - Inisiatif Pemerksaan Flora & Fauna (RM10j)
  - Inisiatif Pemerksaan Perusahaan Sosial (RM15j)
  - Inisiatif Pemerksaan Yayasan Hasanah bersama APPGM (RM15j)



## Nilai

- Pindaan kepada syarat subseksyen 44(6) ACP 1967 seperti berikut:
  - Had penggunaan dana terkumpul tidak melebihi 25% bagi tujuan penglibatan dalam perniagaan dinaikkan kepada tidak melebihi 35% bagi memastikan pendapatan institusi/organisasi/tabung yang diluluskan terus mampan
  - Potongan cukai sehingga 10% daripada pendapatan agregat bagi individu atau syarikat yang menyumbang kepada institusi, organisasi atau tabung yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 yang melaksanakan program pendidikan termasuk pendidikan sukan

### *Ikhtiar 3: Mengutamakan Perkhidmatan & Projek Rakyat*

## 9. Tangani Permasalahan Rakyat

---

- Pembaikan Tandas
  - Menyelenggara dan membaiki tandas-tandas awam di 150 PBT seluruh negara supaya berfungsi dengan baik, bersih dan teratur **RM150j**
- Kemalangan Jalan Raya

Kerajaan komited untuk memastikan tindakan diambil dalam tempoh 24 jam setelah menerima aduan jalan berlubang di Jalan Persekutuan:

  - Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) untuk menyelenggara Jalan Negeri, termasuk longkang, cerun dan jambatan yang rosak akibat bencana **RM5.4b**
  - Peruntukan naik taraf dan penyelenggaraan jalan dan jambatan persekutuan, antaranya, khusus untuk kontraktor G1 hingga G4 sebanyak RM300j **RM2.8b**

	<b>Nilai</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Memperkasa khidmat Jurutera Daerah (JD) untuk menangani aduan kecil dan luar jangka melibatkan Jalan Persekutuan dan meningkatkan peruntukan untuk setiap daerah kepada RM200,000</li> </ul>	<b>RM30j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Menyelenggara lampu jalan dan lampu trafik termasuk penggantian lampu LED di Jalan Persekutuan seluruh negara</li> </ul>	<b>RM100j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Program penukaran lampu jalan kepada jenis LED secara berfasa di kawasan PBT</li> </ul>	<b>RM50j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Menaik taraf infrastruktur keselamatan jalan raya di kawasan kemalangan tinggi termasuk rawatan <i>blackspot</i>, lintasan pejalan kaki, pemasangan lampu jalan, lampu isyarat dan lampu isyarat pintar</li> </ul>	<b>RM50j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Keadilan Rakyat – Memperkasa Perkhidmatan Bantuan Guaman oleh Jabatan Bantuan Guaman (JBG): <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Menambah lantikan sementara bagi menyokong JBG supaya lebih efektif menangani bilangan kes meningkat</li> <li>○ Meningkatkan bilangan kes yang dikendalikan oleh peguam swasta</li> <li>○ Menghantar Pegawai Pengantara mendapatkan latihan dan akreditasi bertauliah antarabangsa</li> <li>○ Memperluas pengendalian klinik guaman bergerak di kawasan pedalaman</li> </ul> </li> </ul>	<b>RM3j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Bantuan konsular menerusi Kumpulan Wang Amanah Rakyat Malaysia Luar Negeri (KWARM) kepada rakyat yang terkandas di luar negeri, termasuk akibat menjadi mangsa sindiket penipuan pekerjaan serta kes kebajikan lain</li> </ul>	<b>RM10j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Dasar Peluang Kedua <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Memperluas syarat Dasar Peluang Kedua bagi melepaskan golongan bankrap kepada golongan muda berusia 40 tahun ke bawah dengan hutang tidak melebihi RM200,000</li> </ul> </li> </ul>	-

	<b>Nilai</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketersampaian Perkhidmatan Rakyat               <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Memperluas Program Menyemai Kasih Rakyat (MEKAR) bagi menawarkan perkhidmatan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) kepada rakyat di kawasan pedalaman Malaysia (RM5j)</li> <li>○ Memperluas perkhidmatan klinik bergerak di bawah Program <i>Outreach</i> Hospital Pengajar Universiti bagi memberikan perkhidmatan rawatan asas, pendidikan kesihatan serta saringan awal kanser (RM10j)</li> <li>○ Menambah klinik pergigian bergerak di seluruh negara, termasuk kawasan baharu di Penampang dan Keningau, Sabah (RM60,000)</li> <li>○ Memperluas inisiatif Bank Bergerak, Mahkamah Bergerak (khusus kepada kes sivil) &amp; <i>Mobile Community Services</i> ke kawasan pedalaman (RM11.5j)</li> </ul> </li> </ul>	<b>RM26j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membanteras jenayah penipuan atas talian (<i>scam</i>) dengan meningkatkan peruntukan dan kefungisian Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) supaya ancaman penipuan kewangan dapat dibanteras dengan lebih berkesan</li> </ul>	<b>RM20j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membangun Portal Fraud Kebangsaan (NFP) bagi mempercepat tempoh pengesanan, pembekuan dan pemulangan dana</li> </ul>	-

## **10. Kemajuan Sabah & Sarawak**

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peruntukan Persekutuan untuk pembangunan:               <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Sarawak</li> <li>○ Sabah</li> </ul> </li> </ul>	<b>RM5.8b</b> <b>RM6.6b</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menurunkan kuasa pelaksanaan projek pembangunan di bawah nilai RM50j kepada agensi teknikal Sabah dan Sarawak</li> </ul>	-
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemberian Khas di bawah Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan kepada Sabah &amp; Sarawak</li> </ul>	<b>RM600j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memperuntukkan secara wajib wakil Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak ke dalam ahli lembaga LHDNM</li> </ul>	-

- Penyerahan kuasa kawal selia bekalan elektrik daripada Kerajaan Persekutuan berkuat kuasa 3 Januari 2024 dan penerusan pemberian subsidi kepada Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) sehingga Pelan Transformasi SESB berjaya dilaksanakan (2030) -
- Sokongan kepada pelaksanaan tenaga secara solar hibrid serta pembinaan jaringan talian penghantar elektrik di selatan Sabah -
- Berunding untuk merealisasikan penyerahan Pelabuhan Bintulu kepada Kerajaan Sarawak dan pengoperasian Perkhidmatan Udara Desa (RAS) kepada Kerajaan Sarawak dan Sabah -

## 11. Pendigitalan Sektor Awam

- 
- Mempercepat pelaksanaan Identiti Digital Nasional (IDN) untuk memacu perkembangan urus niaga serta memperkukuh e-KYC (*electronic Know Your Customer*) bagi membendung risiko jenayah *scam* -
    - Unit nukleus GovTech akan memudah cara pembangunan IDN dan juga applikasi lain yang mesra pengguna dengan kos yang optimum

## TUMPUAN 2: PENSTRUKTURAN SEMULA EKONOMI BAGI MELONJAK PERTUMBUHAN

Nilai

### *Ikhtiar 4: Merombak Struktur Ekonomi*

- Menyediakan peruntukan sehingga 10% jumlah pelaburan NIMP sebagai pemangkin untuk memacu misi NIMP dengan dana permulaan: **RM200j**
  - Dana Pembangunan Industri NIMP 2030 (RM100j)
  - Dana Pelaburan Bersama Strategik NIMP 2030 (RM100j)

### **12. Keutamaan Sektor HGHV**

- Galakan cukai pelaburan semula bagi aktiviti bernilai tinggi diberikan secara *tiering* dalam bentuk elaun cukai pelaburan sebanyak 70% atau 100% -
- *Pengerang Integrated Petroleum Complex (PIPC)* dijadikan hab pembangunan sektor kimia dan petrokimia dengan pemberian pakej galakan cukai seperti berikut: -
  - Syarikat pengilangan produk kimia dan petrokimia dengan pelaburan minimum RM500j layak mendapat galakan cukai sama ada kadar cukai 5% atau 10% ke atas pendapatan daripada aktiviti pengilangan produk kimia dan petrokimia tertentu bagi tempoh sehingga 10 tahun atau Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% untuk tempoh sehingga 10 tahun dan boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran
  - Bagi pemaju kawasan perindustrian di PIPC pula, layak mendapat kadar cukai 10% ke atas jualan atau sewaan tanah atau bangunan bagi projek yang layak untuk tempoh 10 tahun
- Pengelasan kategori hijau pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan langsung domestik (DDI) oleh Lembaga -

Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) bagi memastikan Malaysia menerajui pelaburan hijau bernilai tinggi

### 13. Malaysia Destinasi Pelaburan

- Memudah cara urusan perniagaan:
  - Membuka kawasan perindustrian berteknologi tinggi di Kerian, Perak Utara, bagi membina ekosistem lebih luas untuk kluster E&E di wilayah utara -
  - Penubuhan Jawatankuasa Tindakan Penyelarasan Pelaburan dan Perdagangan (JTPPP) di bawah MITI bagi mempermudah urusan pelaburan FDI dan DDI dari peringkat permohonan sehingga direalisasikan -
  - Menyediakan Dana Strategik Pelaburan Domestik oleh MIDA **RM100j**
  - Membangunkan aplikasi berasaskan teknologi oleh *Collaborative Research in Engineering, Science and Technology* (CREST) **RM10j**

### 14. Pengantarabangsaan Syarikat Pemula

- Ekosistem Tetingkap Tunggal (*Single Window Ecosystem*) MYStartup Malaysia sebagai platform bersepadu untuk merealisasikan aspirasi menjadikan Kuala Lumpur sebagai hab industri digital dan syarikat pemula di rantau ini **RM28j**
- Meneruskan sokongan kepada syarikat pemula untuk mempermudah dan mendayakan perniagaan sepanjang kitaran hayat di bawah pelbagai agensi pembiayaan dan modal teroka, antaranya: **RM200j**
  - Cradle Fund (RM30j)
  - MAVCAP (RM100j)
  - KMP (E&E & RE) (RM10j)
  - MTDC (RM3j)

**Nilai**

- MOSTI (HTDF) (RM5.3j)
- MDV (TACT 2.0) (RM22.7j)
- MDV (Tech FMG) (RM25j)
- MRANTI (RM4j)
- Bagi menyokong pendanaan modal kepada syarikat pemula:
  - Peruntukan tambahan akan disalurkan kepada MyCIF bagi tempoh 3 tahun bagi melengkapai kerjasama dengan inisiatif keterjaminan makanan, alam sekitar, masyarakat dan Majlis Agama Islam Negeri untuk membuka peluang pembangunan aset wakaf untuk tujuan kesihatan, pendidikan dan perusahaan asas tani **RM100j**
- *Business Export Program* 3.0 untuk pengantarabangsaan PKS dalam sektor bernilai tinggi (SME Bank) **RM3j**
- Juara Lestari Perusahaan Sosial 2.0 untuk manfaat perusahaan sosial mendapatkan penarafan akreditasi oleh KUSKOP (SME Bank) **RM1j**

**15. Peneraju Ekonomi Islam Global**

- 
- Menganjurkan *15th International Conference on Islamic Economics and Finance (ICIEF2023)* pada bulan Disember 2023 bagi mengupas isu-isu dan tindakan yang boleh diambil dalam memartabatkan kewangan Islam -
  - Usaha memperkasa impak sektor kewangan Islam
    - Melalui Amalan Perantaraan Berasaskan Nilai atau *Value-based Intermediation (VBI)* -
    - Program rintis BNM dan institusi kewangan Islam bagi memajukan program pelaburan berimpak melalui Akaun Pelaburan atau *Investment Account (IA)* yang lebih meluas -
    - Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC) akan terus memperkukuh daya saing negara dalam bidang kewangan Islam -

**RM20j**

## Nilai

- Menyedia peruntukan bagi merencanakan kajian serta kreativiti dan inovasi Islam diterajui oleh Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) dengan penglibatan MIFC dan industri
- Mencadang untuk mengecualikan cukai pendapatan ke atas pendapatan yang terbit daripada *Islamic Securities Selling and Buying* (ISSB) mulai tahun taksiran 2024 -
- 9 institusi kewangan menawarkan program khusus untuk PKS halal di bawah platform bersepadu halal yang menawarkan dana khas dan program bina upaya -
- Memendekkan tempoh memproses pensijilan halal daripada 51 kepada 30 hari -
- Dana tambahan secara geran padanan bagi menyokong Perusahaan Mikro melalui Inisiatif Kewangan Sosial i-TEKAD **RM25j**
- Menambah dana pinjaman mudah bagi meningkatkan pembangunan semula tanah wakaf di seluruh negara **RM500j**

### ***Ikhtiar 5: Memperkasa PMKS***

#### **16. Kemudahan Pinjaman Perniagaan**

- Nilai keseluruhan pinjaman dan jaminan pembiayaan yang tersedia untuk manfaat usahawan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), termasuk: **RM44b**
  - Skim pembiayaan mikro Bank Simpanan Nasional (BSN) untuk menyediakan modal perniagaan, pembelian peralatan, premis serta pemasaran kepada penjaja dan pengusaha kecil-kecilan (RM1.4b)
  - Skim Pembiayaan Inklusif bagi memperkasa usahawan mikro dan peniaga kecil di bawah TEKUN Nasional (RM330j, termasuk pembiayaan perniagaan khusus untuk masyarakat India sebanyak RM30j)



## Nilai

- Jumlah khas untuk menggalakkan wanita dan belia menceburi bidang perniagaan (RM720j)
  - Dana Pinjaman BNM bagi menyokong syarikat PKS termasuk RM600j dikhususkan untuk perusahaan mikro dan usahawan berpendapatan rendah, kontraktor kecil, penerapan amalan kelestarian dan sektor berkaitan keterjaminan makanan (RM8b)
  - Skim Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) untuk terus membantu PKS dengan sektor tumpuan seperti Halal, Teknologi Tinggi, Ekonomi Hijau dan Penjagaan Kesihatan (RM20b)
  - Menyedia peruntukan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) untuk membasmi kemiskinan (RM100j)
  - Dana tambahan Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi meningkatkan keupayaan koperasi (RM100j)
- Maklumat lanjut pinjaman dan jaminan pembiayaan boleh didapati di dalam jadual seperti berikut:

### **SKIM KREDIT MIKRO**

Terma pembiayaan tertakluk kepada syarat dan penilaian kredit institusi kewangan

#### **Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)**

<b>Program/ Skim</b>	<b>Saiz Dana</b>	<b>Kumpulan Sasar</b>	<b>Terma Pembiayaan</b>
Skim Pembiayaan Ikhtiar	RM100j	Wanita daripada golongan miskin untuk memulakan perniagaan secara kecil-kecilan bagi menjana pendapatan keluarga	Kadar pembiayaan: 8-10% Saiz: Sehingga RM30,000 Tempoh: Sehingga 3 tahun

## Bank Negara Malaysia (BNM)

Program/Skim	Dana Tersedia	Tujuan	Terma Pembiayaan
Kemudahan Perusahaan Mikro (MEF)	RM367j	Akses kepada pembiayaan bagi tujuan perniagaan untuk perusahaan/ usahawan mikro yang berdaya maju, termasuk pekerja sambilan ( <i>gig workers</i> ) yang menggunakan platform digital dan individu yang bekerja sendiri	Kadar pembiayaan: Akan ditentukan oleh institusi kewangan  Saiz: Sehingga RM50,000
i-TEKAD	RM100j	Membantu usahawan mikro berpendapatan rendah memperkukuh pengurusan kewangan dan kepintaran dalam perniagaan ke arah menjana pendapatan yang berterusan	Kadar pembiayaan, saiz dan tempoh: Akan ditentukan oleh institusi kewangan  <i>Nota: RM50 juta peruntukan daripada MEF dan RM50 juta daripada modal permulaan (Contoh: geran padanan dan dana kewangan sosial)</i>

## Bank Simpanan Nasional (BSN)

Program/Skim	Saiz Dana	Kumpulan Sasar	Terma Pembiayaan
Skim Mikro Umum	RM300j	Semua sektor perniagaan mikro/kecil	Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM50,000 Tempoh: Sehingga 5 tahun
Skim Mikro Nita	RM250j	Wanita yang menjalankan perniagaan mikro/kecil	Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM50,000 Tempoh: Sehingga 5 tahun
Skim Mikro Borneo	RM250j	Sektor perniagaan mikro/kecil di Sabah dan/atau Sarawak	Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM50,000 Tempoh: Sehingga 5 tahun
Skim Mikro Belia	RM150j	Perniaga mikro/kecil berumur 30 tahun ke bawah	Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM50,000 Tempoh: Sehingga 5 tahun

## Bank Simpanan Nasional (BSN)

Program/Skim	Saiz Dana	Kumpulan Sasar	Terma Pembiayaan
Pembiayaan Perkampungan Baru Cina	RM148j	Perniagaan mikro/kecil penduduk Kampung Baru Cina atau yang beroperasi di kawasan tersebut	Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM150,000 Tempoh: Sehingga 5 tahun
Skim Mikro Perintis	RM100j	Perniagaan mikro/kecil, gig/IPT atau graduan yang baharu memulakan perniagaan	Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM20,000 Tempoh: Sehingga 5 tahun 3 bulan Moratorium: 3 bulan
Skim Mikro Penjaja	RM100j	Sektor perniagaan mikro/kecil penjaja	Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM20,000 Tempoh: Sehingga 5 tahun
Skim Mikro Veteran	RM100j	Perniagaan mikro/kecil oleh veteran dari badan beruniform	Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM50,000 Tempoh: Sehingga 5 tahun
Skim Mikro OKU	RM50j	Usahawan OKU	Kadar pembiayaan: 3% Saiz: Sehingga RM50,000 Tempoh: Sehingga 5 tahun
Skim Pembiayaan Usahawan Perusahaan Kecil Komuniti Cina	RM5j	Perniagaan mikro/kecil komuniti Cina	Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM50,000 Tempoh: Sehingga 5 tahun
Skim Penjaja Kecil Cina	RM4j	Penjaja komuniti Cina	Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM20,000 Tempoh: Sehingga 5 tahun

## TEKUN Nasional

Program/Skim	Saiz Dana	Kumpulan Sasar	Terma Pembiayaan
Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga - Bumiputera 2.0	RM290j	Usahawan mikro Bumiputera	Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM100,000 Tempoh: Sehingga 10 tahun
Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India	RM30j	Masyarakat India yang menceburkan diri dalam bidang perniagaan	Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM100,000 Tempoh: Sehingga 10 tahun

Program/Skim	Saiz Dana	Kumpulan Sasar	Terma Pembiayaan
Mobilepreneur 4.0	RM10j	Usahawan perkhidmatan penghantaran menggunakan motosikal	Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM10,000 Tempoh: Sehingga 3 tahun

### Dana Bank Negara Malaysia untuk PMKS

- Lebih RM8b tersedia di bawah Dana BNM
- Dana akan disalurkan melalui institusi kewangan terlibat (PFI), yang terdiri daripada semua bank berlesen, institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan dan *Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad* (CGC)
- Permohonan hendaklah dikemukakan melalui PFI dan kelulusan adalah tertakluk kepada penilaian kredit PFI tersebut:

Skim	Dana Tersedia	Tujuan	Terma Pembiayaan
Kemudahan untuk Semua Sektor Ekonomi (AES)	RM2.9b	Meningkatkan akses PKS kepada pembiayaan dan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi	Kadar pembiayaan: Sehingga 7% (termasuk fi jaminan) Saiz: Sehingga RM5 juta Tempoh: Sehingga 5 tahun
Kemudahan Permodalan Semula Perniagaan (BRF)	RM1b	Menyokong PKS mengembangkan perniagaan tanpa meningkatkan tahap keberhutangan mereka ketika fasa pemulihan	Kadar pembiayaan: Sehingga 3.5% (tidak termasuk fi jaminan); sehingga 5% (termasuk fi jaminan); tiada had kadar keuntungan untuk pelaburan ekuiti Saiz: Sehingga RM5 juta Tempoh: Sehingga 10 tahun
Kemudahan Automasi dan Digital PKS (ADF)	RM914j	Memberi insentif kepada PKS untuk mengautomasikan proses dan mendigitalkan operasi bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan	Kadar pembiayaan: Sehingga 4% (termasuk fi jaminan) Saiz: Sehingga RM3 juta Tempoh: Sehingga 10 tahun
Kemudahan Peralihan Rendah Karbon (LCTF)	RM892j	Membantu PKS menerapkan amalan lestari dan rendah karbon dalam operasi perniagaan	Kadar pembiayaan: Sehingga 5% (termasuk fi jaminan) Saiz: Sehingga RM10 juta Tempoh: Sehingga 10 tahun

Skim	Dana Tersedia	Tujuan	Terma Pembiayaan
Kemudahan Teknologi Tinggi dan Hijau (HTG)	RM808j	Membantu PKS dan syarikat permulaan yang inovatif mengembangkan perniagaan mereka serta melabur dalam sektor strategik dan bidang teknologi digital, teknologi hijau dan bioteknologi	Kadar pembiayaan: Sehingga 3.5% (tidak termasuk fi jaminan); sehingga 5% (dengan fi jaminan) Saiz: Sehingga RM10 juta Tempoh: Sehingga 10 tahun
Kemudahan Agromakanan (AF)	RM798j	Meningkatkan pengeluaran makanan untuk Malaysia dan diekspor	Kadar pembiayaan: Sehingga 3.75% (termasuk fi jaminan) Saiz: Sehingga RM5 juta Tempoh: Sehingga 8 tahun
Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PTF)	RM464j	Dana khusus untuk perniagaan dalam sektor pelancongan yang masih terjejas akibat pandemik	Kadar pembiayaan: Sehingga 3.5% (termasuk fi jaminan) Saiz: Sehingga RM500,000 untuk PKS dan sehingga RM75,000 untuk mikro Tempoh: Sehingga 7 tahun (termasuk tempoh moratorium)

Daripada dana BNM yang lebih daripada RM8b, RM600j telah diperuntukkan untuk empat segmen:

**1. Perusahaan mikro dan usahawan berpendapatan rendah**

- RM200j di bawah MEF, di mana RM50j dikhususkan kepada program iTEKAD

**2. Kontraktor kecil (G1-G4)**

- RM200j di bawah AES untuk program CAKNA 2 bagi pembiayaan pra-kontrak kontraktor kecil G1 – G4 Bumiputera untuk projek berskala kecil Kerajaan sehingga RM1.5j satu kontrak

**3. Keterjaminan makanan**

- RM100j di bawah AF untuk meningkatkan pengeluaran makanan dan kapasiti import bagi memenuhi permintaan makanan yang semakin tinggi

**4. Amalan lestari dan rendah karbon**

- RM100j di bawah LCTF bagi menyokong pensijilan berkaitan amalan lestari dan hijau

## **PINJAMAN MUDAH PKS**

Terma pembiayaan tertakluk kepada syarat dan penilaian kredit institusi kewangan

### **Agrobank**

<b>Program/ Skim</b>	<b>Saiz Dana</b>	<b>Kumpulan Sasar</b>	<b>Terma Pembiayaan</b>
Dana Pembiayaan Agromakanan	RM400j	Usahawan tani yang berhajat untuk mengembangkan operasi dan pihak yang ingin menceburi bidang agromakanan	Kadar pembiayaan: Serendah 3% Saiz: Sehingga RM5 juta Tempoh: Sehingga 10 tahun Tempoh penangguhan: Sehingga 6 bulan bergantung kepada kelayakan
Program Modenisasi Rantai Nilai Agromakanan	RM30j	Usahawan tani yang berhajat untuk menerapkan teknologi untuk memodenkan operasi mereka	Kadar pembiayaan: Serendah 3% Saiz: Sehingga RM1 juta Tempoh: Sehingga 10 tahun Tempoh penangguhan: Sehingga 12 bulan bergantung kepada kelayakan

### **Bank Rakyat**

<b>Program/ Skim</b>	<b>Saiz Dana</b>	<b>Kumpulan Sasar</b>	<b>Terma Pembiayaan</b>
BR Plus - i BizLady	RM100j	Wanita dalam PMKS serta koperasi untuk kesinambungan perniagaan dan mengurangkan isu aliran tunai	Kadar pembiayaan: SME: BFR+1.5% (termasuk fi jaminan) Koperasi: BFR+0% Mikro: 7.5%  Saiz: Sehingga RM1j Tempoh: Sehingga 7 tahun
Skim Pembiayaan Industri Sukan (SPIS)	RM30j	PMKS dalam industri sukan (30% dana untuk wanita)	Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM100,000 Tempoh: Sehingga 7 tahun

### **Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank)**

<b>Program/Skim</b>	<b>Saiz Dana</b>	<b>Kumpulan Sasar</b>	<b>Terma Pembiayaan</b>
Skim Insentif Pemampanan Pengeksport (SIP <sup>2</sup> )	RM1b	PKS untuk memasuki pasaran antarabangsa	Kadar pembiayaan: Kadar pembiayaan semasa – Insentif 1.5% Saiz: Sehingga RM10j Tempoh: Sehingga 7 tahun

## Majlis Amanah Rakyat (MARA)

Program/Skim	Saiz Dana	Kumpulan Sasar	Terma Pembiayaan
Program Pembangunan Keusahawanan Spike & Spike GLC	RM50j	Kontraktor Bumiputera untuk modal kerja kontrak yang diterima daripada Kerajaan/ agensi/GLC	Kadar pembiayaan: 6% Saiz: Sehingga RM1j Tempoh: Mengikut tempoh tamat kontrak
Program Pembangunan Keusahawanan Belia	RM19j	Belia Bumiputera yang berumur 40 tahun ke bawah	Kadar pembiayaan: 0% Saiz: Sehingga RM500,000 (mengikut kelayakan usahawan) Tempoh: Sehingga 5 tahun
Skim Pembiayaan MARA Integrated Smart Auto	RM16j	Usahawan Bumiputera dalam bidang automotif yang menyediakan perkhidmatan 3S	Kadar pembiayaan: 2% Saiz: Sehingga RM1j Tempoh: Sehingga 10 tahun
Skim Pembiayaan Pembangunan Usahawan Profesional	RM15j	Usahawan Bumiputera dalam bidang keusahawanan profesional	Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM250,000 (Milikan tunggal/Perkongsian) atau RM500,000 (Syarikat Sdn Bhd) Tempoh: Sehingga 10 tahun
Skim Pembiayaan Perniagaan Khas Wanita	RM10j	Usahawan wanita Bumiputera	Kadar pembiayaan: 3.5% Saiz: Sehingga RM150,000 Tempoh: Sehingga 10 tahun

## Malaysian Industrial Development Finance (MIDF)

Program/Skim	Saiz Dana	Kumpulan Sasar	Terma Pembiayaan
Skim Pembiayaan Mudah bagi Automasi dan Pemodenan	RM126j	Syarikat Perkilangan dan Perkhidmatan berkaitan Perkilangan	Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM20j Tempoh: Sehingga 25 tahun
Dana Pelaburan Industri dalam Bidang Aeroangkasa dan Elektrik dan Elektronik	RM75j	Syarikat Aeroangkasa dan Elektrik dan Elektronik	Geran padanan: Sehingga 80% berdasarkan perbelanjaan yang layak Jumlah: Sehingga RM40j Tempoh projek: Sehingga 12 bulan Yuran pengurusan: 2%

Program/Skim	Saiz Dana	Kumpulan Sasar	Terma Pembiayaan
<b>Malaysian Industrial Development Finance (MIDF)</b>			
Skim Pembiayaan Mudah bagi PKS	RM51j	PKS dalam sektor Perkilangan dan Perkhidmatan berkiatan Perkilangan dan Perkhidmatan	Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM5j Tempoh: Sehingga 25 tahun
Pembiayaan Peluang Kedua	RM34j	Syarikat PKS dalam Sektor Pembuatan dan Perkhidmatan	Kadar pembiayaan: 3% Saiz: Sehingga RM5j Tempoh: Sehingga 10 tahun.
Geran Padanan bagi Perniagaan PKS Bumiputera Industri Aeroangkasa	RM26j	Syarikat PKS Aeroangkasa Bumiputera	Geran padanan: Sehingga 80% berdasarkan perbelanjaan yang layak Saiz: Sehingga RM2.5j Tempoh projek: Sehingga 12 bulan Yuran pengurusan: 2%
Pembiayaan Perniagaan Hijau dan Lestari	RM25j	Syarikat Pembuatan dan Perkhidmatan dalam Ekosistem Teknologi Hijau	Kadar pembiayaan: 2% Saiz: Sehingga RM10j Tempoh: Sehingga 25 tahun
Pembiayaan Perniagaan Mobiliti Lestari	RM10j	Syarikat dalam Ekosistem Automotif	Kadar pembiayaan: 2% Saiz: Sehingga RM5j Tempoh: Bergantung kepada jenis pembiayaan

#### Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)

Program/Skim	Saiz Dana	Kumpulan Sasar	Terma Pembiayaan
Pembiayaan PROSPER	RM200j	PKS Bumiputera	Kadar pembiayaan: 5-8% Saiz: Sehingga RM10j Tempoh: Sehingga 7 tahun

#### Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)

Program/Skim	Saiz Dana	Kumpulan Sasar	Terma Pembiayaan
Tabung Modal Pusingan (TMP)	RM287j	Untuk koperasi melaksanakan projek yang berdaya maju	Kadar pembiayaan: 1% hingga 6% Saiz: Sehingga RM30j Tempoh: Sehingga 25 tahun Tempoh penangguhan: 3-6 bulan



## SME Bank Berhad

Program/Skim	Saiz Dana	Kumpulan Sasar	Terma Pembiayaan
<i>SME Recapitalisation Fund</i>	RM500j	PKS yang menghadapi isu <i>gearing</i> atau leveraj	Kadar pembiayaan: 6% Saiz: Sehingga RM5j Tempoh: Sehingga 5 tahun
<i>SME Technology Transformation Fund</i>	RM400j	PMKS yang melaksanakan transformasi teknologi dan/atau penerapan Industry4WRD	Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM3j Tempoh: Sehingga 10 tahun
Program Jaguh Serantau	RM300j	PKS Bumiputera dalam pasaran serantau atau bersedia untuk berkembang ke pasaran serantau	Kadar pembiayaan: Berdasarkan risiko Saiz: Sehingga RM10j Tempoh: Sehingga 20 tahun
Dana Kemampanan PMKS Bumiputera 2.0	RM200j	PMKS Bumiputera dalam semua sektor ekonomi dengan memberikan tumpuan kepada sektor yang digalakkan oleh Kerajaan	Kadar pembiayaan: 5% Saiz: Sehingga RM3j Tempoh: Sehingga 7 tahun Tempoh Penangguhan: Sehingga 6 bulan
Program Pembiayaan HalalBiz	RM100j	PMKS dalam ekosistem industri Halal	Kadar pembiayaan: 5% Saiz: Sehingga RM1j Tempoh: Sehingga 7 tahun
Dana Pemangkin Ekosistem <i>Industrial Building System (IBS)</i>	RM70j	PMKS termasuk kontraktor, pengeluar dan pemasang IBS	Kadar pembiayaan: Tahun 1-7: BFR+0%, Tahun 8 - 15: BFR+1.5% setahun Saiz: Sehingga RM10j Tempoh: Sehingga 15 tahun
Tabung Khas Pelancongan	RM60j	PMKS dalam sektor pelancongan dan perkhidmatan sokongan pelancongan	Kadar pembiayaan: 4% - 5.5% Saiz: Sehingga RM5j Tempoh: Sehingga 10 tahun
Dana Pemantapan Automasi	RM50j	PMKS dalam sektor 3D untuk pembelian aset bagi mengadaptasi automasi dan mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing	Kadar pembiayaan: 4% - 5% Saiz: Sehingga RM3j Tempoh: Sehingga 10 tahun
Skim Pembiayaan Perusahaan Sosial	RM15j	Untuk modal kerja dan pembelian aset oleh perusahaan sosial	Kadar pembiayaan: 3% - 4% Saiz: Sehingga RM500,000 Tempoh: Sehingga 5 atau 7 tahun

### Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU)

Program/Skim	Saiz Dana	Kumpulan Sasar	Terma Pembiayaan
Dana Kemakmuran Bumiputera (DKB)	RM21j	Syarikat Bumiputera PKS dalam sektor Pertumbuhan Tinggi Bernilai Tinggi (HGHV) bagi pembinaan infrastruktur asas serta pembelian mesin dan kelengkapan	Geran: Sehingga RM2j Tempoh: 5 Tahun
Dana Sektor Ekonomi Baru (DSEB)	RM17j	Syarikat Bumiputera pemula, PKS dalam sektor-sektor baharu, strategik and bernilai tambah tinggi	Kadar pembiayaan: 5% Saiz: Sehingga RM10j Tempoh: 7 Tahun

### Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB)

Jenis	Program/Skim	Saiz Dana	Kumpulan Sasar	Terma
Pinjaman subsidi	Skim Pembangunan MADANI	RM2b	Syarikat yang terlibat dalam sektor yang menyumbang kepada Rancangan Malaysia Ke-12 dan Ekonomi MADANI serta tidak diliputi oleh skim-skim sedia ada	Kadar Pembiayaan: <b>Kerajaan:</b> COF + Margin - Subsidi 1.5% <b>Komersial:</b> BFR + Margin - Subsidi 1.5% <b>Sukuk/Bon:</b> Fi jaminan - Subsidi 1.5%  Saiz: Sehingga RM100j  Sebanyak RM500j diperuntukkan kepada syarikat Bumiputera di bawah semua skim
	Skim Pembiayaan Pembangunan Mampan	RM1.2b	Syarikat yang terlibat dalam penyesuaian dan mitigasi risiko iklim serta peralihan tenaga	
	Skim Transformasi Pendigitalan Industri	RM1b	Syarikat yang menjalankan transformasi digital melalui penerapan teknologi, termasuk tetapi tidak terhad kepada AI, robotik dan automasi	
	Skim Infrastruktur Pelancongan	RM1b	Syarikat yang terlibat dalam aktiviti dan projek infrastruktur yang menyumbang kepada pembangunan industri pelancongan	
	Skim Maritim, Logistik dan Pengangkutan	RM1b	Syarikat yang terlibat dalam aktiviti dan perkhidmatan marin, minyak dan gas, aeroangkasa dan logistik	

Jenis	Program/ Skim	Saiz Dana	Kumpulan Sasar	Terma
<b>Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB)</b>				
Pinjaman/ pembiayaan ekuiti	Skim Pemulihan dan Sokongan melalui Ekuiti (RESET)	RM500j	Syarikat yang memerlukan sokongan ekuiti untuk memulihkan operasi dan/atau untuk memperbaiki kedudukan kewangan syarikat	Kadar jangkaan pulangan: 8-15% IRR Saiz: Sehingga RM30j Tempoh: Sehingga 5 tahun
	Skim Modal Kerja	RM500j	Syarikat yang memerlukan pembiayaan modal kerja untuk menyokong kelangsungan perniagaan dan/atau operasi yang terjejas akibat pandemik COVID-19	Kadar pembiayaan: 5% Saiz: Minimum RM5j Tempoh: Sehingga 3 tahun
	Platform Pembiayaan Sepadan	RM100j	PKS yang mencari pembiayaan melalui platform pembiayaan antara rakan setara (P2P)	Kadar pembiayaan: 11-14% Saiz: Sehingga RM2j Tempoh: Sehingga 2 tahun

### Skim Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP)

1. Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS 4.0) (RM1b)
2. Skim Jaminan Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) berjumlah RM20b akan diberikan kepada pembiayaan oleh institusi kewangan. Setiap sektor tumpuan (Halal, Teknologi Tinggi, Ekonomi Hijau dan Penjagaan Kesihatan) akan diberikan jaminan berjumlah RM1b

Jaminan SJPP	Terma Jaminan
Jaminan Pembiayaan	Sehingga 80%
Had Pembiayaan	Sehingga RM20j
Fi Jaminan	Sehingga 1% setahun
Tempoh	Sehingga 10 tahun

## 17. Pengukuhan Daya Saing PMKS

- Pendigitalan dan pengautomasian PMKS:
  - Geran pendigitalan untuk menaik taraf sistem jualan, inventori dan perakaunan digital sehingga RM5,000 **RM100j**
  - Dana pinjaman BNM bagi menggalakkan syarikat PKS meningkatkan produktiviti perniagaan melalui automasi dan pendigitalan **RM900j**
  - Program *Shop Malaysia Online* untuk menggalakkan peniaga kecil khususnya dalam bidang makanan untuk berniaga dari rumah **RM40j**
  - Memperkasa Pusat Ekonomi Digital di setiap DUN bagi menyokong pengusaha kecil di peringkat komuniti berniaga secara talian **RM25j**
  - Program e-Usahawan Desa untuk membangunkan keupayaan digital kepada golongan wanita dan belia luar bandar bagi memperkasa ekonomi mereka **RM10j**
- Meneruskan *Market Development Grant* untuk memudah cara dan mempromosi produk tempatan bernilai tinggi, khususnya dalam sektor pertanian, halal dan kraftangan **RM30j**
- Pelbagai program usahawan di bawah SME Corp **RM130.6j**
  - Skim Peningkatan Kapasiti dan Keupayaan PMKS (RM55j)
  - Bumiputera *Enterprise Enhancement Program 2.0* (RM30j)
  - Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) (RM20j)
  - Program Pembangunan Perniagaan Usahawan Mikro (RM6.6j)
  - Projek *SME Rating and Accreditation* (RM6.1j)
  - Program peningkatan industri strategik dan syarikat berprestasi tinggi (PRESTIGE) (RM5j)
  - Program pengukuhan eksport PKS (*SMEs Go Global*) (RM4.9j)
  - *Inclusive SME Ecosystem (I-SEE)* (RM3j)

## 18. Pembangunan Bakat Tempatan

- |  |               |
|--|---------------|
| • Peruntukan pendidikan TVET   | <b>RM6.8b</b> |
| • Menyedia pensijilan profesional yang diiktiraf industri kepada graduan TVET dan sebagai insentif industri untuk bekerjasama dengan institusi TVET awam   | <b>RM100j</b> |
| • Penyediaan dana khas bagi melaksanakan Program Latihan MADANI HRD Corp merangkumi program latihan semula dan peningkatan kemahiran kepada usahawan PMKS dan golongan rentan melalui program seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ <i>Seniors Back in Action (SEBA)</i></li> <li>○ <i>Second Chances and Opportunities for People to Excel (SCOPE)</i></li> <li>○ <i>Persons With Disabilities (PWDs) Talent Enhancement</i></li> </ul> | <b>RM20j</b>  |
| • Menyediakan dana kredit kemahiran atau <i>MySkills Credit</i> melalui HRD Corp bagi membiayai program latihan kemahiran individu pilihan sendiri   | -             |
| • Melaksana Program <i>Academy in Industry</i> bagi menyediakan kemahiran sambil bekerja dalam tempoh sehingga 18 bulan – Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan Program Pembangunan Bakat Tempatan   | <b>RM70j</b>  |
| • Galakan kepada pihak industri untuk melatih tenaga kerja tempatan termasuk menawarkan kepakaran mereka sebagai tenaga pengajar dan membiayai inovasi dalam penghasilan produk baharu   | <b>RM30j</b>  |
| • Kerajaan akan melaksanakan mekanisme levi pelbagai peringkat ( <i>multi-tier levy</i> ) untuk pengambilan pekerja asing di mana hasil kutipan akan digunakan untuk manfaat majikan bagi automasi atau latihan pekerja tempatan.  | -             |
| • Menaiktaraf Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) selaras dengan mekanisme baharu pengambilan pekerja asing  | <b>RM10j</b>  |

- |  | <b>Nilai</b>  |
|--|---------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) menyediakan Dana Latihan TVET, termasuk RM20j dikhaskan untuk <i>up-skilling</i> dan pensijilan dalam:               <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Bidang maritim (RM10j)</li> <li>○ Bidang kesenian ASWARA (RM5j)</li> <li>○ Bidang <i>maintenance, repair, and overhaul</i> (MRO) aeroangkasa (RM5j)</li> </ul> </li> </ul> | <b>RM180j</b> |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peruntukan bagi melaksanakan Program Tahfiz TVET bertujuan untuk membuka peluang kepada pelajar tahfiz mempelbagaikan kemahiran dengan melanjutkan pelajaran sambil meneruskan pengajian hafazan</li> </ul>   | <b>RM17j</b>  |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menaiktaraf dan membaik pulih bangunan dan peralatan di Institusi Pendidikan MARA</li> </ul>  | <b>RM50j</b>  |

## **19. Ekonomi Rakyat**

- |  |               |
|--|---------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memelihara kebajikan penjaja serta peniaga di pasar-pasar:               <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Membaik pulih gerai, pusat penjaja dan prasarana awam yang uzur di 150 kawasan PBT (RM110j)</li> <li>○ Menyasar 10 ribu gerai dan warung kecil untuk diperindah dan ditingkatkan tahap kebersihan (RM10j)</li> <li>○ Membina 4,000 unit ruang niaga baharu dan mengecualikan bayaran sewa kiosk bagi 6 bulan pertama di kawasan PBT (RM50j)</li> <li>○ Agensi Kerajaan di bawah MARA, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan turut menaik taraf kemudahan perniagaan</li> </ul> </li> </ul> | <b>RM170j</b> |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) dan Penggunaan Barangan dan Perkhidmatan Hasil R&amp;D Tempatan (MySTI):               <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Memperhebat KBBM (RM14j)</li> </ul> </li> </ul>  | <b>RM27j</b>  |

	<b>Nilai</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Mengukuhkan program MySTI melalui perolehan barangan/perkhidmatan hasil R&amp;D tempatan oleh Kementerian/Agensi dan membangunkan ekosistem MySTI (RM13j)</li> </ul>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program Pengukuhan Francais bagi meningkatkan eksport untuk mengembangkan perdagangan francais</li> </ul>	<b>RM10j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Usahawan Francais <ul style="list-style-type: none"> <li>○ <i>Enhanced Franchise Development Program</i> (RM2j)</li> <li>○ <i>Be Your Own Boss</i> (RM6j)</li> </ul> </li> </ul>	<b>RM8j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembangunan Vendor <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Program Pembangunan Kapasiti Vendor 2.0 (RM5j)</li> <li>○ Geran penyelidikan dan pengkomersialan vendor 2.0 (RM10j)</li> </ul> </li> </ul>	<b>RM15j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melaksanakan Program Geran Pelaksanaan <i>Productivity-Linked Wage System</i> (G-PLWS) untuk membantu majikan melaksanakan PLWS</li> </ul>	<b>RM2j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program Pembangunan Premis (Tamu Desa) untuk membangun infrastruktur keusahawanan bagi penjaja dan peniaga kecil khususnya di Sabah dan Sarawak</li> </ul>	<b>RM20j</b>

### ***Ikhtiar 6: Menyokong Sektor-Sektor Utama***

#### **20. Sektor Logistik**

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bagi memantapkan ekosistem dan kecekapan pelabuhan negara: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Geran padanan bersama Lembaga Pelabuhan Klang (menyelenggara laluan Persekutuan di sekitar Pelabuhan Klang)</li> </ul> </li> </ul>	<b>RM50j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Geran padanan bersama Lembaga Pelabuhan untuk menaik taraf sistem <i>Malaysia Maritime Single Window</i> (MMSW)</li> </ul>	<b>RM20j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Cadangan pembangunan pelabuhan di Pulau Carey melalui RFP</li> </ul>	-

- Memanjangkan landasan Lapangan Terbang Tioman kepada 1,300 meter dan menambah baik fasiliti penumpang **Nilai RM47j**

## **21. Sektor Pelancongan dan Kreatif**

- Peruntukan bagi merencanakan promosi dan aktiviti pelancongan: **RM350j**
  - Kempen Melawat Malaysia 2026 (RM240j), termasuk RM10j kepada Biro Konvensyen dan Pameran Malaysia (MYCEB)
  - Inisiatif bagi merencanakan sektor pelancongan, antaranya:
    - Geran Sepadan Sektor Pelancongan (GSSP) (RM30j)
    - Geran Sepadan Galakan Melancong Malaysia (GAMELAN) (RM15j)
    - Geran Sokongan Sektor Kebudayaan (GSSK) (RM25j)
    - Geran Stimulus Penerbangan Antarabangsa dan Charter (GSPC) (RM23j)
    - Program pembangunan industri pelancongan mesra muslim oleh Pusat Pelancongan Islam (ITC) (RM15j)
  - Mengembalikan penganjuran Anugerah Seni Negara (ASN) secara tahunan sebagai mengiktiraf dan menghargai tokoh dan penggiat seni, budaya dan warisan (RM2j)
- Menyelenggara dan memulihara lokasi tarikan pelancongan seperti Tasik Timah Tasoh di Perlis, Kenong Rimba Park di Pahang, dan Pantai Teluk Kemang di Negeri Sembilan **RM20j**
- Memelihara dan memulihara bangunan dan tapak warisan UNESCO di Malaysia: **RM90j**



## Nilai

- UNESCO – lokasi sedia ada & berpotensi termasuk Gua Niah, Lembah Bujang, Taman Negeri Royal Belum (RM80j)
- UNESCO – Geran Padanan Yayasan Habitat dan Inisiatif *Island Waste* (RM10j)
- Mengangkat dan memulihara nilai Kuala Lumpur sebagai bandar raya kreatif dan budaya melalui Think City serta memartabatkan Kuala Lumpur sebagai tarikan pelancongan moden bermula dari Masjid Jamek dan kawasan sekelilingnya **RM20j**
- Pelan Liberalisasi Visa Malaysia: -
  - Pertama: Memudah cara kelulusan Pas Penggajian bagi pelabur strategik dalam sektor utama
  - Kedua: Memperkenalkan Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang untuk pelajar antarabangsa yang telah tamat pengajian bagi menampung keperluan tenaga mahir industri
  - Ketiga: Menambah baik kemudahan *Visa on Arrival* (VOA), pas lawatan sosial dan tawaran *Multiple Entry Visa* bagi menggalakkan kemasukan pelancong dan pelabur terutamanya negara China, India dan Timur Tengah
- Melonggarkan syarat program *Malaysia My Second Home* (MM2H) bagi menarik lebih ramai pelancong dan pelabur asing ke dalam negara -
- Melaksanakan inisiatif untuk bakat kreatif dan penggiat seni termasuk: **RM160j**
  - Dana Kandungan Digital bagi meneruskan pemerkasaan industri kreatif digital, mempromosi karya tempatan dan menyokong kandungan berteraskan nilai kenegaraan (RM60j)
  - Menggalakkan penghasilan filem bertaraf dunia melalui rebat tunai di bawah *Film in Malaysia Incentive* (FIMI) (RM90j)

	<b>Nilai</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Skim Dana Padanan MyCreative bagi menyokong anak-anak seni dalam penghasilan projek kreatif (RM10j)</li> </ul>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar cukai pendapatan di antara 0% sehingga 10% bagi syarikat produksi filem, pelakon filem dan kru filem asing yang menjalankan penggambaran filem di Malaysia</li> </ul>	-
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kelonggaran khas bagi perolehan sehingga RM200,000 untuk setiap pesanan kepada usahawan kraftangan yang berdaftar dengan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia</li> </ul>	-
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memperhebat Kembara Rihuh untuk menyokong penggiat seni negara</li> </ul>	<b>RM10j</b>

## **22. Teknologi dan Inovasi**

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peruntukan dana R&amp;D bawah Kementerian Sains, Teknologi &amp; Inovasi (MOSTI)</li> </ul>	<b>RM100j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peruntukan dana R&amp;D bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) termasuk: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Geran padanan kerjasama universiti awam dan sektor swasta bagi merencanakan penyelidikan dan inovasi boleh dikomersialkan (RM50j)</li> </ul> </li> </ul>	<b>RM410j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dana pemerksaan ekosistem R&amp;D&amp;C&amp;I bagi menyokong pengkomersialan produk hasil ciptaan perusahaan perniagaan, NGO serta jabatan dan agensi Kerajaan</li> </ul>	<b>RM76j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meneruskan Program INNOVATHON bagi menyemarak budaya inovasi dalam kalangan Rakyat</li> </ul>	<b>RM7j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pusat Teknologi Inovasi Industri (ITIC) memacu industri tempatan kepada rangkaian teknologi bernilai tinggi melalui geran padanan untuk peningkatan perkhidmatan teknologi, intervensi pengkomersialan produk R&amp;D dan latihan: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ MIMOS – Teknologi elektrik dan elektronik (E&amp;E)</li> <li>○ MYSA – Teknologi angkasa</li> <li>○ MRANTI – Teknologi dron dan robotik</li> </ul> </li> </ul>	<b>RM10j</b>

- |  | <b>Nilai</b> |
|--|--------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Program MyGenom bagi mewujudkan pangkalan data maklumat unik genetik rakyat Malaysia ke arah pendekatan <i>precision medicine</i> bagi mengurangkan perbelanjaan rawatan kesihatan di masa hadapan</li> </ul> | <b>RM10j</b> |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Meneruskan Program Ruang Daya Cipta (RDC) untuk memberi peluang kepada komuniti di Malaysia untuk mendapatkan akses kepada peralatan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI)</li> </ul>                            | <b>RM5j</b>  |

### **23. Perladangan dan Komoditi**

- |  |               |
|--|---------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peruntukan kepada FELDA, FELCRA dan RISDA untuk merencanakan aktiviti agrikomoditi dan meningkatkan sosioekonomi pekebun kecil</li> </ul>   | <b>RM2.4b</b> |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Program Insentif Tanam Semula Sawit dengan kaedah penyaluran peruntukan 50% geran dan 50% pinjaman mudah           <ul style="list-style-type: none"> <li>◦ Syarat kelayakan :               <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pekebun kecil persendirian</li> <li>▪ Memiliki sawit berusia lebih 25 tahun</li> <li>▪ Memiliki lesen Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)</li> </ul> </li> <li>◦ Kaedah: Bayaran balik bermula tahun ke-5</li> </ul> </li> </ul> | <b>RM100j</b> |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan tahap kemampanan industri sawit serta memperhebat Kempen Menangani Antiminyak Sawit di pentas antarabangsa</li> </ul>  | <b>RM70j</b>  |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peruntukan galakan pekebun kecil mengoptimumkan penggunaan tanah ladang melalui penghasilan tanaman makanan dan ternakan:           <ul style="list-style-type: none"> <li>◦ RISDA (RM40j)</li> <li>◦ FELCRA (RM50j)</li> </ul> </li> </ul>   | <b>RM90j</b>  |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menaikkan paras harga pengaktifan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) kepada RM3 per kilogram</li> </ul>   | <b>RM400j</b> |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggunakan kaedah penggunaan gas stimulan – <i>Ethylene Gas</i> (HEVEA 3) untuk meningkatkan pengeluaran getah</li> </ul>  | <b>RM10j</b>  |

## 24. Syarikat GLIC dan GLC

- |  |                |
|--|----------------|
| • Pelaburan Langsung Domestik (DDI) oleh GLIC dan GLC  | <b>RM115b</b>  |
| • Penyediaan dana oleh Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Kerajaan (GLIC) untuk menggalakkan syarikat pemula termasuk usahawan PKS Bumiputera menceburi bidang HGHV seperti ekonomi digital, teknologi angkasa serta elektronik dan elektrik (E&E)   | <b>RM1.5b</b>  |
| • Khazanah menerusi Dana Impak akan melabur dalam usaha menggalakkan pertumbuhan ekonomi inklusif dengan cara menambah baik komuniti luar bandar, separa bandar dan golongan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan  | <b>RM600j</b>  |
| • Komitmen pelaburan hijau oleh GLIC dan GLC untuk mencapai sasaran pelepasan karbon sifar bersih  | <b>RM11.3b</b> |
| • Inisiatif penjanaan solar berskala besar oleh Tenaga Nasional Berhad, termasuk inisiatif membekalkan elektrik kepada bangunan Kerajaan di Putrajaya  | <b>RM3.7b</b>  |
| • Pembangunan Zon Tenaga Boleh Diperbaharui Bersepadu dan pembangunan platform pelaburan hijau oleh UEM Group Berhad   | <b>RM1.4b</b>  |
| • Kerjasama dengan institusi latihan TVET bagi meningkatkan kerelevanan industri dengan 12,000 pelajar TVET baharu yang dilatih dalam sektor teknologi tinggi  | -              |
| • Meningkatkan kesaksamaan gender di semua GLIC dan GLC dengan komitmen untuk mencapai penyertaan wanita sebanyak 30% sebagai Ahli Lembaga Pengarah dan kepimpinan kanan   | -              |
| • Tanggungjawab Sosial Korporat oleh GLIC dan GLC, antaranya seperti: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Program Protégé KWSP meningkatkan kebolehpasaran graduan tempatan</li> <li>○ Usaha-usaha pemuliharaan hutan dan biodiversiti oleh Yayasan Hasanah</li> <li>○ Bantuan kewangan pelajar universiti tempatan oleh Lembaga Tabung Haji</li> </ul> | <b>RM300j</b>  |

## Nilai

- Menyokong usaha *Cancer Research Malaysia* untuk melawan kanser dan meningkatkan kesedaran orang ramai

### ***Ikhtiar 7: Agenda Mampan & Peralihan Tenaga***

#### **25. Ke Arah Pelepasan Karbon Sifar Bersih**

- |   |               |
|---|---------------|
| • Peruntukan Dana Mudah Cara Peralihan Tenaga Negara  | <b>RM2b</b>   |
| • Dana pembiayaan oleh institusi kewangan mendorong industri beralih ke ekonomi rendah karbon   | <b>RM200b</b> |
| • Menambah baik pelaksanaan <i>Corporate Green Power Programme</i> dengan meneroka model dan kaedah pelaksanaan Akses pihak Ketiga (TPA) bersesuaian, selaras dengan usaha pembaharuan tarif  | -             |
| • Memudah cara TNB, Gentari dan Tesla Malaysia memasang stesen pengecasan EV termasuk di lebuh raya utama   | <b>RM170j</b> |
| • Skim Galakan Penggunaan Motosikal Elektrik kepada rakyat berpendapatan tahunan RM120,000 ke bawah dengan nilai rebat tunai sebanyak RM2,400   | <b>RM20j</b>  |
| • Perolehan 150 bas elektrik dan pembinaan 3 depoh bas oleh Prasarana Malaysia Berhad bagi keperluan 5 stesen LRT3  | <b>RM600j</b> |
| • Menggalak pemasangan solar: <ul style="list-style-type: none"><li>○ Melanjutkan tempoh tawaran program <i>Net Energy Metering</i> (NEM) hingga 31 Disember 2024</li><li>○ Kerajaan akan membangun program pembelian balik solar di bumbung bangunan dengan implikasi kos kepada sistem yang minimum</li></ul> | -             |
| • Menghijau aset dan operasi Kerajaan: <ul style="list-style-type: none"><li>○ Mempergiat pemasangan solar di Putrajaya terutamanya di premis-premis Kerajaan</li></ul>   | -             |

	<b>Nilai</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Memperkenalkan penggunaan kenderaan elektrik bagi kenderaan-kenderaan rasmi Kerajaan berdasarkan ketersediaan segmen yang sesuai</li> </ul>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jawatankuasa Semakan Semula Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 (PITA 4WRD) akan memuktamadkan kajian berkenaan insentif cukai <i>Carbon Capture Utilisation &amp; Storage</i> serta medan gas hidrogen sulfida menjelang akhir tahun ini</li> </ul>	-
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dana Pembangunan Projek Karbon Hutan</li> </ul>	<b>RM5j</b>

## **26. Perlindungan Khazanah Alam**

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menambah peruntukan <i>Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation</i> (EFT) bagi meningkatkan peratusan kawasan perlindungan dan pengukuhan habitat hidupan liar</li> </ul>	<b>RM200j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menambah renjer komuniti melalui Program Perlindungan Biodiversiti dan Rondaan (BP3) dan <i>Smart Patrol</i> kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) dalam <i>Central Forest Spine</i> (CFS): <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Veteran ATM dan PDRM (RM20j)</li> <li>○ Orang asli (RM15j)</li> <li>○ Komuniti setempat, renjer komuniti Sabah &amp; Sarawak (RM25j)</li> </ul> </li> </ul>	<b>RM60j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantuan <i>one-off</i> kerugian harta benda &amp; tanaman pertanian akibat konflik hidupan liar</li> </ul>	<b>RM10j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penerbitan sukuk biodiversiti yang melibatkan penanaman semula hutan terosot yang akan menjanakan kredit karbon dan akan diusahakan bersama Kerajaan Negeri yang berminat</li> </ul>	<b>RM1b</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program Denai Sungai Kebangsaan (DSK) dengan pendekatan <i>Nature-Based Solutions</i> (NBS) dalam pengurusan dan penggunaan alam yang lestari</li> </ul>	<b>RM10j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program memperbaiki, membersihkan dan merawat sungai <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Projek Pemuliharaan Sungai Tuaran Sepanjang Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Fuad Stephens, Kiulu, Tuaran, Sabah</li> </ul> </li> </ul>	<b>RM185j</b>

- o Projek Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir (RMKe-12) di WP Kuala Lumpur

## 27. Kesiagaan Mendepani Bencana

- Sebanyak 33 Projek Tebatan Banjir Berkeutamaan Tinggi (PTBBT) akan dilaksanakan pada tahun hadapan, antaranya termasuk: **RM11.8b**
  - o Lembangan Sungai Pahang, Pahang
  - o Sungai Langat Fasa 2, Selangor
  - o Sungai Jelai, Kuala Pilah, Negeri Sembilan
  - o Sungai Likas, Kota Kinabalu, Sabah
  - o Kuching Fasa 2, Sarawak
  - o Baling Fasa 2, Kedah
  - o Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu, Sungai Kelantan Fasa 2, Kelantan
- Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Wilayah Persekutuan **RM47j**
- Kesiapsiagaan banjir PBT: **RM70j**
  - o Menaik taraf dan membaik pulih perparitan dan longkang rosak (RM20j)
  - o Pembaikan kolam takungan banjir (RM50j)
- Penyelenggaraan, pembaikan dan pencegahan cerun di seluruh Malaysia **RM563j**
- Inisiatif Siapsiaga Bencana oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) untuk menghadapi bencana **RM300j**
  - o Penyaluran awal (2023) (RM100j)
  - o Tabung Bantuan Bencana Negara (2024) (RM200j) termasuk meningkatkan tahap penyelesaian di Pusat Pemindahan Kekal dan Sementara
  - o Kerajaan bersedia untuk menambah peruntukan pada setiap masa sekiranya diperlukan

- |   |              |
|---|--------------|
|   | <b>Nilai</b> |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menambah baik inisiatif anjing pengesan K9:           <ul style="list-style-type: none"> <li>◦ Menambah baik kemudahan dan rawatan perubatan anjing K9 Bomba</li> <li>◦ Menambah anjing pengesan K9 untuk Bomba, Polis dan Jabatan Kastam</li> </ul> </li> </ul> | <b>RM5j</b>  |

## **28. Keterjaminan Makanan**

- |   |  |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peruntukan keseluruhan bagi pelbagai subsidi dan insentif pesawah dan nelayan</li> </ul>   | <b>RM2.6b</b>                                  |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Inisiatif untuk pesawah:           <ul style="list-style-type: none"> <li>◦ Menaikkan kadar Skim Subsidi Harga Padi kepada RM500 per tan metrik</li> <li>◦ Menaikkan harga lantai pembelian beras kepada RM1,300 per tan metrik</li> <li>◦ Memulakan usaha rintis penanaman padi lima musim dalam tempoh 2 tahun di beberapa kawasan jelapang termasuk di Perak, Kedah dan Perlis</li> <li>◦ Meningkatkan peruntukan subsidi padi bukit atau padi huma</li> </ul> </li> </ul>                      | <p>-</p> <p>-</p> <p>-</p> <p><b>RM50j</b></p> |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Inisiatif untuk nelayan:           <ul style="list-style-type: none"> <li>◦ Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan (LKIM) kekal subsidi diesel pada RM1.65 seliter kepada nelayan kelas tertentu dengan kuota 840j liter setahun</li> <li>◦ Elaun Sara Hidup secara bulanan sehingga RM300 sebulan dan Insentif Hasil Tangkapan Nelayan sehingga RM1,000 sebulan</li> <li>◦ Bantuan Rumah Nelayan untuk membaik pulih dan membina baharu rumah nelayan berpendapatan rendah</li> </ul> </li> </ul> | <p>-</p> <p>-</p> <p><b>RM10j</b></p>          |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan menumpukan kepada peningkatan pengeluaran tanaman makanan tempatan, antaranya:</li> </ul>  | <b>RM400j</b>                                  |



## Nilai

- Kerjasama Kerajaan Negeri mengoptimimum penggunaan tanah bagi meningkatkan hasil tanaman dan ternakan (RM150j)
- Melaksana kaedah baharu perolehan baja secara tender terbuka untuk memberi pesawah pilihan baja yang ingin digunakan (RM50j)
- Program khas perolehan baharu baja bio dan organik melalui tender terbuka (RM50j)
- Kemudahan pinjaman bawah Agrobank kepada pengusaha agromakanan bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran produk pertanian dan daya saing agropreneur muda **RM430j**
- Tabung Bencana Pertanian (TBP) sebagai perlindungan sosial dan pampasan kepada pengusaha sektor pertanian pasca bencana (sehingga 50% daripada nilai kerugian bencana) **RM50j**
- Menyedia dana permulaan Skim Takaful Tanaman Padi untuk untuk manfaat lebih 240,000 pesawah **RM50j**

## TUMPUAN 3: PENINGKATAN DARJAT HIDUP RAKYAT

Nilai

### ***Ikhtiar 8: Melindungi Kebajikan Rakyat***

- Membiayai pelbagai bentuk pemberian Kerajaan kepada rakyat merangkumi subsidi, insentif dan bantuan **RM58.1b**
- Program *Community Drumming* iaitu pengedaran barang keperluan asas seperti petrol, LPG, tepung, beras dan minyak masak ke kawasan desa serta pedalaman. Program ini turut diperluaskan ke kawasan baharu antaranya di zon Abai, Sandakan, Sabah dan Engkerebai, Mukah, Sarawak **RM225j**

### **29. Program Payung RAHMAH**

- Meneruskan pelaksanaan inisiatif Payung RAHMAH bagi membantu golongan B40 bersedia mendepani isu kos sara hidup **RM200j**
- Memperluas Program Jualan Rahmah penawaran barangan keperluan asas pada harga sehingga 30% lebih rendah ke lebih banyak kawasan DUN di seluruh negara **-**
- Program Penyeragaman Harga Barang di Sabah, Sarawak dan Labuan **RM40j**
- Program Sumbangan Tunai Rahmah (STR) **RM10b**

#### **Sumbangan Tunai Rahmah (STR) 2024**

Kategori STR	Bil. Penerima	Bilangan Anak			
		0	1-2	3-4	≥5
Isi Rumah (Asas) ≤RM2,500	3.1j	RM1,000	RM1,500	RM2,000	RM2,500
Isi Rumah (Asas) RM2,501 – RM5,000	1.0j	RM500	RM750	RM1,000	RM1,250
Warga Emas Bujang	1.3j	RM600			
Bujang ≤RM2,500	3.3j	RM350			

- Mulai tahun 2024, semua penerima STR akan turut menerima Sumbangan Asas Rahmah (SARA)

- Dua kategori baharu diperkenalkan iaitu isi rumah miskin dan miskin tegar di bawah data e-Kasih dan JKM, dan sebagai contoh, kategori ini layak menerima RM100 sebulan selama 12 bulan di bawah Program SARA mulai Januari 2024 serta juga layak mendapat STR hingga RM2,500 (bergantung kepada bilangan anak)
- Permohonan baharu STR 2024 akan bermula November 2023 dan dibuka sepanjang tahun, bayaran pertama sehingga RM500 akan dibuat pada Februari 2024

#### **Sumbangan Asas Rahmah (SARA)**

<b>Kategori SARA</b>	<b>Bil. Penerima</b>	<b>Kadar</b>
STR Miskin Tegar*	0.2j	RM1,200
STR Miskin*	0.5j	RM1,200
STR Isi Rumah	3.7j	RM300
STR Bujang	4.3j	RM150

*\*Kategori Baharu berdasarkan data e-Kasih dan JKM*

### 30. Pendapatan Bermakna

- |  |                      |
|--|----------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memperluas pelaksanaan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR)</li> </ul>   | <p><b>RM500j</b></p> |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tawaran mengikuti program peningkatan kemahiran dan padanan pekerjaan secara kontrak dalam sektor awam dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) bermula Januari 2024 di bawah platform MyFutureJobs untuk semua lantikan MySTEP</li> </ul>   |                      |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggalakkan golongan rentan seperti OKU, bekas banduan dan warga emas mendapatkan pekerjaan dan gaji bermakna melalui:               <ul style="list-style-type: none"> <li>◦ Insentif khas di bawah PERKESO sebanyak RM1,500 sebulan selama 6 bulan untuk menggalakkan majikan swasta menggaji golongan rentan</li> <li>◦ Perluasan Dasar 1% Peluang Pekerjaan kepada OKU kepada golongan bekas banduan dan warga emas melalui padanan pekerjaan MYFutureJobs dan program MySTEP. Golongan rentan yang mengikuti MySTEP akan ditawarkan penempatan secara kontrak dengan elaun RM1,500 sebulan selama 6 bulan di pelbagai kementerian, GLIC dan GLC serta rakan strategik Kerajaan</li> </ul> </li> </ul> | <p><b>RM30j</b></p>  |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Meneruskan Program Latihan Bina Kerjaya PERKESO bagi memastikan pekerja sektor tidak formal termasuk pekerja gig turut mempunyai akses kepada program pembangunan kerjaya dan latihan kemahiran <i>microcredential</i>, peruntukan merangkumi yuran latihan dan insentif gantian pendapatan</li> </ul>  | <p><b>RM35j</b></p>  |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Meluaskan pelaksanaan <i>Program Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs Ready to Work</i> (Protege - RTW) kepada golongan veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM)</li> </ul>   | <p>-</p>             |

### 31. Penyaluran Bantuan Tunai

- Peruntukan untuk Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) **RM2.4b**
  - Perluasan syarat kelayakan bantuan kebajikan selaras dengan kenaikan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Makanan 2023 kepada RM1,198 sebulan
- Memanfaatkan hasil penjualan nombor plat khas untuk meringan beban golongan berkemampuan: **RM30j**
  - Pelanjutan Program MyLesen iaitu bayaran ujian memandu bagi lesen motosikal kelas B2, *e-hailing* dan teksi bagi belia daripada keluarga kurang mampu
  - Pemberian 100,000 helmet kepada keluarga kurang mampu termasuk agihan percuma untuk kanak-kanak
  - Pelanjutan ikhtiar FLYsiswa untuk mengurangkan beban kewangan pelajar daripada keluarga kurang mampu

### 32. Perlindungan Sosial

- Kadar tanggungan Kerajaan di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri (SKSPS) akan ditingkatkan kepada 90%. Syarikat pengendali diseru untuk menanggung baki caruman 10% bagi pihak pekerja gig **RM100j**
- Had caruman padanan 15% Kerajaan di bawah program i-Saraan KWSP ditingkatkan kepada RM500 setahun terhad kepada RM5,000 seumur hidup **RM79j**
- Had caruman padanan 50% Kerajaan di bawah program i-Suri KWSP ditingkatkan kepada RM300 setahun terhad kepada RM3,000 seumur hidup **RM20j**
- Melanjutkan pembiayaan caruman Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) PERKESO bagi memanfaatkan suri rumah wanita yang berdaftar dengan e-Kasih **RM50j**
- Program i-Sayang KWSP diperluaskan untuk turut membolehkan isteri memindahkan 2% caruman KWSP syer pekerja kepada suami secara sukarela **-**

**Nilai**

- Akaun Fleksibel KWSP akan diperkenalkan sebagai akaun baharu yang boleh diakses ahli pada bila-bila masa -
- Meningkatkan siling gaji bulanan bagi caruman PERKESO daripada RM5,000 kepada RM6,000 -

***Ikhtiar 9: Menyokong Pemerksaan Golongan Tumpuan*****33. Agenda Bumiputera**

- Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) akan digabungkan di bawah Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan diperkukuh melalui suntikan tanah strategik Kerajaan khususnya di Kuala Lumpur bagi projek pembangunan perumahan -
- Ekuinas akan diletakkan di bawah payung Yayasan Pelaburan (YPB) bagi memperkukuh pengembangan perniagaan Bumiputera dengan kerjasama PNB dan PUNB -
- Kemudahan pinjaman dan jaminan disediakan khusus untuk usahawan PMKS Bumiputera meningkatkan kapasiti dan daya saing termasuklah penyediaan pembiayaan modal teroka kepada syarikat pemula Bumiputera **RM1.6b**
- Mengadakan Kongres Ekonomi Bumiputera bagi menetapkan hala tuju dan pendekatan baharu Agenda Bumiputera agar lebih adil, saksama dan inklusif -
- Memperkenalkan inisiatif baharu, Skim CAKNA 2 untuk membantu kontraktor kecil G1 – G4 Bumiputera menyiapkan projek berskala kecil Kerajaan bernilai sehingga RM1.5j -
- Perluasan pelaksanaan Skim CAKNA 1 dengan struktur bukan hutang (*non-debt*) untuk semua agensi Kerajaan bagi membantu vendor Kerajaan -

### 34. Golongan Wanita & Kanak-Kanak

- Memperluas program Baitul Mahabbah Jabatan Imigresen Malaysia iaitu pusat penempatan sementara kanak-kanak di Sabah, Sarawak dan Semenanjung serta menaik taraf Tadika Kompleks Kediaman Kakitangan Awam (KKKA) di KLIA **RM10j**
  
- Peruntukan untuk Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) **RM586j**
  - Menaik taraf premis Pusat Pendidikan Awal Kanak-kanak (PPAK) KEMAS secara berfasa bagi menyediakan prasarana yang selesa, selamat dan lengkap (RM20j)
  - Membina 10 buah fasiliti KEMAS baharu termasuk PPAK, Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) dan Taman Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA) baharu (RM31j):
    1. PPAK KEMAS Segamat, Johor
    2. PPAK KEMAS Tampin, Negeri Sembilan
    3. TABIKA KEMAS Berkembar Jalan Ciku, Taman Kota Masai, Johor
    4. TABIKA (KOMTA) KEMAS Kg Sri Batu, Kuala Lumpur
    5. TABIKA KEMAS Berkembar Taman Krubong Jaya, Melaka
    6. TABIKA KEMAS Kampung Jijan 2, Seremban, Negeri Sembilan
    7. TABIKA KEMAS Felda Jelai 1, Tampin, Negeri Sembilan
    8. TABIKA (KOMTA) KEMAS Kem PGA Polis Bukit Galing, Kuantan, Pahang
    9. TABIKA KEMAS Rumah Agan Sg Mador, Bintangor, Sarawak
    10. TASKA KEMAS Kampung Paya Berenjut, Kemaman, Terengganu
  
- Membina 26 buah prasekolah baharu di Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) termasuklah di: **RM82j**
  1. SK Permas Jaya 1, Pasir Gudang, Johor
  2. SK Sungai Tiang, Pendang, Kedah
  3. SK Port Dickson, Port Dickson Negeri Sembilan
  4. SK Bunut Rendang, Kuantan, Pahang
  5. SK Kampong Padang, Kuantan, Pahang

## Nilai

6. SK Penjom, Lipis, Pahang
  7. SK Sungai Isap, Kuantan, Pahang
  8. SK Balik Pulau, Barat Daya, Pulau Pinang
  9. SK Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang
  10. SK Kampung Jambu, Taiping, Perak
  11. SK Kuak Hulu, Hulu Perak, Perak
  12. SK Seri Iskandar, Bandar Seri Iskandar, Perak
  13. SK Seri Samudera, Manjung, Perak
  14. SK Sultan Abdullah, Changkat Jering, Perak
  15. SK Kampong Biah, Keningau, Sabah
  16. SK Lahad Datu III, Lahad Datu, Sabah
  17. SK Abang Kadir Gedong, Simunjan, Sarawak
  18. SK Bandar Samariang, Kuching, Sarawak
  19. SK Pendidikan Khas Kota Samarahan, Sarawak
  20. SK Jalan 3, Bandar Baru Bangi, Selangor
  21. SK Kebor Besar, Manir, Terengganu
  22. SK Merang, Setiu, Terengganu
  23. SK Pechah Rotan, Kuala Nerus, Terengganu
  24. SK Gong Badak, Kuala Terengganu, Terengganu
  25. SK Permaisuri, Setiu, Terengganu
  26. SJKC Chabau, Melaka
- Melaksana Program Pra-Tahfiz KEMAS di TABIKA KEMAS untuk memperkasa pendidikan Islam dan Al-Quran **RM20j**
  - Memerangi masalah beban berganda malpemakanan kanak-kanak Malaysia ke arah melahirkan generasi yang sihat **RM19j**
  - Memantapkan Skwad Waja 3.0 dan melaksanakan Program Advokasi Anti Gangguan Seksual (AGS) bagi membendung isu keganasan rumah tangga dan gangguan seksual melibatkan wanita dan kanak-kanak **RM5j**
  - Kerjasama antara Kerajaan, Yayasan Sime Darby dan NGO bagi melindungi remaja hamil merangkumi penyediaan keperluan seperti katil, makanan tambahan, pakaian dan makanan **RM5j**



### Pembiayaan untuk Golongan Wanita

Program/Skim	Saiz Dana (RM juta)	Kumpulan Sasar	Terma Pembiayaan
<b>BSN</b> Skim Mikro Nita	250	Wanita yang menjalankan perniagaan mikro/kecil	Kadar pembiayaan: 4% Saiz: Sehingga RM50,000 Tempoh: Sehingga 5 tahun
<b>AIM</b> Skim Pembiayaan Ikhtiar	100	Wanita golongan miskin untuk memulakan perniagaan secara kecil-kecilan bagi menjana pendapatan keluarga	Kadar pembiayaan: 8-10% Saiz: Sehingga RM30,000 Tempoh: Sehingga 3 tahun
<b>Bank Rakyat</b> BR Plus - i BizLady	100	Wanita dalam PMKS serta koperasi untuk kesinambungan perniagaan dan mengurangkan isu aliran tunai	Kadar Pembiayaan: <b>SME:</b> BFR+1.5% (termasuk fi jaminan) <b>Koperasi:</b> BFR+0% <b>Mikro:</b> 7.5% Saiz: Sehingga RM1 juta Tempoh: Sehingga 7 tahun
<b>MARA</b> Skim Pembiayaan Perniagaan Khas Wanita	10	Usahawan wanita Bumiputera	Kadar pembiayaan: 3.5% Saiz: Sehingga RM150,000 Tempoh: Sehingga 10 tahun

Nilai

#### 35. Golongan Belia

- Ganjaran RM500 kepada golongan belia berumur 18 hingga 20 tahun yang berjaya melakukan aktiviti kesukarelawanan dengan badan diiktiraf Kerajaan **RM20j**
- Memperbanyak pengisian program-program belia di bawah Program Rakan Muda dalam usaha membentuk jati diri dan keperibadian anak muda Malaysia **RM20j**
- Mewujudkan Pusat Penempatan dan Penerokaan Kerjaya Kebangsaan di bawah PERKESO sebagai lokasi sehenti untuk graduan muda dan pencari kerja mendapatkan sokongan kerjaya dan pekerjaan **RM7j**

- |  | <b>Nilai</b> |
|--|--------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Melaksana Program Eksplorasi Kerjaya bagi memberi pendedahan kepada golongan pelajar dan juga guru kaunseling kerjaya di sekolah</li> </ul>   | <b>RM1j</b>  |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Melanjutkan Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) untuk melahirkan lebih ramai usahawan belia Bumiputera dan mewujudkan peluang pekerjaan</li> </ul>                                       | <b>RM20j</b> |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Meneruskan Skim TEKUN Belia <i>Mobilepreneur</i> bagi membiayai modal anak muda terlibat dalam perkhidmatan penghantaran menggunakan motosikal</li> </ul>   | <b>RM10j</b> |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Melaksana <i>Malaysia Games Initiative</i> bagi menggalakkan syarikat atau studio permainan video antarabangsa melabur di Malaysia untuk membangun produk digital bersama bakat tempatan</li> </ul> | <b>RM30j</b> |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Program <i>Accelerator Programme for Construction (ACE)</i> untuk kontraktor belia Bumiputera G1 hingga G4 diperkenalkan semula dengan beberapa penambahbaikan</li> </ul>                           | <b>RM5j</b>  |

### **36. Komuniti Tumpuan**

- |   |               |
|---|---------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Melaksana projek pembangunan sosioekonomi dan prasarana serta pemberian bantuan sosial untuk komuniti orang asli, antaranya: <ul style="list-style-type: none"> <li>◦ Peruntukan mempergiat program pembangunan usahawan Orang Asli serta penanaman semula ladang Orang Asli, antaranya di Batang Padang, Perak serta Hulu Langat, Selangor (RM28j)</li> <li>◦ Program <i>Community Feeding</i> khusus kepada kanak-kanak orang Asli bagi mengatasi masalah kurang zat (RM2j)</li> </ul> </li> </ul> | <b>RM333j</b> |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peruntukan bagi pelbagai bentuk bantuan Orang Kurang Upaya (OKU) seperti penjagaan OKU kronik terlantar dan OKU tidak upaya bekerja serta elaun pekerja OKU</li> </ul>   | <b>RM1.2b</b> |

	<b>Nilai</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menaikkan kadar elaun pelatih OKU yang mengikuti Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) daripada RM150 kepada RM300 sebulan</li> </ul>	<b>RM30j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemudahan pembiayaan oleh BSN kepada usahawan OKU mikro</li> </ul>	<b>RM50j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membangun modul kursus asuhan dan jagaan OKU ke arah perkembangan potensi OKU secara menyeluruh</li> </ul>	<b>RM2j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peruntukan keseluruhan bagi melindungi kesejahteraan warga emas mencakupi pembiayaan bantuan tunai dan penyaluran dana bagi institusi penjagaan dan pusat aktiviti warga emas</li> </ul>	<b>RM1b</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Elaun Bangunan Industri diberikan kepada Rumah Jagaan Kejururawatan Swasta Warga Emas yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan kadar 10% daripada kos bangunan yang dibina atau dibeli, termasuk kos pengubahsuaian bagi setiap tahun taksiran. Elaun ini diberi bagi perbelanjaan yang layak dilakukan mulai 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2026</li> </ul>	-
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program PEKA (Peluang Kedua Anda) TVET untuk menyediakan latihan kompetensi yang diakreditasi oleh CIDB kepada para pesalah yang mengakhiri tempoh hukuman</li> </ul>	<b>RM10j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan akan membentangkan pindaan bagi Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 bagi membolehkan penagih dadah menerima rawatan dan pemulihan tanpa dimasukkan ke institusi penjara</li> </ul>	-
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan bersedia mempertimbangkan akses yang terkawal kepada keperluan asas termasuk pekerjaan, perkhidmatan serta pendidikan bagi pelarian dan pencari suaka</li> </ul>	-
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program <i>Upskilling</i> bersama Jabatan Penjara Malaysia bagi membantu banduan dalam meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mengusahakan aktiviti dan projek pertanian</li> </ul>	<b>RM5j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peruntukan untuk Anjung Sinar, pusat transit untuk belia berusia 18 tahun dan ke atas yang dibenarkan keluar daripada JKM dan</li> </ul>	<b>RM1.5j</b>

tidak mempunyai ahli keluarga atau berasal daripada keluarga susah bagi memastikan kesejahteraan mereka dengan menyediakan peluang pendidikan, kemahiran dan pekerjaan

- Program Kaum India - Program memperkasa sosioekonomi komuniti (MITRA) **RM100j**

***Ikhtiar 10: Menyediakan Kemudahan Asas Terbaik***

**37. Pendidikan & Pendidikan Tinggi**

- 
- Peruntukan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) **RM58.7b**
  - Peruntukan menaik taraf dan menyelenggara sekolah-sekolah KPM di seluruh negara: **RM1.9b**
    - Kerja-kerja naik taraf bangunan dan prasarana daif di 450 buah sekolah, merangkumi 185 projek di Sarawak dan 155 projek di Sabah (RM930j)
    - Penyelenggaraan di semua jenis sekolah (Kebangsaan, Agama, Tamil dan Cina, termasuk Pendidikan Khas dengan memberi tumpuan kepada keperluan pelajar autisme) (RM1b)
  - Membina 26 sekolah baharu termasuklah Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan kolej: **RM2.55b**
    1. SK Taman Scientex Jaya, Kulai, Johor
    2. SK Kulai Utama, Kulai, Johor
    3. SK Bandar Dato Onn, Johor Bahru, Johor
    4. SK Bukit Rahman Putra (2), Gombak, Selangor
    5. SK Taman Sri Manja, Petaling Jaya, Petaling Utama, Selangor
    6. SK Bukit Sentosa (2), Hulu Selangor, Selangor
    7. SMK Bukit Gedong, Kuala Nerang, Kedah
    8. SMK Binjai, Kota Bharu, Kelantan
    9. SMK Taman Bukit Indah (2), Johor Bahru, Johor
    10. SMK Taman Kota Masai (3), Johor Bahru, Johor
    11. SMK Taman Mutiara Rini (3), Johor Bahru, Johor
    12. SMK Air Putih, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang
    13. SMK Seri Melati, Kuantan, Pahang
    14. SMK Bandar Universiti, Bandar Seri Iskandar, Perak

## Nilai

15. SMK Datuk Nakhoda Intan, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang
  16. SMK Laya-Laya, Tuaran, Sabah
  17. SMK Baie, Bintulu, Sarawak
  18. SMK Puchong Intan, Puchong, Petaling Perdana, Selangor
  19. SMK Bandar Putra Permai, Seri Kembangan, Selangor
  20. SMK Agama Jempol, Negeri Sembilan
  21. Sekolah Taman Pulai Indah, Johor Bahru, Johor
  22. Sekolah Bandar Seri Impian, Kluang, Johor
  23. Sekolah Seri Damai, Kuala Lumpur
  24. Sekolah Bayu Sutera, Sendayan, Seremban
  25. Kolej Tingkatan Enam Sri Permatang, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang
  26. Kolej Tingkatan Enam, Miri, Sarawak
- Memperluas kriteria pendapatan ibu bapa bagi permohonan Basiswa Kecil Persekutuan (BKP) mengikut kadar pendapatan garis kemiskinan (PGK) RM2,589 -
  - Meneruskan Bantuan Awal Persekolahan RM150 kepada semua murid sekolah **RM788j**
  - Memperluas pemberian bantuan di bawah Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) kepada murid sehingga Tingkatan 3 di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan **RM150j**
  - Dana keseluruhan basiswa dan pinjaman pelajaran rentas kementerian **RM3.9b**
  - Penambahbaikan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) menerusi bekalan susu harian kepada pelajar sekolah, meluaskan skop penerima dan menaikkan kadar bekalan susu harian **RM784j**
  - Menubuh Jawatankuasa Khas Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) rentas kementerian untuk menetapkan sasaran serta langkah bagi meningkatkan penyertaan bidang STEM dalam kalangan pelajar sekolah menengah -

	<b>Nilai</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Memperkasa dan membudaya Pendidikan STEM dengan: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Menyelenggara dan menaik taraf makmal komputer dan sains sekolah</li> <li>○ Memperoleh peralatan baharu untuk pembelajaran STEM</li> <li>○ Melaksanakan kerjasama dengan wakil industri</li> </ul> </li> </ul>	<b>RM100j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Membina 18 blok baharu program pendidikan khas termasuk di: <ol style="list-style-type: none"> <li>1. SK Nusantara, Johor</li> <li>2. SK Kubang Kerian 3, Kelantan</li> <li>3. SK Taman Paroi Jaya, Negeri Sembilan</li> <li>4. SK Bandar Baru Perda, Pulau Pinang</li> <li>5. SK Rampangi, Sarawak</li> <li>6. SK Khir Johari, Selangor</li> <li>7. SK Asyakirin, Sarawak</li> <li>8. SK Permaisuri Nur Zahirah, Terengganu</li> <li>9. SMK Sultan Abdul Jalil, Johor</li> <li>10. SMK Kubang Rotan, Kedah</li> <li>11. SMK Muadzam Shah, Kedah</li> <li>12. SMK Tunku Seri Indera Putera, Kedah</li> <li>13. SMK Sri Kiambang, Kelantan</li> <li>14. SMK Pendeta Za'Ba, Negeri Sembilan</li> <li>15. SMK Dato' Ali Ahmad, Perlis</li> <li>16. SMK Tamparuli, Sabah</li> <li>17. SMK Lanang, Sarawak</li> <li>18. SMK Seksyen 4 Kota Damansara, Selangor</li> </ol> </li> </ul>	<b>RM180j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Memperkasa ekuiti pendidikan bagi murid berkeperluan khas dengan menambahbaik fasiliti dan infrastruktur mesra OKU serta membekal peralatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi murid berkeperluan khas</li> </ul>	<b>RM30j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Penerapan <i>Karamah Insaniah</i> dalam kalangan murid sekolah akan diperluas untuk melaksanakan program pembentukan karakter murid yang bertumpu kepada nilai kepimpinan, sahsiah diri, adab dan integriti</li> </ul>	-
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Melaksanakan pendekatan holistik melibatkan semua pihak dalam membantu murid terkesan yang masih tercicir dan memerlukan bimbingan lanjut pasca pandemik COVID-19</li> </ul>	<b>RM100j</b>

	<b>Nilai</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantuan kepada sekolah terpinggir di pedalaman untuk melaksanakan pembaikan segera, gotong-royong serta melengkapkan keperluan asas fasiliti untuk keselesaan murid dan guru</li> </ul>	<b>RM10j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peruntukan untuk Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)</li> </ul>	<b>RM16.3b</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggantikan dan meluaskan capaian Wi-Fi di semua universiti awam, termasuk untuk projek pendigitalan hospital pengajar universiti</li> </ul>	<b>RM250j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyelenggara dan membaiki prasarana di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) serta menggantikan peralatan lama yang usang termasuk perolehan peralatan bagi pengajaran dan pembelajaran di Malaysia Technical University Network (MTUN)</li> </ul>	<b>RM300j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggalakkan komuniti rentan seperti OKU, Orang Asli, ibu tunggal dan warga emas mengikuti Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) TVET MADANI di kolej komuniti</li> </ul>	<b>RM5j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memperhebat pelaksanaan Program Upaya Komuniti MADANI Kementerian Pendidikan Tinggi (UpayaKPT) dan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK)</li> </ul>	<b>RM20j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penubuhan pusat pengajian kecerdasan buatan pertama negara iaitu Fakulti Kecerdasan Buatan (AI) di Universiti Teknologi Malaysia</li> </ul>	<b>RM20j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Diskaun bayaran balik pinjaman PTPTN bermula 14 Oktober 2023 hingga 31 Mac 2024 dengan kadar berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Diskaun 10% atas baki hutang untuk penyelesaian penuh pinjaman</li> <li>○ Diskaun 10% untuk bayaran sekurang-kurangnya 50% daripada baki hutang dalam sekali bayaran</li> <li>○ Diskaun 15% untuk bayaran secara potongan gaji atau debit terus berjadual</li> </ul> </li> </ul>	<b>-</b>

	<b>Nilai</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bermula Januari 2024, yuran bagi tujuan pendaftaran masuk ke universiti awam dihadkan untuk tidak melebihi RM1,500 selari dengan nilai pemberian Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) oleh PTPTN kepada semua bakal pelajar baharu yang layak</li> </ul>	-
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelajar sedia ada yang tidak mampu membayar yuran pengajian tidak akan disekat bagi mendaftar subjek pada setiap semester dan bayaran boleh dilunaskan selepas pendaftaran subjek. Sebarang peraturan pembayaran oleh universiti hendaklah mengambil kira kebajikan pelajar</li> </ul>	-
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahagian Hal Ehwal Pelajar universiti bersama-sama PTPTN atau badan lain hendaklah berperanan memudah cara dan membantu mahasiswa dan bakal pelajar yang mempunyai masalah pembayaran yuran</li> </ul>	-
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Projek <i>Malaysia Research and Education Network</i> (MYREN) di universiti awam, politeknik dan kolej komuniti diteruskan bagi menaik taraf kapasiti lebar jalur</li> </ul>	<b>RM80j</b>

### **38. Perkhidmatan Kesihatan**

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peruntukan untuk Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan RM5.5b dikhususkan kepada perolehan bekalan ubat, bahan guna habis, reagen dan vaksin</li> </ul>	<b>RM41.2b</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Projek pembangunan baharu kesihatan:               <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Kompleks Hospital Pengajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Fasa 1 di Kota Tinggi, Johor (RM938j)</li> <li>○ Kerja awalan bagi Pembinaan Hospital Sultanah Aminah 2, Johor Bahru, Johor</li> <li>○ Blok Patologi Tambahan di Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kelantan (RM175j)</li> <li>○ Bangunan tambahan Jabatan Kecemasan dan Trauma di Hospital Sultan Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor (RM26j)</li> </ul> </li> </ul>	-



## Nilai

- Membina 5 buah klinik kesihatan baharu antaranya di Rantau, Negeri Sembilan; Kuala Tahan, Jerantut, Pahang; Hutan Melintang, Perak; Kuala Jengal, Dungun, Terengganu dan Pulau Mantanani, Kota Belud, Sabah (RM150j)
- Menyokong hasrat Sarawak untuk membangunkan sebuah Institut Kanser di Sarawak
- Mempertingkatkan kerjasama dengan menyumber luar pesakit ke hospital lain termasuklah hospital tentera, universiti dan swasta **RM200j**
- Membaik pulih 400 buah klinik uzur di bawah KKM bagi memastikan fasiliti kesihatan yang selesa dan selamat untuk digunakan **RM300j**
- Perolehan peralatan perubatan di hospital KKM bagi menggantikan peralatan yang mencecah *Beyond Economic Repair (BER)* di samping memenuhi keperluan pelbagai disiplin perkhidmatan baharu **RM566j**
- Perolehan ambulans bagi memastikan kesiagaan perkhidmatan kesihatan dalam memberi respons kepada panggilan kecemasan **RM200j**
- Menyenggara sistem teknologi maklumat di bawah KKM termasuk menyediakan Projek Perkhidmatan Langgan *Cloud-based Clinic Management System (CCMS)* di 100 klinik kesihatan **RM150j**
- Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) bagi menyokong budaya hidup sihat, iaitu:
  - Mempergiatkan program saringan kesihatan, termasuk Skim PeKa B40 **RM80j**
  - Program Saringan Kanser Serviks bagi meningkatkan liputan saringan sedia ada melalui ujian saringan *Human Papillomavirus (HPV)* **RM10j**
  - Mengadakan saringan awal masalah pendengaran dan penyakit jantung kongenital untuk bayi baru lahir **RM10j**
  - Mencegah batuk kokol melalui pemberian vaksin secara percuma kepada ibu hamil **RM10j**

	<b>Nilai</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) 2.0</li> </ul>	<b>RM23j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Meneruskan subsidi bagi program ujian mamogram</li> </ul>	<b>RM6j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Meneruskan Skim MySalam bagi tempoh 2 tahun termasuk menyediakan dana khas untuk tuntutan kos peranti perubatan</li> </ul>	<b>RM50j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Memperluas Skim Perubatan MADANI ke seluruh negara</li> </ul>	<b>RM100j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Menggiat aktiviti kawalan denggi dan vektor termasuk <i>Wolbachia</i> bagi mengatasi kejadian kes dan wabak denggi yang sedang kritikal</li> </ul>	<b>RM40j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental untuk memperkukuh khidmat sokongan dan psikososial dalam usaha melindungi penyakit mental</li> </ul>	<b>RM25j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pelanjutan Program Saringan Kesihatan PERKESO sebagai langkah intervensi kesihatan di peringkat awal kepada golongan bekerja</li> </ul>	<b>RM10j</b>

### **39. Pembangunan Desa**

<ul style="list-style-type: none"> <li>● Dana Komuniti MADANI (DKM) untuk pembangunan sosioekonomi tempatan dengan penyaluran dana melalui pentadbir tempatan</li> </ul>	<b>-</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kerajaan akan menyediakan peruntukan di bawah Dana Komuniti MADANI (DKM) bagi menyediakan geran antara RM50,000 hingga RM100,000 kepada komuniti untuk menjayakan Program Komuniti MADANI</li> </ul>	<b>RM1b</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Inisiatif merapatkan jurang desa dan bandar: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Membina dan menaik taraf jalan di kampung dan desa sepanjang 550 kilometer. Antara projek baharu tahun 2024 termasuklah: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Naik taraf jalan Kampung Permatang Pasir – Kampung Telaga Ara – Kampung Be'oh – Kampung Gong Kulim, Bachok, Kelantan</li> <li>▪ Membina jalan dari Long Boh ke Behor Mempelam, Tambun Tulang, Perlis</li> </ul> </li> </ul> </li> </ul>	<b>RM1.63b</b>

	<b>Nilai</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Membina jambatan baharu dan jalan tuju dari Kuala Lukut ke Chuah, Port Dickson, Negeri Sembilan</li> </ul>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Menyediakan bekalan air kepada 5,150 buah rumah dan bekalan elektrik kepada 2,200 buah rumah</li> </ul>	<b>RM939j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Memasang 60 ribu unit Lampu Jalan Kampung dan menyelenggara lebih 500 ribu unit Lampu Jalan Kampung</li> </ul>	<b>RM134j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Melaksanakan 115 projek termasuk 54 projek baharu naik taraf jambatan uzur dan bina jambatan baharu</li> </ul>	<b>RM57j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Menaik taraf, membina dan membaik pulih kemudahan asas seperti dewan, balai raya, dataran kejut serta laluan berbumbung di kawasan desa dan pedalaman</li> </ul>	<b>RM100j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Meneruskan Program Rentas Parti Parlimen (APPGM) bagi melaksanakan aktiviti berkaitan Matlamat Pembangunan Lestari (<i>Sustainable Development Goals</i>) di peringkat komuniti dengan kerjasama strategik seperti NGO dan swasta</li> </ul>	<b>RM20j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Meneruskan dan memperluaskan Program Kebun Komuniti (Kebuniti) MADANI ke beberapa lokasi yang telah dikenal pasti untuk menyokong agenda keterjaminan makanan</li> </ul>	<b>RM10j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Peruntukan dan pinjaman bagi menyelesaikan isu bekalan air negeri Kelantan, Sabah dan WP Labuan <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Kelantan: Projek pembinaan Loji Rawatan Air Machang Fasa 1 berkapasiti 250j liter sehari, penggantian paip simen asbestos, penambahan sewaan lori tangki dan tangki statik</li> <li>○ Sabah: Memulih dan menggantikan infrastruktur serta peralatan bagi meningkatkan kapasiti loji rawatan air</li> <li>○ WP Labuan: Penggantian paip serta memulih infrastruktur air sedia ada</li> </ul> </li> </ul>	<b>RM1.1b</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Program Kampung Angkat MADANI <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Program ini memberi tumpuan kepada melengkapkan kemudahan asas termasuk internet di kawasan desa yang terpinggir</li> </ul> </li> </ul>	-

## Nilai

- Bagi memastikan ketangkasan jentera Kerajaan agar tidak bertindak secara silo, semua Ketua Setiausaha dan Ketua Perkhidmatan akan mengembleng tenaga rentas kementerian serta bekerjasama dengan GLC, GLIC dan badan swasta untuk menjayakan program ini

### 40. Ketersambungan Digital

- Pelaksanaan MyDigital MADANI bagi meneruskan ketersambungan digital merentasi 3,700 sekolah dan 47 kawasan perindustrian menjelang 2025 **RM800j**
- Pembangunan Rangka Kerja Pengujian Keselamatan Siber 5G serta Kepakaran Tempatan Terhadap Teknologi 5G oleh CyberSecurity bagi meningkatkan kesiapsiagaan terhadap ancaman serangan siber **RM60j**

### 41. Jaringan Jalan & Pengangkutan Awam

- Menyegerakan proses tender bagi 19 pakej kerja untuk projek Lebuhraya *Pan Borneo* Sabah Fasa 1B dengan anggaran jarak melebihi 366km untuk diselesaikan bulan November 2023 **RM15.7b**
- Menyegerakan Projek *Sarawak – Sabah Link Road (SSLR)* Fasa 2 dengan jajaran lebih 320km **RM7.4b**
- Melebar dan menaik taraf Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) daripada empat lorong kepada enam lorong dari Sedenak ke Simpang Renggam **RM931j**
- Dana Sokongan Bas Henti-Henti bagi menampung kos operasi harian pengendali meneruskan perkhidmatan laluan kurang penumpang di kawasan desa **RM96j**
- Memperluas program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (SBST) kepada lokasi tambahan di Kota Bharu, Kuantan dan Kota Setar **RM150j**
- Pelanjutan subsidi pengangkutan udara untuk manfaat penduduk desa dan pedalaman Sabah dan Sarawak **RM209j**

- Meneruskan pas bulanan My50
- Anggaran kos keseluruhan bagi meneruskan semula cadangan pembinaan lima stesen LRT3 yang dibatalkan sebelum ini iaitu stesen Tropicana, Raja Muda, Temasya, Bukit Raja dan Bandar Botanik (RM4.7b)
- Anggaran kos LRT Pulau Pinang ke Seberang Perai bagi memastikan ketersambungan jaringan pengangkutan di Pulau Pinang (RM10b)
- Menaik taraf, membina dan menyelenggara Jalan Ladang Pekebun Kecil (JLPK) persendirian di seluruh Malaysia bagi memudahkan urusan penghantaran input pertanian dan pengeluaran hasil komoditi

**Nilai**  
**RM200j**

**RM20j**

#### 42. Rumah Kediaman

- Peruntukan untuk Projek Perumahan Rakyat:
  - Dana jaminan khas bagi menggalakkan pemaju yang berwibawa memulihkan projek terbengkalai (RM1b)
  - Meneruskan Program Perumahan Rakyat (PPR) termasuk satu projek baharu di Kluang, Johor (RM546j)
  - Meneruskan 14 Program Rumah Mesra Rakyat bagi membina 3,500 unit rumah (RM358j)
  - Pembinaan baharu dan membaik pulih rumah kediaman bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat bagi kumpulan miskin tegar (RM460j)
  - Menyelenggara perumahan berstrata kos rendah dan sederhana awam dan swasta (RM100j)
- Penambahan nilai Jaminan Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) untuk manfaat 40,000 peminjam:

**RM2.47b**

**RM10b**

<b>Terma Jaminan</b>	
<b>Had Jaminan</b>	Sehingga RM500,000
<b>Fi Jaminan Berperingkat</b>	0.25% setahun sehingga RM300,000 dan 0.5% setahun untuk melebihi RM300,000 sehingga RM500,000

## Nilai

- Ambang persetujuan penduduk untuk jualan *en-bloc* akan dikurangkan daripada 100% kepada tahap yang konsisten berdasarkan amalan antarabangsa bagi menggalakkan pembaharuan semula bandar dan pembangunan semula bangunan usang di bandar -
- Pembangunan Bandar Malaysia akan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi memastikan tanah-tanah strategik dimanfaatkan sebaiknya untuk projek rakyat -
- Peruntukan kepada Kampung Baru Cina bagi menyediakan kemudahan infrastruktur asas dan kemudahan sosial penduduk kampung **RM100j**

### ***Ikhtiar 11: Memperkukuh Perpaduan & Keselamatan***

#### **43. Keselamatan Dalam Negeri & Pertahanan**

- Peruntukan untuk Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) **RM19.7b**
- Peruntukan untuk Kementerian Dalam Negeri (KDN) **RM19b**
- Perolehan aset baharu pasukan keselamatan dan pertahanan negara:
  - Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM): 12 helikopter baharu
  - Tentera Darat Malaysia (TDM): 60 kereta perisai infantri, 50 *High Mobility Light Tactical Vehicle* (HMLTV), 6 *Hovercraft Integrated Fast Interceptor* serta 733 kenderaan sokongan pelbagai jenis
  - Tentera Laut Diraja Malaysia: kerja pemuliharaan 2 aset kapal selam dan 3 buah *Littoral Mission Ship* (LMS)
  - Polis Diraja Malaysia: 7 buah pesawat kapal terbang *twin engine* dan 5 buah helikopter ringan
- Menambah aset perairan termasuk perolehan 45 unit bot pelbagai jenis Tentera Darat Malaysia serta 9 buah kapal ronda -

	<b>Nilai</b>
generasi baharu dan bot pemintas Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)	
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pembinaan posimbangan, pos keselamatan dan ICQS: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ 7 posimbangan termasuk di Melikin dan Pa' Daleh, Sarawak</li> <li>○ 1 pos keselamatan di Sungai Desa Aji Kuning, Pulau Sebatik, Sabah</li> <li>○ Kerja awalan pembinaan 2 ICQS di Nabawan dan Kalabakan, Sabah</li> </ul> </li> </ul>	-
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Menyelenggara, membaiki serta melaksana perolehan harta modal di pintu-pintu masuk antarabangsa bagi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dan pengunjung luar negara</li> </ul>	<b>RM20j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Mewujudkan sebuah agensi tunggal sempadan negara atau <i>single border agency</i> (SBA)</li> </ul>	-
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Meningkatkan kawalan sempadan dengan dengan lebih 35 pos kawalan sempadan PGA, Imigresen, ESSCOM, APMM antaranya: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Pembinaan Pos Keselamatan Sg Aji Kuning, Tawau, Sabah</li> <li>○ Menaik Taraf Pos Kawalan dan Pembinaan Baharu Blok Bangunan Pejabat di Kompleks ICQS Wang Kelian</li> </ul> </li> </ul>	<b>RM96j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Membina kuarters baharu di Penjara Miri, Sarawak dan Lahad Datu, Sabah</li> </ul>	<b>RM135j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Membaik pulih dan menaik taraf semua Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT)</li> </ul>	<b>RM400j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Menaik taraf sistem pembedungan Kem Tentera Darat di seluruh negara secara berfasa terutamanya yang melibatkan infrastruktur asas</li> </ul>	<b>RM20j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pembekalan bekalan air dan tenaga elektrik di kawasan operasi sempadan Kedah – Thailand (Op Pagar II) dan di sempadan Perak – Thailand (Op Pagar III)</li> </ul>	<b>RM10j</b>

- |   | <b>Nilai</b> |
|---|--------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>● Mengekalkan kesiapsiagaan tahap tertinggi bagi melindungi kedaulatan, integriti wilayah dan kepentingan maritim Negara:               <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Perolehan harta modal bagi TLDM</li> <li>○ Pengerukan jeti operasi Lumut</li> </ul> </li> </ul> | <b>RM20j</b> |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>● Kuota khusus untuk veteran dalam program kerajaan seperti program keusahawanan, latihan, pekerjaan dan kemudahan pembiayaan</li> </ul>   | -            |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>● Meneruskan komitmen Malaysia bagi menyokong dan membantu dalam pembangunan Nusantara, ibu kota baharu Indonesia di Kalimantan dan kawasan sempadan</li> </ul>  | -            |

#### **44. Syiar Islam**

- |  |               |
|--|---------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>● Peruntukan untuk pengurusan dan pembangunan hal ehwal Islam</li> </ul>  | <b>RM1.9b</b> |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>● Dua institusi pendidikan Islam dibina:               <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Kompleks Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz, Bukit Jalil, Kuala Lumpur</li> <li>○ Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Jempol, Negeri Sembilan</li> </ul> </li> </ul> | <b>RM220j</b> |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>● Menyelenggara dan menaik taraf prasarana dan infrastruktur serta pengoperasian institusi pendidikan Islam bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) termasuk sekolah agama rakyat, institusi pondok berdaftar dan sekolah tahfiz</li> </ul>                       | <b>RM150j</b> |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>● Penganjuran majlis ilmu oleh tokoh dan ilmuan Islam di seluruh negara khususnya di Kompleks Seri Perdana diteruskan dan diperbanyak bagi meningkatkan kefahaman dan penghayatan ilmu agama kepada umat Islam</li> </ul>   | -             |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>● Memberi bantuan khas <i>one-off</i> sebanyak RM700 kepada Guru KAFA, Guru Takmir, Imam, Bilal, Siak, Noja, Marbut</li> </ul>  | <b>RM50j</b>  |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>● Mengembalikan semula geran bantuan sebanyak RM20,000 kepada semua Sekolah Agama Rakyat yang berdaftar di bawah JAKIM</li> </ul>   | -             |



#### 45. Sukan & Budaya Wahana Perpaduan

- |   |              |
|---|--------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>● Memperbanyak program sukan dan riadah untuk rakyat:           <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Program Kemahiran Latihan Asas Sukan Renang untuk kanak-kanak, OKU dan warga emas daripada keluarga kurang kemampuan</li> <li>○ Penganjuran aktiviti sukan dan riadah untuk warga emas dan OKU</li> <li>○ Program Perkhemahan Keluarga (PK) di enam Kem Wawasan Negara seperti di Ulu Sepri, Rembau, Negeri Sembilan dan Ulu Kenas, Kuala Kangsar, Perak</li> </ul> </li> </ul> | <b>RM5j</b>  |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>● Pemeraksanaan Sukan Berprestasi Tinggi, termasuk RM20j di bawah inisiatif <i>Road to Gold</i> sebagai persediaan temasya Olimpik Paris 2024</li> </ul>   | <b>RM72j</b> |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>● Memperkukuh ekosistem atlet acara podium</li> </ul>  | <b>RM65j</b> |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>● Program latihan dan persediaan bagi atlet para ke temasya sukan para antarabangsa oleh Majlis Sukan Negara (MSN)</li> </ul>  | <b>RM12j</b> |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>● Menyelenggara dan menaik taraf kemudahan belia dan sukan seluruh negara khususnya bagi prasarana yang daif</li> </ul>  | <b>RM50j</b> |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>● Geran padanan sukan bagi menggalakkan penganjuran acara sukan peringkat kebangsaan atau antarabangsa berprestasi tinggi oleh badan sukan atau sektor swasta</li> </ul>   | <b>RM50j</b> |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>● Peruntukan kepada agensi berpotensi untuk menyetengahkan karya seni dan sastera negara, mempergiat persembahan teater warisan serta memupuk minat membaca karya agung di kalangan belia</li> </ul>   | <b>RM50j</b> |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>● Peruntukan bagi kerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk aktiviti kebudayaan seperti:           <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Mempergiat aktiviti kebudayaan Sabah dan Sarawak</li> <li>○ Memelihara bahasa kaum minoriti seperti etnik Siam</li> <li>○ Mewujudkan Pusat Etnik dan Budaya Perak</li> </ul> </li> </ul>  | <b>RM10j</b> |

	<b>Nilai</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Membaik pulih Pusat Tenunan Songket di Kompleks Tuanku Nur Zahirah, Kuala Terengganu dan Desa Ukiran Kayu, Besut, Terengganu</li> </ul>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kelonggaran khas bagi perolehan sehingga RM200,000 untuk setiap pesanan kepada usahawan kraftangan yang berdaftar dengan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia</li> </ul>	-
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Memperkasa Model Kawasan Rukun Tetangga (KRT) bagi mengukuhkan peranan KRT sebagai penggerak utama dan penghubung jalin (<i>bridge builder</i>) bagi merealisasikan aspirasi masyarakat progresif</li> </ul>	<b>RM20j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Geran Pertubuhan MADANI untuk manfaat penduduk setempat bagi melaksanakan program kesukarelaan, perpaduan serta aktiviti pencegahan jenayah dan bencana</li> </ul>	<b>RM20j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Memperluas inisiatif penyelenggaraan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) bagi kerja-kerja membaik pulih dan menyelenggara rumah ibadat</li> </ul>	<b>RM50j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pemberian dana kepada Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB)</li> </ul>	<b>RM1j</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kembara Perpaduan Malaysia MADANI sebagai program <i>flagship</i> agenda perpaduan nasional dengan program berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Sambutan Minggu Perpaduan</li> <li>○ Eksplorasi Rukun Negara</li> <li>○ Ini Warisan Kita</li> <li>○ Citra Nusa Muzium</li> <li>○ Harmoni Madani</li> <li>○ Promosi Perpaduan</li> </ul> </li> </ul>	<b>RM40j</b>

***Ikhtiar 12: Kesejahteraan Penjawat Awam***

**46. Menaik Taraf Kemudahan Penjawat Awam**

- |  |               |
|--|---------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memperluas Kemudahan Bantuan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi untuk meliputi pakaian batik Malaysia untuk semua penjawat awam yang layak</li> </ul>   | -             |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bersetuju supaya had siling gaji bagi Skim <i>Ex-Gratia</i> Bencana Kerja ditingkatkan daripada RM4,000 kepada RM6,000 selaras dengan pindaan Skim PERKESO bagi sektor swasta</li> </ul>  | <b>RM1.6j</b> |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan sedang menyemak semula skim gaji dan elaun tetap penjawat awam yang kali terakhir dilaksanakan pada tahun 2012. Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) sedang giat dibuat untuk meneliti keperluan semua skim perkhidmatan dan dijangka akan dimuktamadkan pada penghujung tahun hadapan</li> </ul>   | -             |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam yang akan dibuat pada akhir Februari 2024 (melibatkan semua termasuk polis, bomba, tentera, angkatan bersenjata dan seluruh anggota beruniform) seperti berikut:             <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Bayaran Insentif RM2,000 kepada semua penjawat awam gred 56 dan ke bawah termasuk lantikan kontrak;</li> <li>○ Bayaran Insentif RM1,000 kepada semua JUSA; dan</li> <li>○ Bayaran Insentif RM1,000 turut dipanjang kepada semua pesara Kerajaan termasuk veteran berpencen serta veteran tidak berpencen.</li> </ul> </li> </ul> | -             |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Meluncurkan tabung kemanusiaan bagi membantu warga Palestin</li> </ul>  | <b>RM10j</b>  |



“

**Sebuah islah perlu dilaksanakan  
sungguhpun sukar. Ini termasuklah  
meluaskan asas hasil, melaksanakan  
penyasaran semula subsidi dan  
membasmi segala bentuk rasuah dan  
penyelewengan yang sistemik. Kita juga  
memerlukan sebuah perkhidmatan  
awam yang efisien, cerdas dan  
tangkas dalam menjayakan agenda  
pembangunan semula negara.**

”

**YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim**  
PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN





# Lampiran II

## Langkah Cukai

### Belanjawan 2024





# Senarai Lampiran

- 213 LAMPIRAN 1**  
Peluasan Skop Pelepasan Cukai Pendapatan Ke Atas Perbelanjaan Rawatan Perubatan Diri, Pasangan Dan Anak
- 214 LAMPIRAN 2**  
Peluasan Skop Pelepasan Cukai Pendapatan Bagi Perbelanjaan Rawatan Perubatan, Keperluan Khas Dan Penjaga Untuk Ibu Bapa
- 215 LAMPIRAN 3**  
Kajian Semula Pelepasan Cukai Pendapatan Bagi Gaya Hidup
- 217 LAMPIRAN 4**  
Lanjutan Pelepasan Cukai Pendapatan Individu Bagi Yuran Kursus *Up-Skilling* Dan *Self-Enhancement*
- 218 LAMPIRAN 5**  
Lanjutan Pelepasan Cukai Pendapatan Individu Bagi Kemudahan Pengecasan Kenderaan Elektrik
- 219 LAMPIRAN 6**  
Kajian Semula Syarat Bagi Institusi/Organisasi/Tabung Yang Diluluskan Di Bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967
- 221 LAMPIRAN 7**  
Kajian Semula Pengecualian Cukai Pendapatan Bagi Elaun Penjagaan Anak Di Bawah Perkuisit Daripada Penggajian
- 222 LAMPIRAN 8**  
Lanjutan Pengecualian Cukai Pendapatan Bagi Perusahaan Sosial
- 223 LAMPIRAN 9**  
Cukai Keuntungan Modal Ke Atas Pelupusan Saham Tidak Tersenarai
- 224 LAMPIRAN 10**  
Potongan Cukai Ke Atas Perbelanjaan Berkaitan Pemeliharaan Alam Sekitar, Sosial Dan Tadbir Urus
- 226 LAMPIRAN 11**  
Kajian Semula Elaun Modal Ke Atas Peralatan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Dan Perisian Komputer

- 227 LAMPIRAN 12**  
Lanjutan Pengecualian Cukai Ke Atas Pendapatan Fi Pengurusan  
Bagi Dana Pelaburan Mampan Dan Bertanggungjawab
- 228 LAMPIRAN 13**  
Lanjutan Potongan Cukai Ke Atas Penerbitan  
Sukuk Pelaburan Mampan Dan Bertanggungjawab
- 229 LAMPIRAN 14**  
Peluasan Skop Pengecualian Cukai Pendapatan Ke Atas Geran Sukuk  
Pelaburan Mampan Dan Bertanggungjawab Dan Skim Geran Bon
- 230 LAMPIRAN 15**  
Kajian Semula Pengecualian Cukai Pendapatan  
Ke Atas Perkhidmatan Pengurusan Dana Patuh Syariah
- 231 LAMPIRAN 16**  
Kajian Semula Duti Setem Bagi Pindah Milik  
Harta Tanah Secara Lepas Hak
- 232 LAMPIRAN 17**  
Kajian Semula Duti Setem Bagi Pemilikan  
Harta Tanah Oleh Bukan Warganegara
- 233 LAMPIRAN 18**  
Pengecualian Cukai Pendapatan Bagi Aktiviti Kewangan Islam Di  
Bawah Labuan IBFC
- 234 LAMPIRAN 19**  
Galakan Pelaburan Semula Di Bawah  
Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030
- 235 LAMPIRAN 20**  
Galakan Cukai Bagi Hab Perkhidmatan Global
- 238 LAMPIRAN 21**  
Kajian Semula Galakan Cukai Automasi Sektor Perkilangan,  
Perkhidmatan Dan Pertanian
- 239 LAMPIRAN 22**  
Kajian Semula Galakan Cukai Bagi Program Wanita Kembali Bekerja
- 240 LAMPIRAN 23**  
Kajian Semula Galakan Cukai Bagi Program Kepulangan Pakar

- 241 LAMPIRAN 24**  
Kajian Semula Galakan Cukai *Equity Crowdfunding*
- 242 LAMPIRAN 25**  
Lanjutan Galakan Cukai Bagi Pelabur Mangkin
- 243 LAMPIRAN 26**  
Kajian Semula Galakan Cukai Teknologi Hijau
- 247 LAMPIRAN 27**  
Lanjutan Galakan Cukai Bagi Sewaan Kenderaan Elektrik
- 248 LAMPIRAN 28**  
Potongan Cukai Ke Atas Sumbangan Bagi  
Projek Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Alam Sekitar
- 249 LAMPIRAN 29**  
Potongan Cukai Tambahan Bagi Pasaran Karbon Sukarela
- 250 LAMPIRAN 30**  
Pengecualian Duti Import Dan Cukai Jualan  
Ke Atas *Manufacturing Aids*
- 251 LAMPIRAN 31**  
Pengecualian Duti Hiburan Di Wilayah Persekutuan
- 252 LAMPIRAN 32**  
Kajian Semula Kadar Duti Eksais Ke Atas Minuman Bergula
- 253 LAMPIRAN 33**  
Penaan Duti Eksais Ke Atas Produk Tembakau Kunyah
- 254 LAMPIRAN 34**  
Peluasan Skop Perkhidmatan Bercukai Dan  
Perubahan Kadar Cukai Perkhidmatan



## Peluasan Skop Pelepasan Cukai Pendapatan Ke Atas Perbelanjaan Rawatan Perubatan Diri, Pasangan Dan Anak

### Kedudukan Semasa

Mulai tahun taksiran 2023, had pelepasan cukai pendapatan ke atas perbelanjaan rawatan perubatan dinaikkan daripada RM8,000 kepada RM10,000. Skop perbelanjaan rawatan perubatan meliputi:

- i. Penyakit serius ke atas diri sendiri, suami/isteri atau anak;
- ii. Rawatan kesuburan ke atas diri sendiri atau suami/isteri;
- iii. Pempvaksinan ke atas diri sendiri, suami/isteri atau anak terhad sehingga RM1,000;
- iv. Pemeriksaan perubatan penuh, pemeriksaan kesihatan mental dan ujian pengesanan COVID-19 termasuk pembelian kit ujian sendiri ke atas diri sendiri, suami/isteri atau anak terhad sehingga RM1,000; dan
- v. Kos pemeriksaan dan rawatan pemulihan bagi anak kurang upaya pembelajaran seperti *Autism*, *Down Syndrome* dan *Specific Learning Disabilities* terhad sehingga RM4,000.

### Cadangan

Bagi menyokong Dasar Kesihatan Pergigian Kebangsaan dalam menggalakkan penjagaan gigi di kalangan rakyat, dicadangkan skop pelepasan cukai ini diperluas meliputi perbelanjaan pemeriksaan dan rawatan pergigian daripada pengamal pergigian yang berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia terhad sehingga RM1,000.

### Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2024.

## **Peluasan Skop Pelepasan Cukai Pendapatan Bagi Perbelanjaan Rawatan Perubatan, Keperluan Khas Dan Penjaga Untuk Ibu Bapa**

### **Kedudukan Semasa**

Pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM8,000 diberi ke atas perbelanjaan rawatan perubatan, keperluan khas dan penjagaan ibu bapa seperti berikut:

- i. Rawatan di klinik dan hospital;
- ii. Rawatan di rumah penjagaan;
- iii. Rawatan pergigian tidak termasuk rawatan pergigian kosmetik; dan
- iv. Rawatan dan penjagaan di rumah, pusat jagaan harian dan pusat jagaan kediaman.

### **Cadangan**

Bagi meningkatkan tahap keprihatinan pembayar cukai terhadap kesihatan ibu bapa dan meneruskan amalan gaya hidup sihat selaras dengan teras Malaysia MADANI yang mengutamakan kesejahteraan rakyat dan penerapan nilai ihsan, dicadangkan skop pelepasan cukai ini diperluas kepada pemeriksaan perubatan penuh ibu bapa terhad sehingga RM1,000.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai tahun taksiran 2024.

## Kajian Semula Pelepasan Cukai Pendapatan Bagi Gaya Hidup

### Kedudukan Semasa

Pelepasan cukai pendapatan bagi gaya hidup sehingga RM2,500 disediakan kepada pembayar cukai individu ke atas pembelian bahan bacaan termasuk e-buku, surat khabar harian bercetak/elektronik, komputer peribadi, telefon pintar atau tablet, langganan internet, peralatan sukan dan yuran keahlian gimnasium.

Pelepasan tambahan bagi gaya hidup sehingga RM500 turut dikhususkan kepada:

- i. Pembelian peralatan sukan;
- ii. Bayaran fi kemasukan/sewaan fasiliti sukan; dan
- iii. Bayaran fi pendaftaran bagi menyertai pertandingan sukan.

### Cadangan

Bagi memperkemas dan menambah baik pelepasan cukai bagi gaya hidup dan aktiviti sukan, dicadangkan had dan skop pelepasan cukai bagi gaya hidup distruktur semula seperti berikut:

- i. Had pelepasan gaya hidup sehingga RM2,500 adalah bagi pembelian bahan bacaan termasuk e-buku, surat khabar harian bercetak/elektronik, pembelian komputer peribadi, telefon pintar atau tablet dan langganan internet.

Skop pelepasan turut diperluas meliputi yuran kursus peningkatan kemahiran diri. Manakala, pembelian peralatan sukan dan yuran keahlian gimnasium dikeluarkan daripada skop pelepasan gaya hidup.



- ii. Pelepasan cukai khusus diperkenalkan iaitu “Peralatan dan Aktiviti Sukan” terhad sehingga RM1,000.

Skop pelepasan adalah meliputi perbelanjaan pembelian peralatan sukan, bayaran sewa atau fi kemasukan ke fasiliti sukan, bayaran fi pendaftaran bagi menyertai pertandingan sukan dan yuran keahlian gimnasium. Pelepasan ini turut diperluas meliputi yuran latihan sukan yang dikenakan oleh persatuan/kelab sukan/syarikat yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan menjalankan aktiviti sukan yang disenarai di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai tahun taksiran 2024.

## Lanjutan Pelepasan Cukai Pendapatan Individu Bagi Yuran Kursus *Up-Skilling* Dan *Self-Enhancement*

### **Kedudukan Semasa**

Pelepasan cukai pendapatan individu terhad sehingga RM2,000 daripada jumlah pelepasan yuran pengajian sebanyak RM7,000 diberi ke atas perbelanjaan yuran bagi menghadiri kursus *up-skilling* atau *self-enhancement* yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia. Pelepasan cukai ini diberi bagi tahun taksiran 2022 dan tahun taksiran 2023.

### **Cadangan**

Bagi terus menggalakkan warganegara Malaysia meningkatkan dan memperbaharui kemahiran diri serta menceburi bidang pendapatan baharu, dicadangkan pelepasan cukai pendapatan ini dilanjutkan untuk tempoh 3 tahun.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai tahun taksiran 2024 hingga tahun taksiran 2026.

## **Lanjutan Pelepasan Cukai Pendapatan Individu Bagi Kemudahan Pengecasan Kenderaan Elektrik**

### **Kedudukan Semasa**

Pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM2,500 ke atas perbelanjaan pemasangan, sewaan, pembelian termasuk sewa-beli peralatan atau yuran langganan kemudahan pengecasan kenderaan elektrik (EV) telah diberi bagi tahun taksiran 2022 dan tahun taksiran 2023.

### **Cadangan**

Bagi terus menyokong pembangunan industri EV tempatan dan selari dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030, dicadangkan pelepasan cukai pendapatan individu ke atas perbelanjaan pemasangan, sewaan, pembelian termasuk sewa-beli peralatan atau yuran langganan kemudahan pengecasan EV ini dilanjutkan untuk tempoh 4 tahun.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai tahun taksiran 2024 hingga tahun taksiran 2027.

**Kajian Semula Syarat Bagi Institusi/Organisasi/Tabung  
Yang Diluluskan Di Bawah Subseksyen 44(6)  
Akta Cukai Pendapatan 1967**

**Kedudukan Semasa**

Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) memperuntukkan pengecualian cukai pendapatan sebagai insentif kepada institusi/organisasi/tabung yang melaksanakan aktiviti kebajikan/amal dan beroperasi dengan tidak berasaskan keuntungan semata-mata. Institusi/organisasi/tabung hendaklah menepati syarat kelulusan yang diperuntukkan melalui undang-undang dan peraturan yang ditetapkan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) seperti dinyatakan dalam Garis Panduan Bagi Kelulusan Di Bawah Subseksyen 44(6) ACP 1967.

Institusi/organisasi/tabung yang telah diluluskan akan mendapat manfaat iaitu pengecualian cukai pendapatan atas semua pendapatan yang diterima di bawah Perenggan 13(1) Jadual 6 ACP 1967 dan penderma layak mendapat potongan cukai dalam pengiraan cukai pendapatan terhadap kepada 10% daripada pendapatan agregat.

Antara syarat yang perlu dipatuhi oleh institusi/organisasi/tabung setelah mendapat kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 adalah seperti berikut:

- i. Sekurang-kurangnya 50% daripada pendapatan yang diperolehi dalam tahun terdahulu hendaklah dibelanjakan pada tahun berikutnya untuk aktiviti bagi mencapai objektif institusi/organisasi/tabung; dan
- ii. Institusi/organisasi/tabung dibenarkan melibatkan diri dalam perniagaan dengan syarat menggunakan tidak melebihi 25% daripada dana yang terkumpul pada hari pertama dalam sesuatu tahun taksiran itu. Semua pendapatan yang diperolehi hendaklah disalurkan semula ke dalam dana berkenaan untuk digunakan bagi mencapai objektif kebajikannya.

Sekiranya institusi/organisasi/tabung melanggar mana-mana syarat kelulusan yang dinyatakan dalam garis panduan atau ACP 1967, KPHDN boleh menarik balik kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967.

## Cadangan

Bagi meningkatkan tahap pematuhan cukai di kalangan institusi/organisasi/tabung yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967, dicadangkan syarat kelulusan dikaji semula seperti berikut:

- i. Had penggunaan dana terkumpul tidak melebihi 25% bagi tujuan penglibatan dalam perniagaan dinaikkan kepada tidak melebihi 35% bagi memastikan pendapatan institusi/organisasi/tabung yang diluluskan terus mampan;
- ii. Institusi/organisasi/tabung boleh memilih mana-mana opsyen berikut bagi terus memanfaatkan insentif di bawah subseksyen 44(6):

Opsyen	Penggunaan Dana Terkumpul	Had Perbelanjaan Aktiviti Kebajikan
1	Sehingga 25%	Sekurang-kurangnya 50%
2	Melebihi 25% sehingga 35%	Sekurang-kurangnya 60%

- iii. Check Syarat kelulusan telah ditetapkan di dalam garis panduan dan surat kelulusan KPHDN kepada institusi/organisasi/tabung. Sekiranya berlaku sebarang pelanggaran syarat, KPHDN tidak akan menarik balik kelulusan subseksyen 44(6) bagi institusi/organisasi/tabung dalam tempoh berkuat kuasanya kelulusan. Status kelulusan tersebut masih dikekalkan supaya penderma terus layak mendapat potongan cukai ke atas sumbangan derma yang dibuat kepada institusi/organisasi/tabung dalam tempoh kelulusan berkuat kuasa; dan
- iv. Bagi sebarang pelanggaran syarat dalam tempoh kelulusan berkuat kuasa, institusi/organisasi/tabung tidak layak menikmati pengecualian cukai dan KPHDN akan membangkitkan taksiran cukai ke atas semua pendapatan yang diterima oleh institusi/organisasi/tabung dalam tahun taksiran di mana pelanggaran syarat berlaku.

## Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2024.

## **Kajian Semula Pengecualian Cukai Pendapatan Bagi Elaun Penjagaan Anak Di Bawah Perkuisit Daripada Penggajian**

### **Kedudukan Semasa**

Mulai tahun taksiran 2008, pengecualian cukai pendapatan telah diberi ke atas perkuisit yang diterima oleh pekerja termasuk elaun penjagaan anak yang berumur 12 tahun ke bawah. Pengecualian cukai pendapatan ke atas elaun penjagaan anak yang diterima oleh pekerja atau dibayar terus oleh majikan kepada pusat jagaan kanak-kanak diberi sehingga RM2,400 setahun.

Mulai tahun taksiran 2013, majikan yang menyediakan pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja diberi galakan cukai seperti berikut:

- i. Potongan cukai dua kali ke atas perbelanjaan pengendalian dan penyelenggaraan pusat jagaan kanak-kanak;
- ii. Potongan cukai dua kali ke atas elaun atau subsidi kepada pekerja bagi perbelanjaan jagaan kanak-kanak; dan
- iii. Elaun Bangunan Industri dengan kadar tahunan 10% setahun ke atas bangunan pusat jagaan kanak-kanak.

### **Cadangan**

Bagi menerapkan nilai ihsan di kalangan majikan selaras dengan teras Malaysia MADANI, dicadangkan had pengecualian cukai pendapatan ke atas elaun penjagaan anak yang diterima oleh pekerja atau dibayar terus oleh majikan kepada pusat jagaan kanak-kanak dinaikkan daripada RM2,400 kepada RM3,000 setahun.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai tahun taksiran 2024.

## Lanjutan Pengecualian Cukai Pendapatan Bagi Perusahaan Sosial

### **Kedudukan Semasa**

Dalam Bajet 2022, pengecualian cukai pendapatan diberikan ke atas semua pendapatan Perusahaan Sosial sehingga 3 tahun taksiran tertakluk kepada tempoh sah laku akreditasi yang diluluskan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Pengecualian ini diberikan bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2023.

### **Cadangan**

Bagi membantu Perusahaan Sosial meningkatkan dana untuk menghasilkan impak sosial atau alam sekitar yang positif selari dengan teras Malaysia MADANI iaitu mampan, kesejahteraan dan ihsan, dicadangkan tempoh permohonan pengecualian cukai ke atas semua pendapatan Perusahaan Sosial dilanjutkan untuk selama 2 tahun.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2025.

## Cukai Keuntungan Modal Ke Atas Pelupusan Saham Tidak Tersenarai

### Kedudukan Semasa

Cukai ke atas keuntungan daripada pelupusan harta tanah dan saham dalam syarikat hartanah dikenakan melalui Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dengan kadar 10% hingga 30% mengikut tempoh pegangan. Tiada cukai dikenakan ke atas keuntungan yang diperolehi daripada pelupusan saham kecuali saham dalam syarikat hartanah.

### Cadangan

Selaras dengan pengumuman yang dibuat dalam Belanjawan 2023 untuk melaksanakan Cukai Keuntungan Modal (CKM) ke atas pelupusan saham tidak tersenarai bagi syarikat, dicadangkan kadar CKM dikenakan seperti berikut:

Tarikh Saham Diperoleh	Kadar CKM
Sebelum 1 Mac 2024	Pembayar cukai boleh memilih: i. 10% atas keuntungan bersih pelupusan saham; atau ii. 2% atas nilai jualan kasar.
Mulai 1 Mac 2024	10% atas keuntungan bersih pelupusan saham

Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan CKM dan membantu mengurangkan kos menjalankan perniagaan, dicadangkan pengecualian CKM diberi ke atas pelupusan saham berkaitan aktiviti berikut:

- i. Tawaran Awam Permulaan (IPO) yang diluluskan oleh Bursa Malaysia; dan
- ii. Penstrukturan semula saham syarikat dalam kumpulan yang sama.

### Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Mac 2024.



## **Potongan Cukai Ke Atas Perbelanjaan Berkaitan Pemeliharaan Alam Sekitar, Sosial Dan Tadbir Urus**

### **Kedudukan Semasa**

Pemeliharaan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) adalah kriteria yang digunakan untuk menilai amalan kelestarian dan etika sebuah syarikat, merangkumi impak alam sekitar, tanggungjawab sosial dan keberkesanan tadbir urus. Pelaksanaan ESG akan menyokong inisiatif dan usaha Kerajaan dalam mencapai matlamat pembangunan mampan. Walau bagaimanapun, pematuhan kepada piawaian ESG akan meningkatkan kos perniagaan kerana ia adalah perbelanjaan yang tidak dibenarkan potongan cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

### **Cadangan**

Bagi menggalakkan penglibatan lebih banyak syarikat dalam mematuhi piawaian ESG ke arah pembangunan mampan dan inklusif selaras dengan Ekonomi MADANI serta menambah baik tadbir urus sistem pentadbiran cukai, dicadangkan potongan cukai terhad sehingga RM50,000 bagi setiap tahun taksiran diberikan ke atas perbelanjaan berkaitan ESG seperti berikut:

Perbelanjaan Berkaitan ESG	Penerangan
Enhance Sustainability Reporting Framework	Pelaporan ESG oleh syarikat yang disenaraikan di pasaran Bursa Malaysia
Climate Risk Management and Scenario Analysis	Pelaporan ESG oleh institusi kewangan di bawah seliaan Bank Negara Malaysia
Tax Corporate Governance Framework (TCGF) di bawah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)	Penyediaan pelaporan berkaitan inisiatif TCGF oleh syarikat
<i>Transfer Pricing Documentation</i>	Penyediaan dokumentasi bagi harga pindahan oleh syarikat
Pelaksanaan E-Invois	Perbelanjaan fi perunding untuk melaksanakan e-Invois yang dibuat oleh Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS)
Pelaporan berkaitan pematuhan piawaian ESG	Pelaporan ESG oleh syarikat dikemukakan kepada badan kawal selia yang diluluskan oleh Menteri Kewangan

### Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2024 hingga tahun taksiran 2027.

## Kajian Semula Elaun Modal Ke Atas Peralatan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Dan Perisian Komputer

### Kedudukan Semasa

Syarikat yang membuat perbelanjaan modal ke atas peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan perisian komputer dibenarkan menuntut elaun modal seperti berikut:

Perbelanjaan yang Layak	Tarikh Kuat Kuasa	Kadar Elaun Modal
Pembelian peralatan ICT dan pakej perisian komputer	Mulai tahun taksiran 2017	Elaun Permulaan: 20%
Fi perundingan, bayaran pemerolehan lesen dan bayaran sampingan berkaitan pembangunan perisian komputer secara khusus (customised)	Mulai tahun taksiran 2018	Elaun Tahunan: 20%

### Cadangan

Bagi membantu syarikat untuk kekal berdaya saing seiring dengan kemajuan teknologi semasa, dicadangkan kadar elaun modal disemak semula seperti berikut:

Perbelanjaan yang Layak	Kadar Elaun Modal
Pembelian peralatan ICT dan pakej perisian komputer	Elaun Permulaan: 40%
Fi perundingan, bayaran pemerolehan lesen dan bayaran sampingan berkaitan pembangunan perisian komputer secara khusus (customised)	Elaun Tahunan: 20%

Dengan semakan kadar ini, tempoh tuntutan elaun modal dikurangkan daripada 4 tahun kepada 3 tahun.

### Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2024.

**Lanjutan Pengecualian Cukai  
Ke Atas Pendapatan Fi Pengurusan Bagi  
Dana Pelaburan Mampan Dan Bertanggungjawab**

**Kedudukan Semasa**

Syarikat penyedia perkhidmatan pengurusan dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) kepada pelabur, pelabur amanah perniagaan atau pelabur Amanah Pelaburan Harta Tanah (REITs) di Malaysia yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia diberi pengecualian cukai ke atas pendapatan fi pengurusan bagi mengurus dana SRI.

**Cadangan**

Bagi terus mengukuhkan perkhidmatan pengurusan dana SRI selari dengan teras Malaysia MADANI iaitu mampan, kesejahteraan dan ihsan, dicadangkan pengecualian cukai pendapatan dilanjutkan untuk tempoh 4 tahun.

**Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai tahun taksiran 2024 hingga tahun taksiran 2027.

## **Lanjutan Potongan Cukai Ke Atas Penerbitan Sukuk Pelaburan Mampan Dan Bertanggungjawab**

### **Kedudukan Semasa**

Potongan cukai diberi ke atas kos penerbitan sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) yang diluluskan atau dibenarkan atau diserahkan simpan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sukuk SRI digunakan secara eksklusif untuk pembiayaan aktiviti atau transaksi berkaitan projek SRI yang layak dengan matlamat untuk memelihara dan memulihara alam sekitar, menggalakkan pembangunan mampan serta meningkatkan kualiti hidup masyarakat.

Galakan ini diberi mulai tahun taksiran 2016 hingga tahun taksiran 2023.

### **Cadangan**

Bagi terus menggalakkan penerbitan sukuk SRI yang mencapai standard hijau, sosial dan mampan selaras dengan Malaysia MADANI, dicadangkan potongan cukai ini dilanjutkan untuk tempoh 4 tahun.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai tahun taksiran 2024 hingga tahun taksiran 2027.

## **Peluasan Skop Pengecualian Cukai Pendapatan Ke Atas Geran Sukuk Pelaburan Mampan Dan Bertanggungjawab Dan Skim Geran Bon**

### **Kedudukan Semasa**

Dana Pembangunan Pasaran Modal telah menyediakan Geran Sukuk Hijau Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) berjumlah RM6 juta. Setiap penerbit Sukuk Hijau SRI perlu memohon kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) bagi mendapatkan geran ini untuk membiayai perbelanjaan *external review* terhadap sehingga RM300,000.

Geran Sukuk Hijau SRI meliputi semua jenis sukuk SRI dan bon yang mencapai ASEAN Green, Social and Sustainability Bond Standards yang diluluskan oleh SC. Geran ini dinamakan semula sebagai Geran Sukuk SRI dan Skim Geran Bon. Pengecualian cukai pendapatan ke atas geran ini diberi mulai 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2025.

### **Cadangan**

Bagi terus menggalakkan penerbitan sukuk SRI dan bon yang mencapai standard hijau, sosial dan mampan di Malaysia, dicadangkan pengecualian cukai pendapatan diperluas meliputi Geran Sukuk SRI-Linked dan bon yang dikeluarkan di bawah ASEAN Sustainability-Linked Bond Standards (ASEAN SLBS) yang diluluskan oleh SC.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi permohonan yang diterima oleh SC mulai 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2025.

## Kajian Semula Pengecualian Cukai Pendapatan Ke Atas Perkhidmatan Pengurusan Dana Patuh Syariah

### Kedudukan Semasa

Syarikat penyedia perkhidmatan pengurusan dana patuh syariah yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia diberi pengecualian cukai pendapatan 100% ke atas pendapatan berkanun daripada perkhidmatan pengurusan dana seperti berikut:

Kategori Pelabur	Tahun Taksiran
Pelabur asing di Malaysia	2007 hingga 2023
Pelabur tempatan	2008 hingga 2023
Pelabur Amanah Perniagaan atau Pelabur Amanah Pelaburan Harta Tanah (REITs) di Malaysia	2014 hingga 2023

### Cadangan

Bagi terus menyokong perkembangan perkhidmatan pengurusan dana patuh syariah, dicadangkan tempoh pengecualian cukai pendapatan bagi syarikat penyedia perkhidmatan pengurusan dana patuh syariah dilanjutkan selama 4 tahun dengan pengecualian cukai sebanyak 60%.

### Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2024 hingga tahun taksiran 2027.

## **Kajian Semula Duti Setem Bagi Pindah Milik Harta Tanah Secara Lepas Hak**

### **Kedudukan Semasa**

Pindah milik harta tanah melibatkan harta pusaka dikenakan duti tetap RM10 di bawah Butiran 32(i) Jadual Pertama, Akta Setem 1949 sekiranya pindah milik daripada pentadbir harta pusaka kepada benefisiari yang layak sama ada mengikut wasiat/faraid atau Distribution Act 1958.

Sekiranya benefisiari yang layak melepaskan hak kepada benefisiari lain yang layak atau selain benefisiari, duti *ad valorem* akan dikenakan di bawah Butiran 66(c) Jadual Pertama, Akta Setem 1949.

### **Cadangan**

Selaras dengan teras Malaysia MADANI yang mengutamakan kesejahteraan rakyat dan penerapan nilai ihsan, dicadangkan pindah milik harta tanah melibatkan benefisiari yang layak melepaskan hak kepada benefisiari lain yang layak mengikut wasiat/faraid atau Distribution Act 1958 dikenakan duti tetap RM10.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi surat cara pindah milik harta tanah yang disempurnakan mulai 1 Januari 2024.



## Kajian Semula Duti Setem Bagi Pemilikan Harta Tanah Oleh Bukan Warganegara

### Kedudukan Semasa

Syarikat milik asing dan individu bukan warganegara dibenarkan memiliki harta tanah di Malaysia dan dikenakan duti setem ke atas surat cara pindah milik pada kadar *ad valorem* yang sama dengan warganegara seperti berikut:

Harga Jualan/Nilai Pasaran Harta Tanah (mengikut mana lebih tinggi)	Kadar Duti Setem
RM100,000 pertama	1%
RM100,001 hingga RM500,000	2%
RM500,001 hingga RM1,000,000	3%
RM1,000,001 dan ke atas	4%

### Cadangan

Sebagai salah satu mekanisme kawalan harga harta tanah, dicadangkan duti setem dikenakan pada kadar rata 4% ke atas surat cara pindah milik harta tanah yang disempurnakan oleh syarikat milik asing dan individu bukan warganegara (tidak termasuk pemastautin tetap Malaysia).

### Tarikh Kuat Kuasa

Bagi surat cara pindah milik harta tanah yang disempurnakan mulai 1 Januari 2024.

## **Pengecualian Cukai Pendapatan Bagi Aktiviti Kewangan Islam Di Bawah Labuan IBFC**

### **Kedudukan Semasa**

Entiti Labuan yang menjalankan aktiviti perdagangan seperti perbankan, insurans dan syarikat amanah dikenakan cukai pendapatan pada kadar tetap 3% ke atas keuntungan bersih selepas audit, manakala entiti Labuan yang menjalankan aktiviti bukan perdagangan seperti pemegang ekuiti dikenakan cukai pendapatan pada kadar tetap 0% ke atas keuntungan bersih selepas audit. Entiti Labuan juga tertakluk kepada syarat substantif iaitu pekerja sepenuh masa dan perbelanjaan operasi tahunan di Labuan.

### **Cadangan**

Sebagai inisiatif untuk membangunkan Labuan International Business and Financial Centre (IBFC) sebagai pusat kewangan Islam dan patuh syariah, dicadangkan pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya selama 5 tahun diberi kepada entiti Labuan yang menjalankan aktiviti perdagangan berkaitan kewangan Islam seperti perbankan digital Islam, bursa digital Islam, syarikat berkaitan ummah dan pengeluar token digital Islam.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai tahun taksiran 2024 hingga tahun taksiran 2028.

## Galakan Pelaburan Semula Di Bawah Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030

### Kedudukan Semasa

Elaun Pelaburan Semula (EPS) di bawah Jadual 7A Akta Cukai Pendapatan 1967 layak dituntut oleh syarikat pengilangan dan syarikat pertanian yang melaksanakan projek pembesaran, pelbagaian, automasi dan modenisasi. Syarikat layak menuntut EPS sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal yang dilakukan dan boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun untuk tempoh 15 tahun taksiran berturut-turut. Galakan cukai ini masih berkuat kuasa.

### Cadangan

Bagi menggalakkan syarikat sedia ada yang telah tamat tempoh kelayakan EPS untuk terus meningkatkan kapasiti dan pelaburan dalam aktiviti bernilai tinggi di bawah Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030, dicadangkan galakan cukai disediakan seperti berikut:

Elaun Cukai Pelaburan	<i>Tier 1</i>	<i>Tier 2</i>
Perbelanjaan Modal Yang Layak	100%	60%
Pendapatan Berkanun Yang Boleh Ditolak	100%	70%

Kadar elaun cukai pelaburan yang layak akan ditentukan berdasarkan pendekatan keberhasilan (outcome-based approach).

### Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia mulai 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2028.

## Galakan Cukai Bagi Hab Perkhidmatan Global

### Kedudukan Semasa

Bagi menarik pelaburan berkualiti, Kerajaan telah memperkenalkan galakan cukai Hab Prinsipal dengan objektif menjadikan Malaysia sebagai hab perniagaan global bagi aktiviti bernilai tinggi iaitu mengurus, mengawal dan menyokong fungsi utama perniagaan seperti pengurusan risiko, pembuatan keputusan, perniagaan strategik dan kewangan. Galakan yang diberi adalah cukai pendapatan pada kadar 0%, 5% dan 10% tertakluk kepada syarat tertentu seperti membuat perbelanjaan perniagaan tahunan minimum dan menyediakan pekerjaan sepenuh masa bernilai tinggi. Walau bagaimanapun, galakan cukai semasa tidak diberi berdasarkan pendekatan keberhasilan (*outcome-based approach*).

### Cadangan

Bagi mengekalkan daya saing Malaysia sebagai pemain utama sektor perkhidmatan global di rantau ini dan menjadikan negara ini sebagai hab perkhidmatan strategik berimpak tinggi, dicadangkan galakan cukai Hab Perkhidmatan Global berdasarkan *outcome-based approach* diperkenalkan seperti berikut:

	Syarikat Baharu		Syarikat Wujud	
	Tier 1	Tier 2	Tier 1	Tier 2
<b>Tahun Pengecualian</b>	5 + 5		5	
<b>Galakan Cukai</b>	Kadar Cukai 5%	Kadar Cukai 10%	Kadar Cukai 5% ke atas pendapatan nilai tambah	Kadar Cukai 10% ke atas pendapatan nilai tambah
<b>Jenis Pendapatan Dikecualikan</b>	i. Pendapatan perkhidmatan; atau ii. Pendapatan perkhidmatan dan trading.			
<b>Perkhidmatan yang Layak &amp; Perkhidmatan Tambahan</b>	Melaksanakan aktiviti berikut: i. <i>Regional P&amp;L / Business Management Unit</i> ; ii. <i>Strategic business planning</i> ; iii. <i>Corporate development</i> ;  DAN  Mana-mana 2 aktiviti yang layak di bawah kategori perkhidmatan berikut: a. <i>Strategic services</i> ; b. <i>Business services</i> ; c. <i>Shared services</i> ; atau d. <i>Other services</i> .			
<b>Syarat-Syarat (Outcome-based)</b>	i. Perbelanjaan operasi tahunan; ii. Pekerja sepenuh masa bernilai tinggi; iii. Pekerja C-Suite dengan gaji bulanan minimum RM35,000; iv. Perkhidmatan sokongan tempatan; v. Kerjasama dengan institusi pengajian tinggi/TVET; vi. Latihan kepada pelajar/warga Malaysia; vii. Elemen Environmental, Social and Governance (ESG); atau viii. Syarat-syarat lain ditentukan Menteri Kewangan.			

Penentuan kelayakan kadar cukai pendapatan yang akan dinikmati oleh syarikat bagi setiap tahun taksiran adalah berasaskan *outcome-based approach*.

Selain itu, dicadangkan kadar cukai pendapatan 15% untuk tempoh 3 tahun taksiran berturut-turut dan diberi terhad kepada 3 individu bukan warganegara yang memegang jawatan utama/*C-Suite* dengan gaji bulanan sekurang-kurangnya RM35,000 yang dilantik oleh syarikat baharu yang diluluskan galakan cukai Hab Perkhidmatan Global.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia mulai 14 Oktober 2023 hingga 31 Disember 2027.

## **Kajian Semula Galakan Cukai Automasi Sektor Perkilangan, Perkhidmatan Dan Pertanian**

### **Kedudukan Semasa**

Syarikat perkilangan, perkhidmatan dan pertanian yang membuat perbelanjaan modal dalam kelengkapan automasi termasuk adaptasi elemen Industri 4.0 diberi galakan Elaun Modal Dipercepatkan (ACA) sebanyak 100% ke atas RM10 juta pertama perbelanjaan modal yang layak dan boleh diserap sepenuhnya dalam tempoh 1 tahun. Syarikat juga layak diberi pengecualian cukai pendapatan bersamaan 100% ke atas perbelanjaan modal yang sama.

Galakan cukai ini berkuatkuasa bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2027.

### **Cadangan**

Bagi meningkatkan produktiviti hasil perladangan dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh asing, dicadangkan skop ACA ini diperluas untuk meliputi sektor komoditi di bawah Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK).

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi permohonan yang diterima oleh KPK mulai 14 Oktober 2023 hingga 31 Disember 2027.

## Kajian Semula Galakan Cukai Bagi Program Wanita Kembali Bekerja

### Kedudukan Semasa

Golongan wanita yang berada dalam *career break* dan kembali bekerja layak diberi pengecualian cukai pendapatan ke atas penggajian yang diterima bagi tempoh maksimum 12 bulan berturut-turut.

Syarat kelayakan yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- i. Wanita kembali bekerja selepas *career break* untuk tempoh sekurang-kurangnya 2 tahun sebelum atau sehingga 27 Oktober 2017; dan
- ii. Pendapatan penggajian yang diterima dalam tahun taksiran 2018 hingga tahun taksiran 2024.

Galakan cukai ini adalah bagi permohonan yang diterima oleh Talent Corporation Malaysia Berhad selewat-lewatnya 31 Disember 2023.

### Cadangan

Selaras dengan Sustainable Development Goals (SDGs) dan sasaran Ekonomi MADANI untuk meningkatkan tenaga kerja wanita, dicadangkan syarat kelayakan galakan cukai bagi Program Wanita Kembali Bekerja ditambah baik seperti berikut:

- i. Wanita kembali bekerja selepas tempoh *career break* sekurang-kurangnya 2 tahun sebelum tarikh permohonan diterima oleh Talent Corporation Malaysia Berhad; dan
- ii. Pendapatan penggajian yang diterima mulai tahun taksiran 2025 hingga tahun taksiran 2028.

### Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh Talent Corporation Malaysia Berhad mulai 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2027.



## Kajian Semula Galakan Cukai Bagi Program Kepulangan Pakar

### Kedudukan Semasa

Program Kepulangan Pakar di bawah Talent Corporation Malaysia Berhad menawarkan galakan cukai seperti berikut:

- i. Cukai pendapatan pada kadar tetap 15% ke atas pendapatan penggajian bagi tempoh 5 tahun taksiran berturut-turut; dan
- ii. Pengecualian duti import dan duti eksais bagi pembelian sebuah kenderaan Completely Built-Up (CBU) atau pengecualian duti eksais bagi pembelian sebuah kenderaan Completely Knocked-Down (CKD), tertakluk jumlah pengecualian dihadkan sehingga RM100,000.

Galakan cukai ini layak bagi permohonan yang diterima oleh Talent Corporation Malaysia Berhad mulai 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2023.

### Cadangan

Bagi terus menggalakkan kitaran bakat global dan menarik diaspora profesional Malaysia kembali berkhidmat, dicadangkan galakan cukai ini dikaji semula seperti berikut:

- i. Cukai pendapatan pada kadar tetap 15% ke atas pendapatan penggajian yang diterima individu bagi tempoh 5 tahun taksiran berturut-turut; dan
- ii. Pengecualian duti eksais bagi pembelian sebuah kenderaan CKD tertakluk kepada jumlah pengecualian sehingga RM100,000.

### Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh Talent Corporation Malaysia Berhad mulai 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2027.

## Kajian Semula Galakan Cukai *Equity Crowdfunding*

### Kedudukan Semasa

Pelabur individu yang melabur di dalam *equity crowdfunding* (ECF) layak mendapat pengecualian cukai ke atas pendapatan agregat bersamaan dengan 50% amaun pelaburan tertakluk kepada syarat berikut:

- i. Amaun yang layak bagi pengecualian cukai adalah terhad sehingga RM50,000 bagi setiap tahun taksiran;
- ii. Amaun yang boleh ditolak adalah terhad sehingga 10% daripada pendapatan agregat bagi tahun taksiran tersebut. Lebihan amaun yang tidak dapat ditolak akan diabaikan;
- iii. Pelabur, syarikat penerima pelaburan dan jumlah pelaburan hendaklah disahkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia;
- iv. Pelabur tidak mempunyai ikatan persaudaraan dengan syarikat penerima pelaburan;
- v. Pelaburan yang dibuat hendaklah melalui platform ECF yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia; dan
- vi. Pelaburan tidak boleh dilupuskan sepenuhnya atau sebahagian dalam tempoh 2 tahun dari tarikh pelaburan dibuat.

Galakan cukai ini diberikan bagi pelaburan yang dibuat mulai 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2023.

### Cadangan

Bagi terus menarik lebih ramai pelabur individu melabur dalam syarikat pemula melalui platform ECF, dicadangkan galakan cukai ini diperluas kepada pelaburan yang dibuat oleh pelabur individu melalui syarikat nomini Perkongsian Liabiliti Terhad dan dilanjutkan untuk tempoh 3 tahun.

### Tarikh Kuat Kuasa

Bagi pelaburan yang dibuat mulai 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2026.

## Lanjutan Galakan Cukai Bagi Pelabur Mangkin

### **Kedudukan Semasa**

Pelabur mangkin yang melabur dalam syarikat pemula teknologi dalam bentuk saham biasa layak mendapat pengecualian cukai di peringkat pendapatan agregat. Jumlah pendapatan agregat yang dikecualikan adalah bersamaan dengan jumlah pelaburan yang dibuat dalam syarikat pemula teknologi.

Galakan cukai ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2023.

### **Cadangan**

Bagi menarik lebih ramai pelabur mangkin untuk menyediakan pendanaan modal kepada syarikat pemula teknologi, dicadangkan galakan cukai ini dilanjutkan untuk tempoh 3 tahun.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi pelaburan yang dibuat mulai 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2026.

## Kajian Semula Galakan Cukai Teknologi Hijau

### Kedudukan Semasa

Syarikat yang menjalankan aktiviti hijau yang layak diberi galakan cukai seperti berikut:

**i. Green Investment Tax Allowance (GITA)**

Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal bagi aktiviti hijau yang layak untuk tempoh 3 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun.

**ii. Green Income Tax Exemption (GITE)**

- a. Pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% ke atas pendapatan berkanun bagi aktiviti perkhidmatan hijau yang layak untuk tempoh 3 tahun taksiran; dan
- b. Pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% ke atas pendapatan berkanun untuk tempoh sehingga 10 tahun taksiran bagi aktiviti *solar leasing*.

Galakan cukai ini adalah bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) hingga 31 Disember 2023.

## Cadangan

Selaras dengan aspirasi Malaysia untuk menjadi sebuah negara yang inklusif, mampan dan neutral karbon menjelang 2050, dicadangkan galakan cukai teknologi hijau dikaji semula seperti berikut:

### Projek GITA (Tujuan Perniagaan)

Aktiviti yang Layak	% GITA	% Pendapatan Berkanun yang Boleh Ditolak	Tempoh Galakan
<b><u>Tier 1</u></b> i. Hidrogen hijau	100%	100% atau 70%	Sehingga 10 tahun (5+5)
<b><u>Tier 2</u></b> i. Pengurusan sisa bersepadu ii. Stesen pengecasan kenderaan elektrik	100%	100%	5 tahun
<b><u>Tier 3</u></b> i. Biojisim ii. Biogas iii. Hidro mini iv. Geoterma v. Solar vi. Tenaga angin	100%	70%	5 tahun

## Aset GITA (Kegunaan Sendiri)

Aktiviti yang Layak	% GITA	% Pendapatan Berkanun yang Boleh Ditolak	Tempoh Galakan
<p><b><u>Tier 1</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Senarai aset layak yang diluluskan oleh Menteri Kewangan</li> <li>ii. <i>Battery Energy Storage System (BESS)</i></li> <li>iii. Bangunan hijau</li> </ul>	100%	70%	Perbelanjaan modal layak yang dilakukan mulai 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2026
<p><b><u>Tier 2</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Senarai aset layak yang diluluskan oleh Menteri Kewangan</li> <li>ii. <i>Renewable Energy System</i></li> <li>iii. <i>Energy efficiency</i></li> </ul>	60%	70%	

## GITE Solar Leasing

Tier	Pengecualian Cukai ke atas Pendapatan Berkanun	Tempoh Galakan
>3MW - ≤10MW	70%	5 tahun
>10MW - ≤30MW		10 tahun

## Tarikh Kuat Kuasa

Projek GITA	Bagi permohonan yang diterima oleh MIDA mulai 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2026
Aset GITA	Perbelanjaan modal layak yang disahkan oleh <i>Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation</i> bagi pembelian aset teknologi hijau mulai 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2026.
GITE <i>Solar Leasing</i>	Bagi permohonan yang diterima oleh MIDA mulai 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2026.

## Lanjutan Galakan Cukai Bagi Sewaan Kenderaan Elektrik

### **Kedudukan Semasa**

Melalui Belanjawan 2023, syarikat yang menyewa kenderaan elektrik (EV) bukan komersial diberi potongan cukai sehingga RM300,000 berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2023 hingga tahun taksiran 2025.

### **Cadangan**

Bagi terus menggalakkan penggunaan EV dan menyokong ekosistem mobiliti hijau sejajar dengan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara, dicadangkan potongan cukai bagi kos sewaan EV dilanjutkan untuk tempoh 2 tahun.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Sehingga tahun taksiran 2027.



## **Potongan Cukai Ke Atas Sumbangan Bagi Projek Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Alam Sekitar**

### **Kedudukan semasa**

Perubahan iklim dunia telah menjadi ancaman kepada kelestarian alam dan biodiversiti di Malaysia. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif bagi memelihara dan memulihara alam sekitar, termasuk aktiviti penghutan semula seperti Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021 – 2025.

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) merupakan agensi Kerajaan yang terlibat secara langsung dalam menggalakkan penyertaan pihak swasta melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam aktiviti penanaman pokok serta meningkatkan kesedaran dan menyebarkan maklumat kepada orang ramai berkaitan kepentingan melindungi alam sekitar.

Bagi menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam memberi sumbangan kepada projek amal atau komuniti, potongan cukai di bawah subseksyen 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967 diberi ke atas perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat bagi penyediaan perkhidmatan, kemudahan awam, projek amal atau komuniti yang berkaitan dengan bidang pendidikan, kesihatan, perumahan, projek meningkatkan pendapatan golongan miskin, infrastruktur, teknologi maklumat dan komunikasi, penyelenggaraan bangunan warisan termasuk projek pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

### **Cadangan**

Bagi menyokong program CSR yang dijalankan oleh FRIM, dicadangkan potongan cukai di bawah subseksyen 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967 diberi kepada entiti yang menyumbang atau menaja aktiviti berkaitan projek penanaman pokok atau projek kesedaran pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar yang disahkan oleh FRIM.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2026.

## Potongan Cukai Tambahan Bagi Pasaran Karbon Sukarela

### Kedudukan semasa

Seiring dengan usaha untuk menggalakkan syarikat membuat pelaburan dalam Projek Mekanisme Pembangunan Bersih bagi mengurangkan gas rumah hijau, pengecualian cukai pendapatan ke atas jualan *Certified Emissions Reduction* (CERs) telah diberi mulai tahun taksiran 2008 sehingga tahun taksiran 2012.

Pada tahun 2022, Bursa Malaysia telah melancarkan inisiatif pasaran karbon sukarela (VCM) yang dikenali sebagai *Bursa Carbon Exchange* (BCX). Inisiatif ini bertindak sebagai platform sukarela bagi dagangan kredit karbon antara pemilik projek pembangunan karbon dengan mana-mana entiti yang berhasrat untuk beralih kepada amalan rendah karbon. Perbelanjaan berkaitan pembangunan projek karbon yang dilakukan syarikat yang menjalankan perdagangan kredit karbon dibenarkan potongan cukai di bawah subseksyen 33(1) Akta Cukai Pendapatan 1967.

### Cadangan

Selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk menjadi negara neutral karbon menjelang tahun 2050 dan menggalakkan lebih banyak penglibatan syarikat menyertai VCM, dicadangkan potongan cukai tambahan sehingga RM300,000 diberi kepada syarikat yang membuat perbelanjaan ke atas kos *Development and Measurement, Reporting and Verification* (MRV) berkaitan pembangunan projek karbon. Potongan cukai tambahan ini boleh ditolak daripada pendapatan penjualan kredit karbon yang didagangkan di BCX.

Pembangunan projek karbon perlu didaftarkan dengan badan piawaian antarabangsa yang diiktiraf oleh Bursa Malaysia dan perbelanjaan pembangunan projek karbon tersebut hendaklah disahkan oleh Malaysia Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC).

### Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh MGTC mulai 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2026.

## Pengecualian Duti Import Dan Cukai Jualan Ke Atas *Manufacturing Aids*

### **Kedudukan Semasa**

*Manufacturing aids* merujuk kepada barang yang digunakan dalam proses pengilangan untuk mempercepat, menambah baik, melengkapi dan menyiapkan proses pengeluaran barang siap, namun ia tidak menjadi sebahagian daripada barang siap.

Tiada pengecualian duti import dan cukai jualan diberi kepada pengilang ke atas pengimportan dan pembelian tempatan *manufacturing aids* di bawah Akta Kastam 1967 dan Akta Cukai Jualan 2018.

### **Cadangan**

Bagi meningkatkan daya saing sektor pengilangan, dicadangkan pengecualian duti import dan cukai jualan diberi kepada pengilang yang layak ke atas pengimportan dan pembelian tempatan *manufacturing aids* tertakluk kepada jenis industri dan kategori barang yang ditetapkan.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai 1 Januari 2024.

## Pengecualian Duti Hiburan Di Wilayah Persekutuan

### Kedudukan Semasa

Duti hiburan pada kadar 25% dikenakan ke atas bayaran kemasukan ke tempat atau acara hiburan seperti taman tema, persembahan pentas, acara sukan dan pertandingan serta tayangan filem di pawagam.

Di bawah subseksyen 12(1)(b) Akta Duti Hiburan 1953, Menteri Kewangan boleh mengecualikan duti hiburan ke atas apa-apa acara hiburan yang diadakan di Wilayah Persekutuan, manakala di bawah subseksyen 12(2), Pihak Berkuasa Negeri boleh mengecualikan duti hiburan bagi apa-apa acara hiburan yang diadakan di negeri masing-masing.

### Cadangan

Bagi menyokong pembangunan industri kreatif dalam negara, memupuk penyatuan budaya dan mengeratkan ikatan kekeluargaan, dicadangkan pengecualian kadar duti hiburan semasa diberi kepada jenis hiburan terpilih yang diadakan di Wilayah Persekutuan seperti berikut:

Jenis Hiburan	Kadar Duti Hiburan	
	Semasa	Selepas Pengecualian
Persembahan pentas oleh artis antarabangsa / Pertunjukan Cahaya / Sarkas	25%	10%
Tayangan Filem (Pawagam) / Teater		
Pameran / Zoo / Akuarium		
Acara Sukan / E-Sukan / Boling / Snuker / Pool / Billiard / Karaoke		5%
Taman Tema / Pusat Rekreasi Keluarga / Pusat Permainan Indoor / Simulator		0%
Persembahan pentas oleh artis tempatan		

### Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2028.

## Kajian Semula Kadar Duti Eksais Ke Atas Minuman Bergula

### Kedudukan Semasa

Pengenaan duti eksais ke atas minuman bergula pada kadar RM0.40 seliter mengikut nilai ambang kandungan gula telah berkuat kuasa mulai 1 Julai 2019 melibatkan minuman seperti berikut:

Kod Tarif	Jenis Minuman	Nilai Ambang Kandungan Gula
22.02	Air minuman termasuk minuman berkarbonat yang mengandungi gula tambahan atau bahan pemanis lain atau berperisa dan minuman lain tanpa alkohol	>5g/100ml
	Minuman berperisa berasaskan susu yang mengandungi laktosa	>7g/100ml
20.09	Jus buah-buahan dan jus sayur-sayuran, sama ada mengandungi gula tambahan atau tidak, atau mengandungi bahan pemanis yang lain	>12g/100ml

### Cadangan

Selaras dengan usaha untuk meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan rakyat khususnya melalui pencegahan penyakit diabetes dan obesiti, dicadangkan kadar duti eksais bagi minuman bergula dinaikkan kepada RM0.50 seliter.

### Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Januari 2024.

## Pengenaaan Duti Eksais Ke Atas Produk Tembakau Kunyah

### Kedudukan Semasa

Produk tembakau tanpa asap seperti tembakau kunyah (chewing and sucking tobacco) dan tembakau sedut (snuff tobacco) dikenakan duti import, duti eksais dan cukai jualan seperti berikut:

Jenis Duti/Cukai	Tembakau Kunyah	Tembakau Sedut
Duti import	5% + RM50/kg	5% + RM40/kg
Duti eksais	Tidak berkaitan	5% + RM27/kg
Cukai jualan	10%	10%

### Cadangan

Bagi meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan rakyat serta mengambil kira risiko pengambilan tembakau kunyah yang sama seperti merokok, dicadangkan duti eksais pada kadar 5% + RM27/kg dikenakan ke atas tembakau kunyah (*chewing and sucking tobacco*) di bawah kod tarif 2403.99.5000.

### Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Januari 2024.

## Peluasan Skop Perkhidmatan Bercukai Dan Perubahan Kadar Cukai Perkhidmatan

### Kedudukan Semasa

Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas sembilan (9) kumpulan perkhidmatan bercukai seperti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 dengan kadar cukai seperti berikut:

Kumpulan	Perkhidmatan Bercukai	Kadar Cukai
<b>A</b>	Penginapan	6%
<b>B</b>	Makanan dan minuman	
<b>C</b>	Kelab malam, dewan tari menari, kabaret, pusat kesihatan dan kesejahteraan, rumah urut, rumah awam dan rumah bir	
<b>D</b>	Kelab persendirian	
<b>E</b>	Kelab golf dan lapangan sasaran golf	
<b>F</b>	Pertaruhan dan perjudian	
<b>G</b>	Profesional	
<b>H</b>	Kad kredit dan kad caj	RM25 setahun
<b>I</b>	Penyedia perkhidmatan lain	6%

Dalam pengumuman Bajet 2022, skop perkhidmatan bercukai bagi perkhidmatan penghantaran kiriman cepat (kurier) telah diperluas untuk meliputi perkhidmatan penghantaran barang. Namun, tarikh kuatkuasa peluasan skop ini telah ditangguhkan.

### Cadangan

Selaras dengan langkah mengukuhkan kedudukan fiskal negara melalui pendekatan lebih progresif, adalah dicadangkan perkara berikut:

## Peluasan Skop Perkhidmatan Bercukai

Kumpulan perkhidmatan bercukai sedia ada diluaskan untuk meliputi **perkhidmatan baharu** seperti berikut:

- i. Kumpulan C: Perkhidmatan **pusat karaoke**;
- ii. Kumpulan I:
  - a. Perkhidmatan **penghantaran barang** (kecuali penghantaran makanan dan minuman);
  - b. Perkhidmatan **pembrokeran dan penajajaminan** untuk perkhidmatan **selain kewangan** seperti broker kapal/kapal terbang, komoditi dan harta tanah; dan
  - c. Perkhidmatan **logistik**.

**Nilai ambang (threshold)** bagi tujuan pendaftaran wajib untuk penyedia perkhidmatan pusat karaoke, penghantaran barang, pembrokeran dan penajajaminan (selain kewangan) dan logistik ditetapkan pada amaun RM500,000.

## Perubahan Kadar Cukai

Kadar cukai perkhidmatan dinaikkan daripada 6% kepada **8%** ke atas semua perkhidmatan bercukai kecuali perkhidmatan bercukai berikut yang dikenakan cukai perkhidmatan pada kadar 6%:

- i. Kumpulan B: Makanan dan minuman;
- ii. Kumpulan I: Perkhidmatan telekomunikasi;
- iii. Kumpulan I: Perkhidmatan penyediaan ruang parkir kenderaan; dan
- iv. Kumpulan I: Perkhidmatan logistik.

## Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Mac 2024.







ISSN 2637-0182



9 772637 018000